



# **SOALAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KELIMA BELAS**

**17 NOVEMBER 2023 - 30 NOVEMBER 2023**

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN LISAN DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI**

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Chuan Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Huraikan keluasan pentadbiran, hasil tahunan dan perbelanjaan tahunan mengikut daerah di MBSP.
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memecahkan pentadbiran MBSP kepada beberapa PBT? Jelaskan kebaikan dan halangannya.
  - (b) Huraikan bantuan kewangan tahunan kepada MBPP dan MBSP oleh KPKT sejak tahun 2009.
  - (c) Apakah status Deraf Rancangan Tempatan Seberang Perai?

**Y.A.B Ketua Menteri:**

1. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terbesar di Malaysia dengan keluasan pentadbiran 747.81 Kilometer Persegi. Pentadbiran MBSP adalah meliputi Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) dengan pecahan keluasan seperti berikut:

DAERAH	SPU	SPT	SPS	JUMLAH
<b>KELUASAN</b>	267.74km <sup>2</sup>	237.80km <sup>2</sup>	242.27 km <sup>2</sup>	747.81 km <sup>2</sup>

Pendapatan MBSP adalah dikategorikan kepada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan cukai. Hasil cukai termasuklah Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK). Hasil bukan cukai pula termasuk bayaran pemprosesan pelan, lesen, permit, sewaan, bayaran kompaun dan perolehan daripada pelaburan. Terimaan Bukan Cukai adalah penerimaan Geran Keseimbangan dan Geran Pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Perbelanjaan MBSP pula adalah dikategorikan kepada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan harta modal. Perbelanjaan mengurus merangkumi perbelanjaan emolumen kakitangan tetap, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain. Yerevanian pembangunan pula termasuk pembaikan bangunan serta perbelanjaan kemudahan dan pembaikan kemudahan manakala perbelanjaan harta modal adalah terdiri daripada pembelian kenderaan, alat-alat mesin kejuruteraan dan penggantian mesin.

Hasil dan perbelanjaan tahunan sebenar di MBSP bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	2021	2022 (SEBENAR)	2023
	(SEBENAR)		(SEBENAR)
	(RM)	(RM)	(RM)
Pendapatan	304,918,556.00	315,094,359.00	274,377,592.00
Perbelanjaan	285,369,334.00	310,186,185.00	228,958,400.00
Lebihan/(Defisit)	19,549,222.00	4,908,174.00	45,419,193.00

- (a) Prosedur untuk menggazetkan sesebuah kawasan sebagai kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Pada awalnya, kawasan Seberang Perai telah dipecahkan kepada tiga (3) majlis daerah iaitu Majlis Daerah Utara (MDU), Majlis Daerah Tengah (MDT) dan Majlis Daerah Selatan (MDS). Walau bagaimanapun, ketiga-tiga majlis daerah ini telah digabungkan dan dikenali sebagai Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai. Pada 15 Disember 1976, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ini telah dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan seterusnya pada 16 September 2019 sekali lagi telah dinaik taraf menjadi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

MBSP berpandangan cadangan untuk memecah Pihak Berkuasa Tempatan kepada beberapa PBT adalah tidak berdaya maju dari segi kewangan bagi kawasan Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS). Keadaan ini akan menyebabkan berlaku pembaziran sumber kerana kemudahan awam yang boleh dikongsi, infrastruktur, kakitangan, logistik juga perlu ditambah mengikut daerah dan tidak mendapat *economies of scale*. Selain itu status taraf bandaraya yang dimiliki oleh MBSP pada ketika ini juga berkemungkinan besar akan hilang dengan memecahkan pentadbiran MBSP kepada tiga (3) PBT mengikut daerah disebabkan tidak menepati kriteria penarafan bandaraya kepada sesebuah bandar.

Tidak dinafikan masih terdapat kebaikan sekiranya pentadbiran MBSP dipecahkan kepada beberapa PBT. Sebagai contoh pentadbiran sesebuah kawasan dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus, kos operasi yang kecil, masalah lokaliti yang kurang dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, kebaikan-kebaikan yang ada ini tidak mempunyai justifikasi yang kukuh untuk memecah pentadbiran MBSP kepada beberapa PBT.

- b. Bantuan dan sokongan kewangan yang diterima oleh MBPP dan MBSP daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dari tahun 2009 hingga 2022 adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	MBPP (RM)	MBSP (RM)
1	2009	7,723,074	7,065,530
2	2010	8,110,953	7,373,049
3	2011	7,801,369	7,444,395
4	2012	7,955,630	7,916,807
5	2013	7,917,737	8,300,846
6	2014	8,044,074	8,471,004
7	2015	8,302,209	9,247,593
8	2016	7,316,470	9,436,562
9	2017	8,550,783	9,776,808
10	2018	8,074,272	10,682,824
11	2019	8,284,803	13,357,312
12	2020	12,261,315	14,766,506
13	2021	14,549,953	22,981,028
14	2022	11,040,163	20,967,541
15	2023 (sehingga 30/9/2023)	14,814,294	14,491,718
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>140,747,098</b>	<b>172,279,523</b>

Terdapat 2 bentuk geran yang diterima oleh MBPP dan MBSP daripada KPKT iaitu:

- (i) Geran Mengurus yang merangkumi Geran Tahunan Berasaskan Kaedah Keseimbangan (GTBKK) dan Bantuan Bayaran Balik Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat; dan
- (ii) Geran bagi Projek Pembangunan yang diterima oleh MBPP dan MBSP merangkumi projek-projek seperti berikut:

**(1) Majlis Bandaraya Pulau Pinang**

- (a) Projek-Projek Kecil BP1
- (b) Projek Gerai Penjaja: Mykiosk@Kpkt - Pembangunan Gerai Dan Kiosk Rakyat Di Bawah Peruntukan Inisiatif Belanjawan
- (c) Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) / Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) & Pemerkasa
- (d) Tabung Penyelenggaraan Perumahan
- (e) Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)- Baikpulih Rumah
- (f) Naik Taraf Taman Awam Negeri Pulau Pinang (Jabatan Landskap Negara)

**(2) Majlis Bandaraya Seberang Perai**

- (a) Projek-Projek Kecil BP1
- (b) Program Pembasmian Kemiskinan Bandar; dan
- (c) Program Kesihatan Persekitaran PBT
- (d) Pembiayaan Kerja-Kerja Naik Taraf Robina Eco Park Fasa 2
- (e) Pemerkasa (JKT)
- (f) Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM)
- (g) Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP)
- (h) Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) - Baik Pulih Rumah Daif
- (i) Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRAK)
- (j) Program Bandar Selamat
- (k) Projek Perintis Pemasangan Perangkap Sampah Smart Dari Jenis Gpt (Gross Pollutant Trap)
- (l) Projek Memulihara Runtuhan Gereja Lama Pagar Tras, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
- (m) Kerja-Kerja Dataran Tsunami Di Atas Lot 1060 Dan 2447 Mukim 1, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
- (n) Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Taman Bertam Putra
- (o) Kerja-Kerja Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki/Berbasikal Di Kolam Tadahan Basah (Tmn Tekoma) Jalan Perda Utama Bandar Perda Spt
- (p) Kerja-Kerja Menaiktaraf Rekreasi Sembilang
- (q) Kerja-Kerja Menaiktaraf Landskap Taman Bertam Putra
- (r) Peruntukan Pembangunan Projek Naik Taraf Landskap Taman Rekreasi Ampang Jajar, Permatang Pauh, Pulau Pinang

- (b) Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP 2030) kini di peringkat untuk mempertimbangkan Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) DRTSP 2030 di dalam Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri sebelum diangkat untuk kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri. Laporan JKSTP DRTSP 2030 ini telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan MBSP pada 5 September 2023, diperakukan dan disahkan oleh Majlis Penuh pada 19 September 2023.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. Terangkan secara terperinci tentang kronologi isu penjualan tanah di Byram, BKIP2 oleh PDC kepada UMECH.
  - (a) Nyatakan kelemahan / kesilapan dalam proses dan prosedur penjualan tanah sedia ada serta usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani isu ini.
  - (b) Nyatakan peranan dan tanggungjawab PDC dalam usaha membangunkan BKIP2 selain daripada menjual tanah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

2. (a) Tiada kelemahan atau kesilapan dalam proses dan prosedur penjualan tanah kepada UMECH Land Sdn. Bhd. Prosedur penjualan tanah adalah selaras dengan amalan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selama ini iaitu sama ada secara tender terbuka, *Request For Proposal* atau rundingan terus.

Dalam hal UMECH, penjualan adalah secara rundingan terus hasil usaha promosi yang dijalankan oleh PDC di Ekspo Dubai 2020 yang telah berlangsung pada 16 sehingga 23 Januari 2022. Syarikat ini adalah satu-satunya syarikat yang menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh untuk menjalankan perniagaan di Pulau Pinang. Sebelum penyertaan Ekspo Dubai 2020, hebahan dan promosi berkaitan projek-projek yang akan dibawa telah dilaksanakan. Projek-projek tersebut juga telah mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Lembaga PDC.

Pemilihan UMECH Land Sdn. Bhd. juga melalui proses yang panjang dan telus berdasarkan punca kuasa yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, isu perubahan saham oleh pihak UMECH Land Sdn. Bhd. yang berlaku sebelum menandatangani perjanjian adalah perkara yang didapati pertama kali berlaku tanpa sebarang maklumat daripada pihak UMECH Land Sdn. Bhd. kepada PDC.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi perkara yang sama berulang, pihak PDC telah membuat pindaan serta-merta ke atas semua surat tawaran dengan meletakkan klausa berkaitan perubahan saham syarikat sebelum menandatangani perjanjian supaya perkara yang sama tidak berulang.

- (b) Peranan dan tanggungjawab PDC dalam usaha membangunkan BKIP2 selain daripada menjual tanah adalah seperti berikut:
  - (i) Memantau pelaksanaan projek berdasarkan jadual yang ditetapkan di dalam surat perjanjian;
  - (ii) Bekerjasama dalam usaha penilaian dan pemilihan pelabur;
  - (iii) Bekerjasama dalam urusan kelulusan pelan-pelan pembangunan; dan
  - (iv) Mengurus permohonan pemberian milik dan pajakan kepada pelabur.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Muhamad bin Kasim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Para nelayan di Kuala Sungai Pinang dan Kuala Jalan Baru mengalami masalah pemendapan tambor(selut) yang cetek dan sempit alur lalu sungai ke laut lepas, terutama pada musim air surut. Apakah perancangan jangka pendek dan panjang dari Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

3. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang telah memaklumkan bahawa masalah pemendapan tambor (selut) yang menyebabkan Kuala Sungai Pinang dan Kuala Jalan Baru menjadi cetek dan alur lalu semakin sempit adalah merupakan masalah yang berulang. Namun begitu, mengikut Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, masalah ini hanyalah menyukarkan vesel nelayan setempat untuk melalui kawasan tersebut tetapi berdasarkan data pendaratan, hasil tangkapan nelayan adalah tidak terjejas.

Bagi perancangan jangka pendek, Kerajaan Negeri melalui pihak JPS Negeri Pulau Pinang telah melantik kontraktor untuk melakukan kerja-kerja mengorek dan membuang selut, tambor dan beting pasir. Kerja-kerja ini selesai dijalankan pada November 2023.

Pada tahun ini, sebanyak dua (2) kerja-kerja telah dijalankan iaitu:

- (a) Kerja-kerja mendalam dan membaiki sungai di Pantai Aceh, Sungai Pinang serta lain-lain kerja berkaitan di Daerah Barat Daya (DBD), Pulau Pinang. Tarikh mula adalah pada 5 Mei 2023 dan tarikh siap adalah pada 31 Julai 2023. Jumlah kos yang telah dibelanjakan bagi kerja-kerja ini adalah sebanyak RM89,900.00. Selain itu, bantuan mesin penarik enjin sampan bernilai RM20,000.00 juga telah diletakkan di jeti pada tahun 2020 bagi membantu nelayan-nelayan di situ; dan
- (b) Kerja-kerja mengorek dan membuang selut serta beting pasir di muara Kuala Jalan Baru, Daerah Barat Daya (DBD), Pulau Pinang. Tarikh mula adalah pada 11 Oktober 2023 dan tarikh siap adalah pada 1 November 2023. Kos yang dikeluarkan bagi kerja-kerja ini pula adalah sebanyak RM19,950.00.

Walau bagaimanapun, pihak JPS memaklumkan bahawa kawasan muara berkenaan kerap terlibat dengan fenomena air pasang surut. Keadaan ini akan mengakibatkan masalah selut, tambor dan beting pasir sentiasa berlaku di kawasan tersebut. Justeru, sebagai perancangan jangka masa panjang, Kerajaan Negeri melalui pihak JPS akan melakukan kerja-kerja mengorek muara sungai terbabit pada setiap tahun mengikut keperluan semasa

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tan Hooi Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Masyarakat Pulau Pinang semakin menua. Menjelang tahun 2040, kira-kira satu (1) daripada empat (4) orang rakyat merupakan warga emas. Kawasan Seri Delima kini berhadapan dengan situasi yang sama. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan bandar mesra warga emas?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

4. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah melaksanakan Bandar Mesra Usia dalam memastikan kesejahteraan golongan warga emas tidak terabai. Komitmen Kerajaan Negeri terhadap perkara ini dilihat melalui usaha menjadi ahli *Global Network of Age-Friendly Cities and Communities yang diiktiraf oleh World Health Organisation (WHO)*. Inisiatif ini adalah hasil kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mewujudkan bandar mesra warga emas adalah seperti perincian berikut:

- (a) Dua (2) sesi libat urus yang melibatkan 70 orang pegawai kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) telah diadakan pada bulan Januari 2023 untuk mengenal pasti pencapaian Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Usia;
- (b) Satu kaji selidik melibatkan 1,501 orang responden di Daerah Barat Daya dan Timur Laut telah dilaksanakan dari bulan Februari hingga Jun 2023;

- (c) Pelaksana inisiatif Bandar Mesra Usia *Penang Island* telah di jemput untuk berkongsi pengalaman dalam *Program Age-friendly Environments ECHO* yang merupakan satu program mentor-mentee oleh WHO dan *International Federation on Ageing (IFA)* pada bulan November 2023; dan
- (d) Mesyuarat Libat Urus Pelan Tindakan Strategik akan diadakan pada Disember 2023 untuk membincangkan dan mendraf pelan tindakan untuk Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia: *Penang Island*.

Pada tahun 2024 Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia: *Penang Island* akan dimuktamadkan. Pelan ini berteraskan lapan (8) domain yang telah ditetapkan oleh WHO dalam merangka program-program yang melibatkan *Age Friendly City* demi mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penuaan aktif dan sihat. Pelaksanaan pelan tindakan ini adalah bersama pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Tempoh pelan tindakan ini adalah sepanjang tahun 2024 hingga 2025 yang memberi fokus kepada 4 domain seperti berikut:

- (a) Memberi pelbagai pilihan perumahan bersesuaian untuk warga emas (Sistem Perumahan);
- (b) Menjadikan warga emas sebagai golongan penting dan bernilai kepada komuniti (Saling Menghormati dan Keterangkuman Sosial);
- (c) Menyediakan akses dan perkhidmatan yang pelbagai kepada golongan warga emas (Berkomunikasi dan Informasi); dan
- (d) Memudahkan akses kesihatan dan sokongan kepada warga emas (Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan).

Selain ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga mengambil inisiatif dalam mewujudkan bandar mesra warga emas. Pihak MBSP telah mensyaratkan setiap permohonan pembangunan di kawasan Seberang Perai perlu mematuhi keperluan Reka bentuk Sejagat (Universal Design - UD) dalam usaha memastikan kemudahan kepada golongan sasaran terutamanya orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak, Ibu mengandung dan warga emas disediakan.

Pihak MBSP turut mengadakan Audit Aksesibiliti terhadap bangunan-bangunan awam, kawasan lapang dan kemudahan masyarakat yang baru serta sedia ada dalam usaha memberi penambahbaikan kepada kemudahan UD kepada masyarakat termasuk warga emas.

Bagi pembangunan yang sedia ada, pihak MBSP telah dan sedang berusaha untuk menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur sedia ada seperti dewan dan laluan pejalan kaki yang mematuhi Reka Bentuk Sejagat. Pihak MBSP juga mengadakan program kesedaran dan libat urus melalui bengkel-bengkel UD, projek *Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB)* dan lawatan penanda aras dalam mentransformasikan kawasan Seberang Perai menjadi kondusif kepada semua lapisan masyarakat.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut memainkan peranan penting dalam menjaga kesejahteraan warga emas. JKM melalui perkhidmatan di Bahagian Warga Emas membantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam mewujudkan pusat aktiviti yang boleh menghimpunkan warga emas bersama dengan golongan yang lebih muda dari pelbagai bangsa dan latar belakang serta menjalankan aktiviti yang bersesuaian di situ.

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (*reaching out*) dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pelbagai aktiviti / program disediakan di PAWE seperti berikut:

- (a) Program keagamaan;
- (b) Program rekreasi;
- (c) Program terapi dan pemulihan;
- (d) Program ceramah kesihatan; dan
- (e) Latihan atau kursus yang bersesuaian

Warga Emas yang berminat menjadi ahli boleh mengisi borang pendaftaran ahli di PAWE berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Setakat ini terdapat enam (6) buah PAWE di Pulau Pinang iaitu PAWE Bukit Mertajam, PAWE Sungai Dua, PAWE Permatang Pauh, PAWE Bayan Baru, PAWE Balik Pulau dan PAWE Batu Kawan.

Selain ini, JKM turut membantu dan menyelia penubuhan dan pengoperasian Pusat Jagaan Warga Emas yang dijalankan oleh pihak NGO dan swasta bagi memastikan Kesejahteraan warga emas terpelihara. Terdapat 30 buah pusat Jagaan Warga Emas yang berdaftar di Pinang termasuk 14 di dalam Daerah Timur Laut.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yuee Harn) bertanya kepa Y.A.B Ketua Menteri:**

- 5. Berapakah perbelanjaan tahunan disediakan bagi penyelenggaraan Taman Bandar Arkeologi Sia Boey?
  - (a) Kerja penyelenggaraan tersebut dalam keadaan kurang memuaskan. Nyatakan langkah yang akan diambil bagi memastikan ia bertaraf warisan dunia UNESCO.
  - (b) Terdapatnya permintaan tinggi untuk menyediakan tandas awam di taman tersebut. Adakah PDC mempunyai rancangan untuk membina tandas awam?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 5. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada PDC sebanyak RM527,760.00 setahun untuk pengurusan dan penyelenggaraan Taman Arkeologi Sia Boey. Ianya diperuntukkan kepada PDC secara tahunan sejak tahun 2020, 2021, 2022 sehingga kini.
  - (a) Sejak tahun 2019 sehingga kini, perbelanjaan oleh PDC adalah sebanyak RM29,130,341.84 bagi penaiktarafan, pengurusan dan penyelenggaraan di Taman Arkeologi Sia Boey. Dalam pada itu, PDC Setia Urus (PDCSU) telah dilantik untuk mengurus dan menyelenggara kawasan tersebut.
  - (b) PDC juga dalam proses untuk membuat permohonan geran dari Kementerian Ekonomi bagi pembinaan tandas awam di Taman Arkeologi Sia Boey.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 6. Nyatakan hasil lawatan ke luar negara oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk nilai pelaburan, kerjasama antara negara dan tahap keyakinan pelabur asing terhadap negeri Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 6. Berikut merupakan senarai hasil lawatan pelaburan luar negara yang diatur dan disertai oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2018 sehingga September 2023:
  - (a) Pekan Raya Sumatera Utara (*Medan Fair*) di Medan, Indonesia.



- (i) Kerajaan Negeri dan InvestPenang telah menyertai Sesi Dialog Pelaburan Perniagaan pada 16 sehingga 18 Mac 2018, 17 sehingga 19 Mac 2019 dan 15 Jun 2023 bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab serantau untuk perdagangan, perniagaan dan pelaburan dalam pelancongan, perubatan, industri halal, makanan dan minuman, produk kosmetik, produk kesihatan (herba), pelancongan dan Pendidikan Islam, di samping mewujudkan hubungan dan rangkaian antara usahawan Pulau Pinang dan Medan serta kawasan di sekitarnya;
- (ii) Sesi Dialog Pelaburan Perniagaan ini telah menyediakan platform, pengetahuan dan maklumat yang baik untuk komuniti perniagaan di Medan/ Sumatera Utara mengenai peluang pelaburan/ perdagangan yang ada dan kemungkinan kerjasama di Pulau Pinang serta produk dan perkhidmatan yang terdapat dalam bidang pelancongan dan Pendidikan Islam.
- (iii) Hasil daripada lawatan ini, satu perjanjian MOU antara Al-Haddad Malaysia dengan Al-Haddad Marketing Indonesia berjaya ditandatangani.
- (b) Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu.
  - (i) Lawatan ini telah diadakan pada 7 sehingga 10 April 2019 bagi menerokai potensi industri halal di Pulau Pinang serta peluang kerjasama antara kedua-dua pihak; dan
  - (ii) Lawatan ini telah memberi impak positif apabila berjaya menandatangani perjanjian MOU antara *Penang International Halal Hub* (PIHH) dengan *Dubai Airport Free Zone Authority* (DAFZA) dan *Halal Trade and Marketing Centre* (HTMC) iaitu sebuah agensi di bawah DAFZA yang baharu ditubuhkan untuk mempromosikan industri halal.
- (c) Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Taiwan.
  - (i) Lawatan ini telah diadakan pada 14 sehingga 18 Mei 2019 bagi mengukuhkan rangkaian perhubungan dengan Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat/ persatuan teknologi maklumat di Taiwan; dan
  - (ii) Delegasi ini telah berjaya menarik minat peserta antarabangsa untuk menyertai *World Congress of Information Technology* (WCIT 2020) di Pulau Pinang.
- (d) Misi Promosi Pelaburan ke Taiwan dan Amerika Syarikat.
  - (i) Lawatan ini telah diadakan pada 2 sehingga 11 Ogos 2019 bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk industri semikonduktor, elektrik dan elektronik (E&E), teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), peralatan perubatan dan industri-industri lain yang berkaitan dengan syarikat-syarikat dari Taiwan dan Amerika Syarikat; dan
  - (ii) Delegasi ini telah mengadakan mesyuarat bersama pelabur-pelabur baharu yang sedang dalam pertimbangan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan baharu.
- (e) Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Armenia.
  - (i) Lawatan ini telah diadakan pada 4 sehingga 12 Oktober 2019 bagi menyertai persidangan antarabangsa *World Congress of Information Technology* (WCIT 2019) di Armenia dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai tuan rumah WCIT pada tahun 2020; dan
  - (ii) Lawatan kerja ini telah mengeratkan hubungan antara Kerajaan Negeri dan negara-negara yang terlibat dalam WCIT Armenia serta mewujudkan rangkaian

dengan syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) dan pegawai-pegawai kerajaan di Armenia sebagai persediaan untuk WCIT 2020.

- (f) Misi Promosi Pelaburan ke Turki.
- (i) Delegasi Kerajaan Negeri telah menyertai Ekspo Halal Turki pada 27 sehingga 19 November 2019; dan
  - (ii) Melalui lawatan ini, delegasi Kerajaan Negeri telah berjaya mengemas kini maklumat terbaharu mengenai peluang pelaburan yang terdapat di Pulau Pinang dan juga mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan kepada para pelabur berpotensi.
- (g) Misi Perdagangan Kerajaan Negeri dan Penyertaan Malaysia dalam Ekspo 2020 Dubai, Emiriah Arab Bersatu.
- (i) Delegasi Kerajaan Negeri telah menyertai Ekspo Dubai 2020 pada 15 sehingga 23 Januari 2022, di samping mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan dalam pelaburan serta mewujudkan rangkaian dengan syarikat, persatuan, pihak berkuasa dan pegawai kerajaan di Dubai; dan
  - (ii) Dalam tempoh satu (1) minggu penyertaan delegasi Pulau Pinang di Ekspo 2020 Dubai, sebanyak lima (5) Memorandum Persefahaman (MoU) dan dua (2) Memorandum Perjanjian (MoA) telah ditandatangani dengan anggaran nilai sebanyak RM18,150,000,000.00.
- (h) Persidangan *World Urban Forum* Kali Ke-10 (WUF 10) di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu.
- (i) Persidangan ini telah diadakan pada 8 hingga 15 Februari 2020 bagi mengkaji, meneliti dan membincangkan isu-isu bandar yang dihadapi dunia hari ini seperti kesan perkembangan pesat urbanisasi dan kesannya kepada masyarakat, bandar, ekonomi, perubahan iklim dan dasar/ polisi bagi memenuhi keperluan di bawah Dasar Dunia - *Sustainable Development Goals* (SDGs) serta memberi manfaat dari segi perancangan dan pembangunan Pulau Pinang ke arah pewujudan bandar dan penyediaan penempatan manusia secara inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan;
  - (ii) Platform Pelaburan Bandar Raya (CIP) diwujudkan bertujuan untuk menghubungkan para pelabur antarabangsa dan bandar untuk membentangkan projek yang berpotensi untuk mempelawa para pelabur untuk melabur di sesuatu negara. Projek *Penang Bay* adalah salah satu daripada sembilan (9) buah projek yang terpilih untuk dibentangkan di WUF 10;
  - (iii) Hasrat utama Pembangunan Projek *Penang Bay* adalah untuk menyumbang ke arah perkembangan ekonomi berteraskan inovasi, budaya dan industri kreatif dengan inisiatif utama untuk memajukan semula pesisir pantai Butterworth dan George Town supaya lebih berdaya saing dan berdaya huni serta mengambil kira jaringan antara bandar *network city model* untuk pembangunan spatial Pulau Pinang. Anggaran pelaburan bagi George Town dan Butterworth masing-masing adalah sebanyak USD200.0 juta dan USD1.0 bilion; dan
  - (iv) Mesyuarat bersama UN Habitat di persidangan tersebut turut membincangkan mengenai perkembangan pelaksanaan SDG dalam projek-projek di Pulau Pinang serta penyediaan *City Prosperity Index* (CPI) untuk menilai keberkesanan dan impak pelaksanaan projek tersebut.

- (i) Persidangan WUF 11 di Pusat Kongres Antarabangsa Katowice, Poland.
  - (i) Persidangan ini telah diadakan pada 26 sehingga 30 Jun 2022 yang dianjurkan bersama oleh *Ministry of Development Funds and Regional Policy* dan *the Municipal Office of Katowice, Poland*;
  - (ii) Persidangan ini turut melibatkan sesi perbentangan, perbincangan meja bulat dan sesi khas untuk berkongsi amalan terbaik (*best practices*) untuk memperkasakan budaya dan inovasi dalam proses perbandaran. Persidangan ini juga diadakan bagi memastikan *SDG Cities Global Initiative* mencapai sasaran di bandar melalui landasan seperti data bandar, strategi pembangunan bandar, memperkukuhkan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan dan pelaburan yang berimpak tinggi;
  - (iii) Hasil persidangan tersebut, Program/ Projek *Climate Adaptation Fund* sebanyak USD10.0 juta telah diterima oleh Kerajaan Negeri (Jabatan Pengairan dan Saliran), Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Think City Sdn. Bhd. Perjanjian telah ditandatangani oleh semua pihak bersama UN Habitat; dan
  - (iv) Pihak UN Habitat *SDG Cities Global Initiative* pada 31 Oktober 2022 juga telah berbesar hati untuk memberikan pengiktirafan kepada *Penang Bay* bagi menerima *SDG Cities Silver Certification* dan MBPP turut menerima *The Global Award for Sustainable Development in Cities 2023 (Shanghai Award)* iaitu inisiatif global yang diketuai oleh UN-Habitat dan *Shanghai Municipality*.
- (j) Lawatan ke *The Hague* dan *Collection Center Netherlands (CCNL)*, Belanda.
  - (i) Lawatan ini telah diadakan pada 22 sehingga 24 Mac 2023 dan merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam proses membawa pulang pecahan 41 rangka manusia Guar Kepah iaitu aset warisan prasejarah zaman Neolitik yang kini tersimpan di CCNL dan sekali gus bagi menentusahkan keberadaan serta menjalankan kerja-kerja analisis ke atas rangka tersebut. Sebahagian rangka tersebut telah berada di luar negara sejak 150 tahun dahulu;
  - (ii) Melalui lawatan tersebut, Kerajaan Belanda telah menyerahkan surat persetujuan yang menyatakan berkenaan kepentingan peninggalan Guar Kepah tersebut untuk dipulangkan kepada pihak Malaysia dan kesediaan Belanda bagi memenuhi permohonan tersebut kepada Duta Besar Malaysia di Belanda;
  - iv. Kerajaan Belanda akan turut membiayai analisis pentarikhan untuk 41 rangka tersebut di *Centre of Isotopic Research (CIO)*, Universiti Groningen dengan anggaran penjimatan Kerajaan Negeri/Persekutuan sebanyak USD246,000.00 (±RM1.17 juta). Data saintifik yang diperoleh ini akan menjadi data penting bagi rangka tersebut untuk dipamerkan di galeri kelak; dan
  - v. Kerajaan Belanda menunjukkan kerjasama yang baik berasaskan komitmen untuk terus menyimpan serta memelihara aset warisan Kerajaan Negeri dan secara tidak langsung Malaysia, sehingga ianya dipulangkan pada suku pertama tahun 2024 ke negara ini. Hubungan ini, sekali gus menjadi faktor utama kepada pelaburan masa depan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan pelancongan.
- (k) Misi Perdagangan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Fujian, China.
  - (i) Lawatan kerja ini telah diadakan pada 5 sehingga 9 September 2023 yang bertujuan untuk meningkatkan keterlihatan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan pelaburan bagi sektor elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan peralatan, peranti perubatan dan industri-industri lain yang berkaitan dengan syarikat-syarikat dari China yang berpotensi; dan

- (ii) Dengan menganjurkan lawatan ini, Kerajaan Negeri telah berjaya mengeratkan hubungan dengan pihak berkepentingan (agensi kerajaan dan sektor swasta) di Negara China terutamanya di Fujian, di samping mempromosikan pertukaran budaya, pelancongan dan pembangunan industri.

Secara keseluruhannya, tahap keyakinan pelabur asing terhadap Negeri Pulau Pinang adalah semakin memberangsangkan. Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelaburan terunggul dan pangkalan utama bagi para pelabur global untuk mengembangkan perniagaan sama ada dalam sektor perkilangan mahupun perkhidmatan.

Para pelabur juga terus menunjukkan keyakinan untuk melabur di Pulau Pinang kerana kepimpinan kerajaan yang sentiasa memberikan tumpuan untuk mengukuhkan pembangunan ekonomi negeri dan mengekalkan reputasi Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelaburan yang stabil.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 7. Apakah hala tuju Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang di dalam pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan kesihatan awam untuk negeri Pulau Pinang khususnya pasca pandemik COVID-19?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 7. Hala tuju pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan kesihatan awam untuk Negeri Pulau Pinang khususnya pasca pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:

- (1) Pembangunan Kesihatan Keluarga (*Primer*) :

- (a) Pembangunan infrastruktur pasca pandemik COVID-19, klinik-klinik kesihatan yang akan dibina adalah klinik yang mempunyai komponen kawalan infeksi (*infection control*), di mana pesakit yang mempunyai gejala demam akan diasingkan. Di Pulau Pinang, klinik pertama yang akan dibina yang mempunyai komponen kawalan infeksi adalah Klinik Kesihatan Mak Mandin.

- (b) Bagi klinik-klinik kesihatan sedia ada, ruang seperti *Fever Clinic* akan disediakan sebaik mungkin untuk mengasingkan pesakit yang mempunyai gejala demam.

- (2) Kawalan Penyakit Berjangkit. (CDC) :

Penyediaan perkhidmatan kesihatan awam khususnya pasca pandemik COVID-19 adalah selari dengan usaha Kerajaan melalui Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan di Dewan Rakyat. Cabaran sistem kesihatan yang didorong faktor sosial dan persekitaran seperti peningkatan beban penyakit tidak berjangkit, kemunculan penyakit berjangkit yang baharu dan lama serta demografi penduduk yang menua semakin membimbangkan. Kertas Putih Kesihatan akan menjadi dasar utama dan ia akan memfokuskan reformasi sistemik dalam menangani keperluan yang mendesak dalam sistem kesihatan. Diantara pendekatan yang akan dilaksanakan adalah:

- (a) Mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

- (i) Mengutamakan perkhidmatan kesihatan primer;

- (ii) Mempertingkatkan kerjasama awam dan swasta yang efektif bagi mengoptimumkan penggunaan sumber;

- (iii) Memanfaatkan kemajuan teknologi digital; dan

- (iv) Mengoptimumkan perkhidmatan penjagaan hospital.

- (b) Mempertingkatkan Promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit.

- (i) Memperkukuhkan fungsi kesihatan awam dengan menekankan perkhidmatan kesihatan *preventive* dan *promotive* di dalam semua peringkat umur dengan amalan gaya hidup yang sihat dan pengawalan penyakit berjangkit;
  - (ii) Mewujudkan sikap tanggungjawab bersama dan koordinasi merentasi pelbagai kementerian dan jabatan bersesuaian dengan konsep *Health in All Policies*;
  - (iii) Memberi insentif kepada amalan dan tingkah laku pro-kesihatan;
  - (iv) Program berasaskan pemerksaan komuniti akan memainkan peranan penting untuk menggalakkan tingkah laku sihat dalam kalangan penduduk dan mengurangkan prevalen penyakit kronik seperti penyakit jantung dan diabetes serta wabak;
  - (v) Menggalakkan penggunaan vaksin yang efektif dan berkesan supaya penularan penyakit berjangkit dapat dikawal; dan
  - (vi) Komunikasi dan program *outreach* kesihatan yang lebih baik juga akan memperkasakan masyarakat agar mereka dapat menangani maklumat kesihatan yang salah.
- (c) Penambahbaikan dari segi pengumpulan data, perkongsian data klinikal dan penyelidikan serta keupayaan analisis, khususnya dalam Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan *Artificial Intelligence* (AI) akan dipertingkatkan untuk mengukuhkan pengawasan penyakit, pemantauan dan analisis risiko di peringkat komuniti.
- (i) Ini penting untuk penyediaan program intervensi kesihatan awam berasaskan bukti seperti program vaksinasi awam, program saringan komuniti dan program pemakanan.
- (d) Perkhidmatan kesihatan awam meliputi kesiapsiagaan krisis kesihatan/bencana akan dipertingkatkan bagi meramal, mengemas kini dan menyelaraskan keperluan sumber semasa berlaku krisis kesihatan.
- (e) Sokongan perundangan bagi mencapai objektif kesihatan awam.
- (i) Pelaksanaan amalan kesihatan awam yang berasaskan bukti di dalam dasar, perundangan dan peraturan akan ditingkatkan. Sumber dan proses untuk menguatkuasakan peraturan kesihatan awam akan diperkukuhkan.
- (3) Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD):
- (a) KKM melakukan kempen kesedaran awam melalui media massa, program pendidikan di sekolah dan aktiviti komuniti tentang pencegahan, pengenalan gejala dalam menangani penyakit tidak berjangkit. Risiko penyakit tidak berjangkit adalah *multifactorial*. Maka, pembangunan perkhidmatan kesihatan awam perlu menjurus kepada pemeriksaan sendiri dan kolaborasi dengan pelbagai agensi.
  - (b) Memastikan terdapat tenaga kerja dalam bidang kesihatan yang mencukupi dan terlatih dengan baik untuk mengendalikan penyakit tidak berjangkit. KKM juga melatih sukarelawan dari kalangan komuniti untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan sebagai ejen pengubah kepada komuniti taman dan kampung dengan penerapan dalam program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN).
  - (c) Program Penang Bebas Asap Rokok (PENBAR) diwujudkan untuk mewujudkan jaringan masyarakat yang peka dan prihatin terhadap bahaya asap rokok kepada kesihatan, membentuk dan memperkasakan budaya 'Penguatkuasaan Kendiri' di kalangan perokok dan masyarakat, merealisasikan inisiatif '*Penang Cleaner*,

*Greener, Safer and Healthier* dan mengekalkan status “Bandaraya Warisan Dunia” dengan pelaksanaan persekitaran bebas asap rokok.

- (d) Menjalankan kajian seperti *National Health and Morbidity Survey* untuk mengenal pasti penyakit awal dan mengambil tindakan pencegahan yang sewajarnya. Melalui kajian dan surveilan sistem, data dapat dikumpul dengan cepat dan efisien, status kesihatan dapat dikenalpasti.
- (e) Meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti, meningkatkan kesedaran awam, dan mengurangkan penyebaran penyakit tersebut.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 8. Berapakah kes yang direkodkan di Pulau Pinang berkaitan dengan penipuan atas talian atau pelbagai jenis 'scam' pada tahun 2023 berbanding tahun 2022?
  - (a) Jika berlaku peningkatan, apakah langkah pihak berkuasa dalam menangani isu ini dengan efisien?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 8. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat peningkatan sebanyak 45% penipuan dalam talian pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Statistik menunjukkan sejumlah 1,632 kertas siasatan melibatkan penipuan dalam talian dibuka pada tahun 2022 manakala sejumlah 2,363 kertas siasatan penipuan dalam talian dibuka pada tahun 2023 (sehingga 30 September 2023). Perincian adalah seperti berikut:

Penipuan Dalam Talian	Tahun		Perbezaan	Peratus
	2022	2023		
	1,632	2,363	731	Meningkat 45%

- (a) Bagi menangani isu ini dengan efisien, pihak PDRM telah melaksanakan beberapa langkah yang strategik dan berkesan seperti berikut:
  - (i) Aplikasi 'Semak Mule'
 

Semak Mule merupakan satu aplikasi yang dibangunkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM bagi memudahkan orang ramai membuat semakan ke atas nombor akaun bank dan nombor telefon yang terlibat dalam siasatan polis. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui platform 'Google Play' atau melalui carian laman sesawang <https://semakmule.rmp.gov.my>. Orang ramai juga dinasihatkan untuk menggunakan aplikasi ini sebelum membuat sebarang transaksi kewangan dalam talian.
  - (ii) Pusat Respons Scam Centre/ *National Scam Response Centre* (NSRC)
 

NSRC merupakan satu 'One Stop Centre' yang disediakan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM untuk orang ramai atau mangsa scam berhubung melalui talian bebas tol '997'. Fungsi utama NSRC ialah bagi menerima aduan orang ramai mengenai scam terutamanya mangsa scam yang baru membuat transaksi kewangan secara dalam talian.

Pusat ini berupaya untuk menyekat transaksi wang mangsa melalui kerjasama dengan pihak institusi kewangan. Pusat ini juga beroperasi dari jam 8.00 pagi sehingga jam 8.00 malam. Mangsa scam boleh menghubungi bank masing-masing sekiranya berlaku kejadian scam selepas jam 8.00 malam. Pusat ini juga akan membuat penjejakan kewangan dan berpeluang mengembalikan wang kepada mangsa sekiranya masih ada melalui peruntukan undang-undang sedia ada.

(iii) Kempen Pencegahan Jenayah Komersil

Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Pulau Pinang dari masa ke semasa sentiasa mengadakan Kempen Pencegahan Jenayah Komersil dalam talian melalui program-program seperti ceramah, pameran, sembang santai, 'Meet & Greet' dan hebahan melalui media sosial. Antara sasaran Kempen Pencegahan Jenayah Komersil yang menjadi tumpuan adalah seperti Jabatan-Jabatan Kerajaan, sekolah-sekolah, masjid-masjid dan rumah ibadat, Kilang-kilang atau badan-badan swasta, serta hebahan secara giat melalui laman 'Facebook' Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Pulau Pinang. Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Pulau Pinang juga telah menjalankan pelbagai jenis Kempen Pencegahan Jenayah Komersil Pulau Pinang berjumlah 385 sepanjang tahun 2023.

Terbaharu Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Pulau Pinang telah bekerjasama dengan EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa bagi membuat hebahan Kempen Pencegahan Jenayah Komersil melalui paparan papan iklan LED di negeri Pulau Pinang sebagai satu platform/landasan bagi menyampaikan maklumat kepada orang ramai berkenaan isu *scam*.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Azmi bin Alang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. Banjir kilat di kawasan sekitar Taman Wira dan berdekatan.

- (a) Adakah pihak MBSP / JPS mempunyai perancangan untuk menaik taraf Rumah Pam Taman Wira bagi mengelakkan situasi di atas terus berlarutan?
- (b) Berapakah nilai kos bagi kerja naik taraf tersebut?
- (c) Nyatakan projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan di SPU.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

9. (a) Kerajaan Negeri begitu mengambil berat berkaitan masalah banjir kilat yang berlaku di negeri Pulau Pinang termasuk di sekitar Taman Wira. Justeru Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mempunyai perancangan untuk menaiktaraf rumah Pam Taman Wira dan sistem perparitan yang sedia ada bagi mengurangkan risiko berlakunya banjir kilat yang berlaku di kawasan sekitar Taman Wira. Pada ketika ini, MBSP dalam proses melantik juru perunding bagi menyediakan cadangan kajian akhir mitigasi banjir di Seberang Perai.

(b) Nilai kos yang dianggarkan bagi kerja naik taraf tersebut adalah sebanyak RM3.8 juta merangkumi komponen menaiktaraf sistem pam dan sistem perparitan.

(c) Projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan di kawasan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

1. **Peruntukan Kerajaan Negeri:**

- (i) Kerja-Kerja Membina Parit Di Taman Cengkeh;
- (ii) Kerja-Kerja Menaiktaraf Parit Monsun Di Taman Teratai;
- (iii) Kerja-Kerja Segera Membina Baru Seunit Pintu Kawalan Air Jenis *Hdpe Flap Gate* Berukuran 1200mm X 1200mm Di Parit Tepi Jalan Chain Ferry;

- (iv) Kerja-Kerja Segera Membaiki Empat (4) Unit Pintu Air *Hdpe Flap Gate* Berukuran 600mm X 600mm (2 Unit) Dan 900mm X 900mm (2 Unit) Di Taman Limbungan Kapal;
- (v) Kerja-Kerja Pemasangan Pintu Air Di Parit Monsun Taman Bagan;
- (vi) Kerja-Kerja Menaiktaraf Parit Konkrit Dan Kerja Berkaitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat, Di Taman Kerapu, Mak Mandin;
- (vii) Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Banjir Kilat Di Taman Puyu, Butterworth;
- (viii) Kerja-Kerja Menaiktaraf Ban Sungai Jarak Dan Sistem Saliran Kampung Desa Puri; dan
- (ix) Kerja-Kerja Pencegahan Banjir Di Blok M2 Dan M3 Dan Kerja-Kerja Berkaitan.

2. **Peruntukan Kerajaan Persekutuan:**

- (i) Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Di Sungai Bagan Lalang;
- (ii) Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Di Sungai Lokan Berdekatan Kampung Pajak Song;
- (iii) Program Pemuliharaan Sungai Bagi Mengurangkan Risiko Banjir Di Sungai Mak Mandin;
- (iv) Program Pemuliharaan Sungai Bagi Mengurangkan Risiko Banjir Di Sungai Titi Serdang;
- (v) Kerja-Kerja Membaikpulih Saliran Di Sungai Tok Tongkat;
- (vi) Kerja-Kerja Membaikpulih Jambatan Di Sungai Tok Sani;
- (vii) Kerja-Kerja Membaikpulih Saliran Di Sungai Lokan;
- (viii) Kerja-Kerja Membaikpulih Infrastruktur Saliran Keluar Di Pantai Butterworth;
- (ix) Kerja-Kerja Menyelenggara, Membaikpulih Tebing Parit Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Blok M1A & M1B Skim Pengairan Sungai Muda;
- (x) Kerja-Kerja Membaikpulih Tebing Parit A1-1L Lahar Minyak Dan A-11L Kota Aur Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Bagi Skim Pengairan Sungai Muda;
- (xi) Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Pengairan di Taliair Di Kawasan M5 Daerah Seberang Perai Utara; dan
- (xii) Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Pengairan di Taliair F Kawasan M5 Daerah Seberang Perai Utara.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze) bertanya kepada Y.A.B. Ketu Menteri:**

10. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi jangka Panjang dan pendek untuk mengatasi masalah kekeruhan di Pusat Rawatan Air Sungai Dua apabila setiap kali berlaku hujan lebat mahupun banjir di Kawasan sempadan Kedah sehingga menyebabkan bekalan air bersih di seluruh Pulau Pinang terjejas teruk?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

10. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PBAPP telah melaksanakan perancangan jangka masa panjang dan pendek untuk mengatasi masalah kekeruhan di Pusat Rawatan Air Sungai Dua apabila setiap kali berlaku hujan lebat mahupun banjir di kawasan sempadan Kedah sehingga menyebabkan bekalan air bersih di seluruh Pulau Pinang terjejas teruk. Antara usaha yang sedang dilaksanakan adalah melalui projek di bawah projek penyaluran air



mentah dari Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua (fasa 2B) dengan kos peruntukan di bawah Kerajaan Persekutuan sebanyak RM72.4 juta dan projek ini dijangka akan siap pada akhir tahun 2023. Sepertimana semua sedia maklum, Empangan Mengkuang hanya berfungsi sebagai empangan strategik untuk keperluan semasa musim kering atau kemarau serta apa-apa kecemasan yang berlaku melibatkan insiden Sungai Muda. Sehingga kini tahap kapasiti pelepasan air menerusi Empangan Mengkuang adalah sebanyak 300JLH dan sekiranya projek fasa 2B disiapkan, kapasiti pelepasan air daripada Empangan Mengkuang ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua akan ditingkatkan kepada 600JLH. Walau bagaimanapun, LRA Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,100 JLH air mentah setiap hari untuk menghasilkan 1,000 JLH air terawat. Oleh yang demikian, Empangan Mengkuang masih memerlukan 400JLH lagi untuk melepaskan air secara maksimum sebanyak 1000JLH supaya LRA Sungai Dua dapat beroperasi secara optimum. Bagi membolehkan pelepasan air dilaksanakan secara maksimum sebanyak 1000JLH menerusi Empangan Mengkuang, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pelaksanaan projek fasa 2C bagi melengkapkan pakej pembesaran Empangan Mengkuang supaya bekalan air di Negeri Pulau Pinang akan terjamin.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Senaraikan aktiviti-aktiviti penjualan tanah oleh Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan seperti PDC dan CMI melalui kaedah rundingan secara terus.
  - (a) Mengapakah Kerajaan Negeri menggunakan kaedah rundingan secara terus dan bukannya kaedah pembukan tender terbuka?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

11. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Perbadanan Ketua Menteri (CMI) bertujuan untuk bertindak sebagai agensi yang proaktif dan produktif dalam menjana pendapatan bagi mempertingkatkan ekonomi Negeri Pulau Pinang.

CMI perlu memaksimumkan nilai strategik aset, menjana hasil pendapatan melalui konsep *Public Private Professional Partnership* (4P'S) melalui aset sedia ada iaitu tanah dan bangunan Kerajaan Negeri yang diberi milik kepada CMI. Fungsi utama CMI adalah untuk menyewa dan memajak tanah milikannya kepada syarikat swasta untuk tempoh yang tertentu.

Terdapat satu (1) urusan tanah yang dilaksanakan secara rundingan terus oleh CMI iaitu Island Hospital pada tahun 2018. Pada 1 Disember 2018, Plot PT 71, Seksyen 4, Daerah Timur Laut (DTL) yang berkeluasan 6.4 ekar telah didaftarkan di bawah Hospital Island Sdn. Bhd. untuk cadangan *Penang Medical City* dengan harga jualan sebanyak RM156.44 juta dan pajakan 99 tahun berdasarkan nilai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Di samping itu juga, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan lima (5) penjualan secara kaedah rundingan terus dari tahun 2008 sehingga September 2023 seperti berikut:

- (i) Projek Cadangan Penjualan Tanah seluas 30 ekar dan 13.5 ekar di Batu Kawan, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) oleh Paramount Corporation Bhd. bagi tujuan pembinaan Kolej Universiti dan pembangunan bercampur. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 25 Mac 2014 dan 11 Mei 2015. Projek ini dijangka siap pada tahun 2030;
- (ii) Projek Cadangan Penjualan Tanah seluas 245 ekar di Batu Kawan, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) oleh Aspen Vision Land Sdn. Bhd. bagi tujuan pembangunan bercampur. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 3 September 2014 dan dijangka siap pada tahun 2024;
- (iii) Projek *One Auto Hub* di Tanah Perindustrian Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) oleh PKT Logistics (M) Sdn. Bhd. bagi tujuan industri, institut dan

komersial seluas 70 ekar. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 8 Oktober 2013 dan 28 April 2015. Projek ini dijangka siap pada tahun 2028;

- (iv) Projek Cadangan Penjualan dan Pembangunan Tanah seluas 30.0234 ekar di Bandar Cassia, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan oleh Pertubuhan Buddhist Tzu-Chi Merits Malaysia bagi tujuan pembangunan institusi. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 26 Jun 2019 dan dijangka siap pada tahun 2034; dan
- (v) Projek Kolaborasi Pembangunan Taman Perindustrian, BKIP2 seluas 558.96 ekar di Mukim 11, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Changkat Byram oleh UMECH Land Sdn. Bhd. bagi tujuan taman perindustrian dan pembangunan bercampur. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 27 September 2023 namun perjanjian ini ditamatkan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Lembaga PDC Bil. 4/2023 pada 16 Oktober 2023.
- (a) Berikut adalah justifikasi penjualan secara rundingan terus;
  - (i) Pada ketika itu, hanya Hospital Island dibenarkan melaksanakan projek menaik taraf hospital swasta di seluruh negeri dan Hospital Island adalah satu-satunya hospital swasta di Jalan Peel, DTL. Selain itu, cadangan untuk menjalankan projek naik taraf hospital ditapak berkenaan adalah selari dengan fokus Kerajaan Negeri untuk mempromosi pelancongan perubatan di Pulau Pinang. Salah satu syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) untuk mendapatkan permit dan lesen, Hospital Island perlu menyediakan sambungan fizikal dan pentadbiran antara bangunan lama dan baharu, iaitu antara bangunan / tanah Hospital Island yang sedia ada dengan tanah CMI yang berhampiran dengan Hospital Island tersebut. Justeru, atas justifikasi-justifikasi tersebut Kerajaan Negeri melalui CMI memajak tanah kepada Hospital Island secara rundingan terus berdasarkan kadar nilai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
  - (ii) Pembangunan yang membawa kepada komponen katalis (sebagai pemangkin ke arah kerancangan pembangunan sesuatu kawasan pembangunan) dan berimpak tinggi;
  - (iii) Penjenamaan dan imej yang dibawa oleh pelabur dalam membangunkan sesuatu pembangunan seperti kompleks beli-belah terulung dan prestij, institusi pendidikan bertaraf antarabangsa, instiusi perubatan / kesihatan / penyelidikan yang khusus;
  - (iv) Impak pembangunan ke atas persekitaran (*spill over impact*);
  - (v) Kawalan keuntungan dan *recurring income* ke atas pembangunan yang melibatkan sektor swasta semata-mata dengan penambahan nilai / aset kepada agensi atau Kerajaan Negeri;
  - (vi) Projek-projek yang dibawa ke misi pelaburan luar negara;
  - (vii) Kawasan pembangunan yang mempunyai isu-isu khas dan perlu diselesaikan atau dilupuskan bagi menjana pendapatan serta mengurangkan *holding cost*; dan
  - (viii) Pembangunan yang menawarkan perkhidmatan kemasyarakatan dan kemanusiaan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md. Hashim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Senaraikan tanah perkuburan Cina serta keluasan yang ada di Parlimen Permatang Pauh.
- (a) Apakah ada keperluan lagi untuk membuka lot tanah perkuburan Cina yang baru di Parlimen Permatang Pauh?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

12. Berdasarkan data geospasial gunatanah semasa dibawah seliaan PLANMalaysia Pulau Pinang, senarai tanah perkuburan cina dan keluasan yang terletak di dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>NAMA TANAH PERKUBURAN</b>	<b>KELUASAN (HEKTAR)</b>
1	Chinese Cemetery Jalan Berapit	40.0131
2	Chinese Cemetery Penanti	27.6639
3	Kwang Tung Cemetery	5.0343
4	Grace Memorial Park	8.3742
5	Sebahagian Taman Kenangan Blissful Nirvana	7.7789
	<b>Jumlah</b>	<b>88.8644</b>

- (a) Status bagi keperluan untuk menambah lot tanah perkuburan cina yang baharu di kawasan Parlimen Permatang Pauh hanya dapat dimuktamadkan setelah Kajian Kemudahan Tapak Perkuburan Agama Islam Dan Agama Selain Islam Bagi Negeri Pulau Pinang oleh PLANMalaysia@Pulau Pinang selesai. Melalui kajian ini, satu garis panduan akan dikeluarkan bagi membantu perancangan tapak perkuburan supaya lebih teratur serta mematuhi prinsip-prinsip perancangan dan pembangunan sejagat.

Kajian ini juga akan melihat secara terperinci terhadap bentuk kawalan perancangan bagi tapak-tapak perkuburan Islam dan selain Islam serta pertambahan kawasan/ruang adalah berdasarkan unjuran keperluan pada masa akan datang.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. SPAN mengkategorikan Empangan Air Mengkuang sebagai empangan air berisiko tinggi. Apakah tindakan mengatasi kelemahan ditimbulkan oleh SPAN demi menjamin bekalan air berterusan dan kukuh kepada rakyat Pulau Pinang?
- (a) SPAN mencadangkan pemindahan air antara empangan, adakah PBA bersedia membina saluran air khusus memindahkan air daripada Empangan Air Itam kepada Empangan Teluk Bahang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

13. Projek Pembesaran Empangan Mengkuang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri pada September 2022 dan empangan tersebut juga telah berjalan dan serta beroperasi dengan baiknya di bawah PBAPP. Sehingga kini, Empangan Mengkuang tidak menghadapi sebarang isu usia, kelodak dan struktur empangan masih kukuh untuk menampung kapasiti air sebanyak 86.4 billion liter kepada Pulau Pinang. Empangan Mengkuang berfungsi sebagai empangan strategik untuk keperluan semasa musim kering atau kemarau yang akan memberi kesan kepada pengguna negeri Pulau Pinang sepertimana insiden yang berlaku sebelum ini

di Sungai Muda akibat daripada banjir di Baling pada Julai 2022, penurunan mendadak paras air muda pada Mei 2023 serta terkini banjir di Baling lagi pada September 2023 telah menunjukkan bahawa projek pembesaran empangan mengkuang telah memberi impak positif dan bermanfaat kepada pemulihan bekalan air di Pulau Pinang. Projek Fasa 2B pula baru disiapkan dan kapasiti pengeluaran air mentah dapat ditingkatkan daripada 300JLH kepada 600JLH bagi menampung sebahagian bekalan air sekiranya berlaku krisis air disebabkan insiden di Sungai Muda. Walau bagaimanapun, LRA Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,100 JLH air mentah setiap hari untuk menghasilkan 1,000 JLH air terawat. Oleh yang demikian, Empangan Mengkuang masih memerlukan 400JLH lagi untuk melepaskan air secara maksimum sebanyak 1000JLH supaya LRA Sungai Dua dapat beroperasi secara optimum. Bagi membolehkan pelepasan air dilaksanakan secara maksimum sebanyak 1000JLH menerusi Empangan Mengkuang, Kerajaan Negeri telah menggesa Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pelaksanaan projek fasa 2C bagi melengkapkan pakej pembesaran Empangan Mengkuang supaya bekalan air di Negeri Pulau Pinang akan terjamin. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memohon Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek baraj Sungai Muda yang baru untuk menyokong meningkatkan tahap pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda ketika musim hujan untuk pengisian empangan mengkuang.

- (a) Kerajaan Negeri melalui PBAPP belum bersedia membina saluran air khusus memindahkan air daripada Empangan Air Itam kepada Empangan Teluk Bahang.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Berapakah stesen pengecasan untuk motosikal elektrik telah dipasang di sekitar Pulau Pinang?
- (a) Adakah sebarang perancangan untuk menambah stesen pengecasan tersebut?
- (b) Apakah kadar penggunaan stesen pengecasan tersebut sejak ia dipasang di lokasi yang dinyatakan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

14. Stesen pengecasan untuk motosikal elektrik telah dipasang di 10 lokasi sekitar Pulau Pinang iaitu 9 di Bahagian Pulau dan satu (1) di Seberang Perai dengan jumlah 23 unit plug pengecasan. Senarai lokasi stesen pengecasan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah:
- (i) Astaka Persiaran Gurney;
  - (ii) Kompleks Makanan Medan Renong, Padang Kota Lama;
  - (iii) 1st Avenue Mall;
  - (iv) Kompleks MBPP Lebu Pantai (parkir motosikal awam);
  - (v) Kompleks Desiran Tanjung, Tanjong Tokong;
  - (vi) Astaka Batu Lanchang;
  - (vii) Kompleks Sri Selera Bayan Baru;
  - (viii) Bukit Jambul Kompleks;
  - (ix) Kompleks Bukit Gedung; dan
  - (x) Jalan Betek, Seberang Perai Tengah.
- (a) Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) Dan Prosedur Permohonan Pemajuan yang telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara Kali-42 Bil.2/2023 pada 18 September 2023, pemasangan EVCB untuk motosikal bagi pembangunan sedia ada adalah mengikut permintaan dan bagi pemajuan baharu adalah digalakkan penyediaan minimum (1) satu EVCB untuk kenderaan motosikal di setiap pembangunan. Oleh yang demikian, selaras dengan

*Malaysia Low Carbon Mobility Blueprint 2021-2023 dan Visi Penang 2030*, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT akan terus menggalakkan pemasangan stesen pengecasan motosikal elektrik di sekitar kawasan pulau, Pulau Pinang berdasarkan keperluan dan permintaan semasa di tapak.

- (b) Kadar penggunaan stesen pengecasan motosikal elektrik yang telah dipasang boleh diperolehi sekiranya meter elektrik khusus dipasang hanya untuk stesen tersebut sahaja. Setakat ini, MBPP tiada maklumat mengenai kadar penggunaan tersebut memandangkan stesen pengecasan yang dipasang berkongsi meter yang sama dengan kawasan berdekatan. Manakala di MBSP, meter khusus dan berasingan digunakan. Kadar penggunaan setahun dianggarkan berjumlah RM550.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Mohamad Shukor bin Zakariah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Apakah langkah bagi menggalakkan pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana statistik menunjukkan ramai pelajar lepasan SPM tidak berminat untuk menyambung pelajaran?
- (a) Berapa ramaiakah pelajar lepasan SPM yang menyambung pelajaran bagi tahun 2021 dan 2022?
- (b) Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

15. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menggalakkan murid lepasan SPM melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Penganjuran Karnival Kerjaya SUKSES peringkat negeri yang diadakan sejak tahun 2022. Di dalam Karnival Kerjaya SUKSES seramai 70 buah institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) telah hadir membuat pameran. Semua murid Tingkatan 4, 5 dan 6 dijemput hadir ke karnival ini. Karnival Kerjaya SUKSES berjaya membantu murid mendapatkan maklumat dan peluang melanjutkan pengajian berdasarkan cita-cita dan kecenderungan minat belajar. Bagi tahun 2022, seramai 9,522 orang murid telah hadir ke Karnival Kerjaya SUKSES dan pada tahun 2023, seramai 9,723 telah hadir;
- (ii) Selain daripada itu, semua Unit Bimbingan dan Kaunseling akan menganjurkan Pameran Kerjaya di setiap sekolah pada setiap tahun. Di dalam Pameran Kerjaya Peringkat Sekolah, Unit Bimbingan dan Kaunseling akan menjemput antara 20 hingga 30 IPTA, IPTS dan ILKA hadir;
- (iii) Bagi menambah minat murid menyambung pengajian, semua sekolah menengah di Pulau Pinang akan dimaklumkan tentang pelaksanaan Program 'Jom Masuk U' di bawah kendalian Kementerian Pengajian Tinggi. Murid akan dibawa oleh guru ke Program 'Jom Masuk U' zon utara yang telah dilaksanakan pada 27 & 28 Mei 2023 di Dewan Perdana, UiTM Cawangan Kedah, Kedah;
- (iv) Pemerksaan Sesi Bimbingan Kelompok Kerjaya menyambung pengajian selepas SPM dan STPM juga dilaksanakan oleh semua Guru Bimbingan dan Kaunseling di bawah Fokus 3 Pendidikan Kerjaya Murid; dan
- (v) Program lawatan ke lokasi Institusi Pengajian Tinggi juga dilakukan dalam program jaringan pintar antara sekolah dengan institusi pengajian dalam negeri. Unit (HEM) juga telah menjalinkan hubungan pintar dengan Politeknik Seberang Perai, Kolej Komuniti, Giat MARA, UiTM Pulau Pinang, USM Minden dan UniMAP Perlis. Unit HEM juga mengadakan perkongsian pintar dengan kolej-kolej di bawah Institusi Kerajaan.

- (a) Berdasarkan rekod Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) melalui Sistem e-Profil Kerjaya murid (ePKM) untuk Negeri Pulau Pinang, seramai 11,227 orang murid telah menyambung pengajian pada tahun 2020 dan seramai 10,425 orang murid pada tahun 2021. Kutipan data penuh bagi tahun 2022 hanya akan diperolehi selepas 8 Februari 2024.
- (b) Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti perenggan satu (1).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkefli bin Bakar) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 16. Apakah respon Kerajaan Negeri berhubung isu penjualan tanah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) termasuk rundingan urus niaga yang dimeterai dengan UMECH Constructions Sdn. Bhd.?
  - (a) Apakah punca penamatan perjanjian PDC di samping cadangan penstrukturan semula organisasi berkenaan?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 16. Kerajaan Negeri memandang serius perkara ini dan telah meminta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) membentangkan perkara ini di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 26/2023 bertarikh 11 Oktober 2023.

Hasil daripada pembentangan tersebut, Mesyuarat MMK mengambil maklum kedudukan perkara ini dan meminta Lembaga PDC membuat satu keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Lembaga PDC Bil. 4/2023 pada 16 Oktober 2023 telah memutuskan untuk menamatkan kolaborasi kerana berlaku perubahan ekuiti dalam UMECH Land Sdn. Bhd.

- (a) Punca penamatan perjanjian adalah kerana berlakunya perubahan struktur ekuiti UMECH Land Sdn. Bhd. tanpa dimaklumkan secara rasmi terlebih dahulu kepada PDC.

tPDC memandang berat perkara ini kerana berlaku perubahan kawalan daripada UMECH Land Sdn. Bhd. kepada pemegang ekuiti majoriti yang baharu. Setakat ini, tiada cadangan penstrukturan semula organisasi PDC.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 17. Pulau Pinang mempunyai ekosistem pembuatan semikonduktor yang mampan, terutamanya tertumpu pada pemasangan dan pengujian (manufacturing). Sektor ini telah menjadi kuasa dominan di Pulau Pinang selama lima (5) dekad. Apakah inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk merangsang perkembangan dan potensi syarikat reka bentuk cip di Pulau Pinang?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 17. Inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui InvestPenang untuk merangsang perkembangan dan potensi syarikat reka bentuk cip di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
  - (a) Menjalankan promosi pelaburan dan mesyuarat secara bersasar di luar negara. Inisiatif ini dapat memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat baharu yang mempunyai cadangan untuk melabur di Negeri Pulau Pinang dan syarikat sedia ada yang mempunyai pelan perkembangan. Inisiatif misi promosi pelaburan ke negara-negara sasaran seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, negara Jepun dan Taiwan akan dicadangkan bertujuan mengekalkan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan para pelabur berpotensi di dalam sektor reka bentuk cip;
  - (b) Mengadakan persidangan khas yang menjadi platform untuk memberi informasi, pengetahuan dan perkongsian idea kepada pemain industri sektor reka bentuk cip. Persidangan ini membantu pemain industri berkomunikasi antara satu sama lain,

membantu sektor ini ke tahap yang lebih tinggi dan memupuk pendekatan baharu dalam teknologi reka bentuk cip;

- (c) Memastikan keperluan prasarana disediakan khusus untuk para pelabur baharu dan sedia ada dengan terus melabur dan membangunkan '*Penang Cybercity*'. Sehingga kini, 11 buah fasiliti pejabat dan prasarana telah dibina untuk memenuhi permintaan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industry ekonomi digital. Antaranya ialah Global Business Services (GBS)@ Mayang dan GBS@Mahsuri oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) dan beberapa projek swasta seperti *One Precinct*, *Livingston Tower* dan sebagainya. Selain itu, PDC juga sedang dalam pembinaan dua (2) ruang pejabat iaitu *GBS By the Sea* dan *GBS Tech Space* yang terletak di Bayan Lepas. Kedua-dua bangunan pejabat ini bakal menyediakan luas lantai sebanyak 360,000 kaki persegi, dilengkapi lebih daripada 800 lot parkir kereta bertingkat. Fasiliti yang dijangka siap pada penghujung tahun 2024 ini akan membuka lebih kurang 2,000 - 3,000 lagi peluang pekerjaan baharu terutamanya sektor reka bentuk cip.
- (d) Memperkukuhkan kerjasama dengan agensi kerajaan persekutuan seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) memulakan operasi selain ditawarkan insentif yang sesuai dan merangsang perkembangan syarikat reka bentuk cip di Pulau Pinang. Usaha-usaha ini membolehkan pihak MDEC bagi menghubungkan pihak InvestPenang dengan pelabur berpotensi dan membantu kerajaan negeri untuk menarik minat pelabur baharu yang berpotensi dan memastikan kesenangan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi.
- (e) Menjalinkan kerjasama dengan MDEC, Penang Skills Development Centre (PSDC) dan Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang dengan menubuhkan *Penang GBS Industry Academy* (PGIA) pada tahun 2022. Akademi ini menawarkan peluang untuk meningkatkan skil dan melatih semula individu bagi memberi nilai tambah serta melengkapkan mereka dengan skil yang diperlukan oleh pihak majikan. Ini secara tidak langsung dapat membantu kerajaan negeri melahirkan lebih ramai bakat baru di masa hadapan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 18. Apakah pendirian Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa janji untuk membela semua peringkat penduduk negeri ini dengan cara memastikan dan meminta supaya wakil-wakil rakyat dari Pembangkang dapat turut membantu menyelaraskan keperluan dan aduan rakyat?
  - (a) Apakah jaminan agihan peruntukan perbekalan dan pembangunan merangkumi kawasan yang diwakili pembangkang turut akan diberikan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 18. Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Perpaduan sememangnya sentiasa membela semua peringkat penduduk di negeri ini.

Sebagai wakil rakyat, Ahli Yang Berhormat boleh membawa masalah atau permintaan daripada rakyat kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang sentiasa bersedia membantu rakyat dengan mengamalkan *no wrong door policy*.

Tiada apa-apa perbezaan antara penduduk di kawasan pembangkang ataupun penduduk kawasan Kerajaan dalam Kerajaan Perpaduan kerana semuanya merupakan rakyat Pulau Pinang.

- (a) ADUN Pembangkang akan menerima peruntukan sebanyak RM60,000 di bawah peruntukan P16(02) – Projek Pembangunan Masyarakat pada setiap tahun untuk dinikmati oleh rakyat di KADUN masing-masing.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Nyatakan butiran dan skop terperinci rancangan projek transit aliran ringan (LRT) Pulau Pinang.
- (a) Bagaimanakah projek LRT akan menjadi pemangkin kuat dalam pembangunan masa depan negeri secara keseluruhannya?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

19. Pada masa ini, pelaksanaan projek LRT sedang menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal, iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesen LRT.

Justeru, perincian tentang kos dan kaedah pelaksanaan serta tarikh permulaan projek bergantung kepada keputusan pihak Kementerian Pengangkutan.

Sistem pengangkutan yang holistik mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf kehidupan penduduk Pulau Pinang. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri terus komited untuk memperkasakan pengangkutan awam menerusi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang – Penang Transport Master Plan (PTMP). Justeru, dengan pengumuman peruntukan bagi pelaksanaan Projek Light Rail Transit (LRT) Pulau Pinang ke Seberang Perai oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM10 bilion adalah langkah pertama Kerajaan Negeri ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang dari segi liputan pengangkutan awam, perkhidmatan dan hubungan antara kawasan kejiranan serta menjadi pemangkin ekonomi negeri jua.

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Nor Zamri bin Latiff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Jelaskan kronologi krisis air yang berlaku di Mukim 5 Sungai Bakap sehingga menyebabkan penduduk terkesan semenjak tahun 2019.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri hendak bertanggungjawab terhadap rakyat yang terpaksa menanggung bil air walhal air tiada?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

20. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menyediakan kronologi krisis air yang berlaku di Mukim 5 Sungai Bakap sehingga menyebabkan penduduk terkesan semenjak tahun 2019 seperti berikut:

**Tahun 2019**

- PBAPP mula menerima aduan tekanan air rendah terutamanya di waktu puncak daripada penduduk-penduduk di kawasan berikut;
  - (i) Flat Taman Seruling Emas (bangunan 5 tingkat tanpa tangki sedutan dan sistem pam)
  - (ii) Taman Seri Seruling – hujung sistem rangkaian paip air
  - (iii) Taman Widuri – kawasan tinggi
- Semakan PBAPP mendapati punca keadaan di atas berlaku disebabkan tekanan rendah di paip utama sehingga menjejaskan tekanan sedutan di Rumah Pam Wellesley.



- PBAPP telah menyediakan lori tangki air untuk membekalkan air ke kawasan yang terjejas

### **Tahun 2020**

- PBAPP telah menyediakan lori tangki air dalam keadaan siap sedia untuk digunakan apabila perakam tekanan PBAPP mengesan gangguan bekalan air lebih 24 jam.
- PBAPP juga telah menempatkan kakitangan PBAPP secara bergilir-gilir dari semasa ke semasa di rumah pam di kawasan terjejas untuk memantau tekanan air.
- PBAPP juga telah mengambil inisiatif dengan pemasangan tangki air statik komuniti di beberapa kawasan.

### **Tahun 2021**

- PBAPP telah mempergiatkan pemeriksaan untuk kebocoran, kerosakan injap atau *air lock* dalam sesalur utama dan saluran paip, dan menjalankan kerja *de-airing* jika diperlukan.
- PBAPP juga telah membaiki atau mengganti semua saluran paip dan injap bocor dalam masa sesingkat mungkin.

### **Tahun 2022**

- PBAPP telah mengadakan perjumpaan bersama mantan Timbalan Menteri KASA dan penduduk pada 20 Februari 2022
- PBAPP juga telah mengadakan pembentangan Pelan Kontingensi Bekalan Air 2022 (WSCP2022) di Bilik Gerakan, Pejabat Ketua Menteri pada 8 Jun 2022
- PBAPP juga telah mengadakan taklimat kepada YB ADUN Seberang Perai Selatan pada 19 Oktober 2022 di Pusat KADUN Sg Bakap
- PBAPP juga telah mengadakan taklimat kepada Ahli Parlimen Nibong Tebal, YB Fadhlina Sidek dan perjumpaan bersama penduduk Mk 5 di Dewan Orang Ramai, Permatang Ara, Sg Duri pada 12 Disember 2022
- PBAPP telah mengambil langkah penyelesaian dengan membina Rumah Pam Permatang Tinggi pada Oktober 2022 dan siap pada Disember 2022

### **Tahun 2023**

- PBAPP telah memulakan operasi Rumah pam Permatang Tinggi pada 16 Januari 2023
- Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah melaksanakan empat (4) projek “penyelesaian sementara” kepada aduan bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS)
- PBAPP telah mengadakan perbincangan bersama Biro Pengaduan Awam mengenai isu bekalan air di SPS pada 17 Julai 2023
- Kerajaan Negeri bersama dengan PBAPP telah mengadakan lawatan tapak bagi Projek Loji Rawatan Mudah Alih (PWTP) bersama YB Fadhlina Sidek dan penduduk Taman Sg Duri pada 28 Julai 2023
- PBAPP telah mengadakan perbincangan bersama wakil rakyat mengenai isu bekalan air di Seberang Perai Selatan pada 19 September 2023 di Pejabat Daerah dan Tanah SPS
- PBAPP juga telah mengadakan perbincangan masalah bekalan air di Kawasan Nibong Tebal semasa Hari Bersama Rakyat anjuran Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Nibong Tebal pada 22 September 2023

- (a) Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah merangka beberapa projek infrastruktur pembekalan air untuk mengatasi masalah krisis air di Mukim 5 . PBAPP telah merancang sebanyak empat (4 )projek infrastruktur bekalan air dengan kos pelaburan sebanyak RM24.6 juta dan sekiranya projek ini siap, ianya akan memberi manfaat kepada 18,066 pengguna secara keseluruhan melalui projek berikut:

Bil	Projek PT SPS 2023	Pelaburan (RM juta)	Bil. Pengguna SPS yang akan mendapat manfaat	Jangka Siap
1	Loji DAF 10 juta liter sehari (JLH) baharu di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor	18.6	12,660	Ogos 2023
2	“LRA Kompak” 2.4 JLH di Sungai Kerian	4.0	1,749	Januari 2024
3	Tangki sedutan baharu di Rumah Pam Taman Widuri dan Taman Wellesley	1.2	3,495	Oktober 2023
4	Dua “LRA mudah alih” di Taman Sungai Duri Indah dengan jumlah kapasiti 0.25 MLD	0.8	162	Jun 2023
	<b>Jumlah</b>	<b>24.6</b>	<b>18,066</b>	

Walaupun bagaimanapun, terdapat sedikit kelewatan dalam menyiapkan projek-projek ini mengikut perancangan asal kerana PBAPP perlu memenuhi semua keperluan dan permintaan tambahan dari semasa ke semasa daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan projek ini dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan serta terdapat isu-isu diluar jangkaan yang perlu diselesaikan bagi membolehkan projek-projek ini berjalan dengan lancar.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga melalui PBAPP dalam perancangan untuk membina Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Kerian Fasa 1 di Seberang Perai Selatan (SPS) dengan kapasiti rawatan air sebanyak 114JLH untuk menangani permintaan air yang tinggi secara khusus di SPS sehingga tahun 2030. Sekiranya projek ini disiapkan, ianya akan memberi manfaat kepada 55,000 pengguna di SPS.

- (b) Kerajaan Negeri telah mendapatkan penjelasan PBAPP dan perkara ini telah diperjelaskan bahawa bayaran bil air bergantung kepada bacaan meter air semasa. Jika ketiadaan air, tiada bacaan meter dan tiada bayaran yang akan dikenakan kepada pengguna yang terjejas. Sehubungan dengan itu, kadar bil yang dikenakan adalah berdasarkan bacaan meter dan sekiranya terdapat isu-isu di luar jangkaan, pengguna boleh menghubungi pihak PBAPP dan melaporkan perkara tersebut untuk tindakan selanjutnya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Fauzi bin Yusoff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Dengan harga rumah di Pulau Pinang kedua tertinggi di Asia Tenggara dan harga median hartanah yang sepatutnya RM234,072 tetapi berada pada harga RM330,000 ketika ini, bagaimanakah Kerajaan Negeri hendak membantu rakyat Pulau Pinang mempunyai rumah sendiri?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

21. Berdasarkan laporan terkini Knight Frank Asia-Pasifik menerusi Indeks Kajian Kediaman Asia Pasifik Separuh Pertama 2023, harga kediaman di Pulau Pinang meningkat 5.78 peratus pada separuh pertama tahun 2023, sekaligus menjadikannya bandar kedua berprestasi terbaik di Asia Tenggara. Singapura memaparkan kenaikan ketara pada kos kediaman sebanyak 7.97% dan disusuli dengan Bangkok dengan kenaikan kos 4.36%. Data ini memberi gambaran bahawa sektor perumahan dan hartanah di Pulau Pinang sedang berada dalam fasa pemulihan pasca pandemik Covid-19 dan pertumbuhan ekonomi yang positif. Selain itu, purata had pendapatan isi rumah juga didapati meningkat dan membolehkan rakyat Pulau Pinang memiliki rumah walaupun berada di atas harga median hartanah.

Peningkatan harga rumah di Pulau Pinang adalah selaras dengan peningkatan pendapatan isi rumah. Ianya dapat diterjemahkan dari data yang dilaporkan dalam Laporan Pasaran Hartanah di Negeri Pulau Pinang untuk Sukuan Kedua (Q2) Tahun 2023 yang diperolehi dari Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Center - NAPIC*) yang menunjukkan bahawa hanya 502 unit dari 2,901 unit bersamaan dengan 17.30 peratus tidak terjual di Pulau Pinang berharga RM300,000.00 dan ke bawah. Unit-unit tidak terjual sebanyak 502 unit ini majoritinya adalah disebabkan oleh pinjaman yang tidak diluluskan oleh institusi kewangan.

Dasar Rangsangan Sektor Hartanah dan Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign, HOC*) bermula dari bulan Jun tahun 2021 yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bagi memberi lonjakan kepada industri hartanah di Pulau Pinang dilihat telah memberi kesan dan membuahkan hasil. Melalui dasar ini harga rumah maksima telah dikurangkan sebanyak 10 peratus di mana harga maksima Rumah Mampu Milik (RMM) di bahagian Pulau telah dikurangkan kepada RM270,000.00 dan di bahagian Seberang Perai dikurangkan kepada RM225,000.00. Melalui dasar ini, rakyat Pulau Pinang telah mendapat manfaat dan berjaya memilik rumah kediaman sendiri. Nisbah harga rumah RM270,000.00 dan pendapatan menengah Pulau Pinang (RM6,502.00 sebulan) ini pada (3.4) merupakan satu angka yang menunjukkan trend semakin positif kebolehmilikan berbanding RM300,000.00 (3.9).

Selain itu, harga kediaman RMM masih dikawal oleh Kerajaan Negeri pada harga siling RM300,000.00 melalui Dasar Melestarikan, Melariskan Dan Mempertingkatkan Penjualan Perumahan Jenis Mampu Milik Di Negeri Pulau Pinang. Pada masa ini, Pulau Pinang masih mengekalkan harga RMM walaupun negeri-negeri lain telah mengkaji semula harga siling RMM. Senarai harga kawalan dan saiz RMM adalah seperti berikut:

Jenis RMM	Saiz	Harga (RM)
RMM A	650 kaki persegi	42,000.00
RMM B	750 kaki persegi	72,500.00
RMM C1	750 kaki persegi dengan kemas	150,000.00
RMM C2	800 kaki persegi	250,000.00
RMM C3	850 kaki persegi	300,000.00

Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji untuk mewujudkan kategori baharu iaitu kategori B2 berharga RM100,000.00 khusus bagi golongan belia berkeluarga dengan pendapatan isi rumah RM5,000.00 sebulan selari pembangunan Projek Perumahan Inklusif MADANI untuk pelbagai golongan sasar sebagai kesinambungan pelaksanaan terhadap Manifesto Perpaduan Pulau Pinang 2023 di bawah Tema Utama: Perumahan Untuk Semua iaitu mencapai 220,000 unit perumahan mampu milik.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap isu terkini Palestin diserang oleh Israel?
- (a) Berapakah hasil sumbangan rakyat Pulau Pinang yang terkumpul untuk disalurkan bagi membantu rakyat Palestin?
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memahamkan rakyat Pulau Pinang berkaitan isu kemanusiaan dan penindasan terhadap penduduk Palestin ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

22. Kerajaan Negeri mengutuk keras peperangan dan penindasan berterusan Israel ke atas rakyat Palestin sehingga kanak-kanak, warga tua dan wanita dibunuh dengan kejam setiap hari. Kerajaan Negeri dan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bersama rakyat Pulau Pinang telah mengadakan beberapa perhimpunan solidariti bagi menyokong perjuangan rakyat Palestin, antaranya pada 11 Oktober 2023, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah mengarahkan kepada semua pengurusan masjid di seluruh Pulau Pinang untuk mengadakan Perhimpunan Solidariti di Masjid Negeri dan Daerah di samping bacaan Qunut Nazilah dan solat hajat.
- (a) Tabung Kemanusiaan Palestin telah dilancarkan pada 11 Oktober 2023 melalui akaun khas MAINPP dengan arahan kepada seluruh masjid untuk mengumpul dana melalui kutipan dua (2) kali Solat Jumaat pada 13 dan 20 Oktober 2023. Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang turut menghadiri solat Jumaat di Masjid Al-Muhsi, Simpang Tiga Tasek Gelugor pada 20 Oktober 2023. Pada awalnya, sasaran kutipan adalah sebanyak RM500,000. Namun demikian, pada hari pertama sahaja kutipan telah mencecah sebanyak RM380,000, hasil sumbangan Kerajaan Negeri, MAINPP, badan korporat dan orang perseorangan. Alhamdulillah, ini menunjukkan bahawa rakyat Pulau Pinang prihatin dan menyedari tanggungjawab untuk bersama-sama menyumbangkan sumbangan ke tabung tersebut. Jumlah kutipan tabung tersebut sehingga 9 November 2023 berjumlah RM1,223,516.28 iaitu melebihi sasaran awal 500,000 telah diserahkan kepada Pengerusi Palestinian Cultural Organization Malaysia (PICOM), Tuan Badereddin Seyam di dalam satu sesi kenyataan media saya di MAINPP pada 10 November 2023.
  - (b) Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memahamkan rakyat Pulau Pinang berkaitan isu kemanusiaan dan penindasan terhadap penduduk Palestin ini. Antaranya mengadakan "Perhimpunan Aman Menentang Kekejaman *Genocide* Israel Ke Atas Rakyat Palestin" pada 28 Oktober 2023 di Padang Brown yang disertai oleh hampir 20 buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) pelbagai kaum, termasuk juga NGO bukan Islam. Antara NGO yang terlibat adalah Gabungan Dakwah Malaysia Pulau Pinang (GDM), MyCARE Humanitarian Care Malaysia, Liga Muslim Pulau Pinang, Tamil Foundation Malaysia dan sebagainya.

Selain itu, pada 29 Oktober 2023, satu himpunan 'Himpunan Kasih Gaza Solidariti Bersama Palestin' di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah dihadiri lebih 150 pertubuhan bukan kerajaan dan rakyat Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Mohd. Sobri bin Saleh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Nyatakan berapakah jumlah wang kutipan dan agihan Zakat Pulau Pinang dan juga bilangan asnaf yang diagih di DUN Permatang Berangan mengikut skim yang diberikan dari tahun 2018 sehingga sekarang.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam menoktah kemiskinan tegar terutamanya melalui Zakat Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

23. Jumlah kutipan dan agihan Zakat Pulau Pinang (ZPP) serta bilangan asnaf DUN Permatang Berangan adalah seperti berikut:

TAHUN	ZAKAT PULAU PINANG		DUN PERMATANG BERANGAN	
	Kutipan Zakat (RMJuta)	Agihan Zakat (RMJuta)	Penerima Bantuan (Bil)	Agihan Zakat (RM)
2018	119.8	101.4	749	875,306.00
2019	121.4	110.9	757	904,563.00
2020	130.9	126.5	761	817,144.00
2021	147.3	142.2	790	846,775.00
2022	150.1	155.1	705	942,385.00
2023	106.6	115.5	723	879,652.00

- (a) Peranan ZPP dalam usaha menoktahkan kemiskinan tegar di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Mengagihkan bantuan mengikut keperluan setiap asnaf khasnya fakir dan miskin;
- (1) Skim Agihan Sarahidup (Bulanan);
  - (2) Skim Agihan Makanan (Bulanan);
  - (3) Skim Agihan Sarahidup (Sekaligus);
  - (4) Skim Agihan Bencana Alam;
  - (5) Skim Agihan Perubatan (Sekaligus);
  - (6) Skim Agihan Perubatan (Bulanan);
  - (7) Skim Inapan Kasih (Bina Rumah);
  - (8) Skim Baiki Rumah;
  - (9) Skim Agihan Rawatan Hemodialisis;
  - (10) Skim Agihan Awal Persekolahan; dan
  - (11) Skim Pakaian Seragam Sekolah.

- (ii) Mewujudkan skim agihan baru bersesuaian dengan keperluan semasa asnaf;
  - (1) Skim Pendawaian Elektrik Rumah Asnaf (SPERA) jumlah agihan sehingga RM8,000.00 untukmelengkapkan prasarana kediaman asnaf (elektrik & air) dengan kerjasama Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bukit Mertajam; dan
  - (2) Skim agihan sarahidup seperti Skim Tunai Bulanan, Skim Makanan Bulanan dan Skim Tunai Sekaligus dinaikkan nilai agihan sebanyak RM200.00 hingga RM400.00 mengikut had kifayah bermula tahun 2023.
- (iii) Sentiasa mengkaji kadar mencukupi (had al-kifayah) keperluan asnaf;
  - (1) Kadar Had al-Kifayah telah disemak secara menyeluruh pada tahun 2020; dan
  - (2) Kadar ini sentiasa dipantau untuk semakan secara tahunan berdasarkan parameter-parameter (nilai minimum dan maksimum) yang telah ditetapkan berdasarkan keperluan-keperluan semasa seperti di **LAMPIRAN A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.**
- (iv) Merencanakan pembangunan ekonomi melalui bantuan usahawan dan perniagaan;
  - (1) Skim Agihan Projek-Projek Khas Kelestarian Asnaf seperti:
    - a. Skim Peladang Nanas Asnaf;
    - b. Skim Asnaf Fertigasi Timun; dan
    - c. Skim RakanGrab Food Rider.
  - (2) Skim Agihan Keusahawanan Asnaf (Modal, Bimbingan & Latihan)
    - a. Tunas Usahawan Zakat Pulau Pinang (TUZ);
    - b. Skim Pembiayaan Mikro i-Tekad kerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad; dan
    - c. Skim Usahawan Berkat kerjasama dengan al- Ikhsan Sport Malaysia.
- (v) Fokus kepada Pembangunan/Pendidikan/Latihan generasi kedua (belia/anak asnaf) melalui program tajaan latihan/pendidikan yang mempunyai potensi tinggi;
  - (1) Skim Dermasiswa Pengajian dan Permulaan IPT Tajaan Pengajian untuk pelajar peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah
  - (2) Program Kemahiran dan Profesional
    - a. Kursus Pengendalian Jentera Berat kerjasama dengan Akademi Binaan Malaysia; dan
    - b. Kursus Profesional Perakaunan kerjasama dengan Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC).
  - (3) Program Tajaan Pendidikan
    - a. Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kerjasama dengan University DRB-Hicom;
    - b. Kursus Kemahiran Kimpalan kerjasama dengan TWI Malaysia; dan

- c. Kursus Tajaan Pengajian Perubatan kerjasama dengan UniSHAMS.
  - (4) Program Keusahawan
    - a. Skim RakanGrab Food Rider.
- (vi) Bekerjasama dengan agensi bantuan lain dan Program- program pendidikan yang melibatkan kelas bimbingan, latihan kemahiran dan tajaan pendidikan yang sedang dilaksanakan oleh Zakat Pulau Pinang adalah seperti berikut:
  - (1) Kelas Bimbingan
    - (a) Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA) Kerjasama bersama Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (*PERDA*) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang;
    - (b) Program Iltizam Huffaz (program bimbingan persediaan SPM bagi pelajar-pelajar Tahfiz) Kerjasama dengan Yayasan Islam Malaysia (YIPP); dan
    - (c) KAFA Menengah Kerjasama dengan Yayasan Islam Malaysia (YIPP).
  - (2) Program Kemahiran dan Profesional
    - (a) Kursus Pengendalian Jentera Berat kerjasama dengan Akademi Binaan Malaysia; dan
    - (b) Kursus Profesional Perakaunan kerjasama dengan Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC)
- (vii) Bekerjasama dengan agensi/Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang mempunyai kepakaran.
  - (1) Program Tajaan Pendidikan
    - (a) Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)Pulau Pinang
    - (b) Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kerjasama dengan University DRB-Hicom
    - (c) Kursus Kemahiran Kimpalan kerjasama dengan TWI Malaysia
    - (d) Kursus Tajaan Pengajian Perubatan kerjasama dengan UniSHAMS.

**LAMPIRAN A**

**adual Kadar Had Al-Kifayah Mengikut Kategori Isi Rumah**

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Keperluan Asasi</b>	<b>Jumlah ( RM )</b>
1.	Ketua Keluarga	Perlindungan	
		a) Rumah Sendiri	RM 250.00
		b) Rumah Sewa	RM 470.00
		c) Rumah Sewa (PPRT/ZPP)	RM 310.00
		Makanan	RM 90.00
		Pakaian	RM 20.00
		Perubatan	RM 15.00
		Pengangkutan	
		d) Motosikal	RM 180.00
		e) Awam/e-hailing	RM 35.00
		<b>* KADAR</b>	
	*Kadar bagi ketua keluarga seperti berikut :		
	<b>f)</b>	a (Rumah sendiri) + 3 parameter wajib + d (motosikal)	<b>: RM 555</b>
	<b>g)</b>	b (Rumah sendiri) + 3 Parameter wajib+ e (awam/ e-hailing)	<b>: RM 410</b>
	<b>h)</b>	b (Rumah sewa) + 3 Parameter wajib + e (motosikal)	<b>: RM 775</b>
	<b>i)</b>	b (Rumah sewa) + 3 Parameter wajib + e (awam/e-hailing)	<b>: RM 630</b>
	<b>j)</b>	c (Rumah PPRT/ZPP) + 3 Parameter wajib + d (motosikal)	<b>: RM 615</b>
	<b>k)</b>	c (Rumah PPRT/ZPP) + 3 Parameter wajib + d (awam/e-hailing)	<b>: RM 470</b>
2.	Dewasa Bekerja	Makanan	RM 80.00
		Pakaian	RM 20.00
		Perubatan	RM 10.00
		Pengangkutan	
		a) Motosikal	RM 180.00
		b) Awam/e-hailing	RM 35.00
		<b>KADAR</b>	<b>a) RM290.00</b>
			<b>b) RM145.00</b>
3.	Dewasa Tidak Bekerja	Makanan	RM 80.00
		Pakaian	RM 20.00
		Perubatan	RM 15.00
		<b>KADAR</b>	<b>115.00</b>



<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Keperluan Asasi</b>	<b>Jumlah ( RM )</b>
4.	Anak Di Institusi Pengajian Tinggi	Makanan Pakaian Perubatan Pengangkutan Pendidikan	RM 80.00 RM 20.00 RM 10.00 RM 80.00 RM 375.00
		<b>KADAR</b>	<b>RM 565.00</b>
5.	Anak Bersekolah Menengah	Makanan Pakaian Pendidikan Perubatan Pengangkutan	RM 75.00 RM 20.00 RM 125.00 RM 10.00 RM 35.00
		<b>KADAR</b>	<b>RM 265.00</b>
6.	Anak Bersekolah Rendah	Makanan Pakaian Pendidikan Perubatan Pengangkutan	RM 70.00 RM 20.00 RM 70.00 RM 10.00 RM 35.00
		<b>KADAR</b>	<b>RM 205.00</b>
7.	Kanak-Kanak Bawah 7 Tahun	Makanan Pakaian Perubatan Pendidikan	RM 65.00 RM 20.00 RM 10.00 RM 20.00
		<b>KADAR</b>	<b>RM 115.00</b>

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Bukhori bin Ghazali) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Apakah status pelarian Rohingya di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan agensi yang terlibat dalam pemantauan berkaitan kelahiran, pergerakan dan hal ehwal golongan ini.
  - (b) Mengapakah golongan Rohingya ini begitu bebas sehingga boleh membuka perniagaan di negeri ini?
  - (c) Adakah ada usaha memantau mereka?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

24. Berdasarkan semakan dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang, dimaklumkan jabatan tersebut merupakan agensi yang terlibat bagi penguatkuasaan terhadap pendatang asing tanpa izin. Walau bagaimanapun, isu pelarian Rohingya merupakan perkara dasar yang perlu dirujuk kepada pihak Kementerian Dalam Negeri.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Nyatakan data mengenai kunjungan pelancong ke Pulau Pinang pada separuh pertama tahun 2023 mengikut negara atau rantau.
- (a) Adakah terdapat peningkatan atau penurunan berbanding tahun sebelum 2022?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

25. Maklumat pelancong ke Pulau Pinang melalui Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang pada separuh pertama tahun 2023 mengikut negara atau rantau adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Jumlah kunjungan pelancong ke Pulau Pinang pada separuh pertama tahun 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 138.37% berbanding tempoh sama bagi tahun 2022. Jumlah pelancong bagi separuh pertama tahun 2023 ialah 1,682,094 orang manakala bagi separuh pertama tahun 2022, bilangan pelancong direkodkan adalah sebanyak 705,670 orang.

## LAMPIRAN A

Jadual 1: Ketibaan Pelancong mengikut negara melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Separuh Pertama Tahun 2023

Nationalities Arrival Through Penang International Airport Jan – Jun 2023

NO	COUNTRIES	NO. OF TOURIST
1	INDONESIA	163187
2	SINGAPURA	74800
3	TAIWAN	15602
4	CHINA	13029
5	THAILAND	10468
6	USA	10391
7	AUSTRALIA	8434
8	UNITED KINGDOM	7147
9	LAIN-LAIN NEGARA KOMANWEL	5722
10	JEPUN	5261
11	EROPAH BARAT	3851
12	INDIA	3512
13	JERMAN BARAT	3099
14	KOREA SELANTAN	3000
15	FILIPINA	2466
16	KANADA	2407
17	EROPAH TIMUR	2321
18	PERANCIS	1982
19	PAKISTAN	1414
20	RUSSIA	1163
21	NEGARA ARAB	1128
22	BELGIUM, LUXUMBERG, BELANDA	1079
23	AMERIKA LATIN	1010
24	NEW ZEALAND	941
25	LAIN-LAIN NEGARA BUKAN KOMANWEL	915
26	BANGLADESH	713
27	NORWAY, SWEDEN, DENMARK, FINLAND	532
28	HONG KONG S.A.R	132
29	SRI LANKA	113
30	BRUNEI DARULSALAM	34
31	HONG KONG C.I	0

Sumber: Jabatan Imigresen Pulau Pinang

Jadual 2: Jumlah Ketibaan Pelancong melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Separuh Pertama Tahun 2022 dan Separuh Pertama 2023

<b>JUMLAH KETIBAAN DI LAPANGAN TERBANG (ANTARABANGSA DAN DOMESTIK)</b>			
<b>BULAN</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>BEZA (%)</b>
JAN	83,844	217,840	159.82%
FEB	73,004	236,999	224.64%
MAC	79,855	400,902	402.04%
APR	97,781	254,661	160.44%
MEI	179,597	270,552	50.64%
JUN	191,589	301,140	57.18%
<b>JUMLAH</b>	<b>705,670</b>	<b>1,682,094</b>	<b>138.37%</b>

Sumber: Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB)

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Kumaran a/l Krishnan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Adakah benar Pulau Pinang tidak mempunyai bekalan air mentah yang mencukupi?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri telah memastikan semua bekalan air mentah dalam negeri telah dioptimalkan penggunaannya?
  - (b) Bolehkah konsep 'Guillemard Reservoir' diperluaskan di negeri kita untuk mengurangkan kebergantungan kita kepada negeri lain untuk bekalan air mentah?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

26. Pada ketika ini, negeri Pulau Pinang bergantung sebanyak 80 peratus daripada Sungai Muda untuk membekalkan air setiap hari kepada pengguna negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, negeri Pulau Pinang memerlukan sumber air tambahan untuk menampung bekalan air kepada penduduk Pulau Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menyusuli cadangan *Penang-Perak Water Project* dengan Kerajaan Negeri Perak kerana projek pemindahan air ini berupaya untuk membantu menampung keperluan air sehingga 2050.

Tambahan kepada itu, laporan akhir yang disediakan oleh perunding yang dilantik oleh *Natural Resources, Environment and Climate Change* (NRECC) melalui kajian Penilaian Opsyen dan Kajian Reka Bentuk Pra-Kejuruteraan bagi Cadangan Skim Penyaluran Air dari Sungai Perak untuk bekalan air di utara Perak dan Pulau Pinang telah melaporkan bahawa kapasiti adalah mencukupi berdasarkan unjuran permintaan air dan pengairan bagi Perak Utara dan Pulau Pinang berdasarkan maklumat terkini daripada LAP (Lembaga Air Perak) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), serta permintaan masa hadapan bagi daerah lain di Perak yang diperoleh daripada NAWABS (*National Water Balance Management System*) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Ia juga memberi jaminan awal bahawa 1,500 MLD (*million litres per day*) tersedia untuk diabstrakkan dari Sungai Perak. Terdapat tiga (3) rasional utama untuk *Penang-Perak Water Project*:

- (i) Ia mengoptimalkan sumber air mentah sedia ada (Sungai Perak) untuk manfaat Pulau Pinang dan Perak. Perkongsian sumber untuk pembangunan wilayah dan pertumbuhan sosioekonomi adalah selaras dengan matlamat keseluruhan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER);
  - (ii) Ia adalah penyelesaian yang kos efektif. Kos pembangunan *Penang-Perak Water Project* adalah lebih rendah daripada kos membangunkan penyelesaian berasingan untuk Pulau Pinang dan Perak. Merawat air mentah (sungai) untuk menghasilkan air yang boleh diminum masih merupakan pilihan yang paling menjimatkan berbanding kaedah lain seperti penyahgaraman air laut. Oleh itu, *Penang-Perak Water Project* akan memberi impak yang paling rendah terhadap tarif air pada masa hadapan di Pulau Pinang dan Perak; dan
  - (iii) Ia adalah penyelesaian jangka panjang. *Penang-Perak Water Project* mempunyai potensi untuk memenuhi keperluan air mentah Pulau Pinang dan Perak sehingga 2050.
- (a) Selain daripada peratus air mentah yang diabstrak daripada Sungai Muda, 20 peratus lagi adalah bergantung kepada sumber air daripada kawasan tadahan air di sekitar Empangan Air Itam dan Teluk Bahang. Ini menunjukkan bahawa semua bekalan air mentah dalam negeri telah dioptimalkan penggunaannya bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk kegunaan harian pengguna di negeri Pulau Pinang. Pengeluaran air dari Empangan Mengkuang hanya dilepaskan semasa musim kemarau atau sekiranya berlaku sebarang insiden di Sungai Muda kerana ketika ini empangan mengkuang masih berfungsi sebagai empangan strategik. Pelepasan air hanya dapat dibuat sebanyak 300 juta liter sehari (JLH) dan kapasiti ini akan meningkat kepada 600 juta liter sehari (JLH) dengan penyiapan projek Fasa 2B. Namun jumlah kapasiti tersebut masih belum mencukupi kerana Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua memerlukan lebih kurang 1,100 juta liter sehari (JLH) untuk memenuhi permintaan harian.

- (b) Konsep *Guillemard Reservoir* merupakan konsep yang sama diguna pakai melalui kolam-kolam takungan air terawat yang lain. Kolam Takungan Air *Guillemard* menyimpan air terawat daripada Loji Rawatan Air (LRA) *Guillemard* dan Loji Rawatan Air (LRA) Batu Ferringhi. Walau bagaimanapun, konsep tersebut adalah terhad untuk diperluaskan di negeri kita. Ini kerana sumber air mentah bagi LRA *Guillemard* dan Batu Ferringhi adalah sumber air dari kawasan tadahan air yang berdekatan dengan persekitarannya. Jumlah kawasan tadahan air yang diwartakan di negeri ini hanya seluas 62.9 km<sup>2</sup> dan hanya dapat menampung kurang 20 peratus sumber air mentah. Negeri Pulau Pinang masih bergantung lebih dari 80 peratus sumber air mentah dari Sungai Muda sebagai bekalan air utama buat masa kini. Oleh demikian, sekiranya konsep tersebut ingin diperluaskan ianya memerlukan kawasan tadahan air yang luas serta muka sawk yang berdekatan bagi membolehkan simpanan air melalui kolam takungan dapat dioptimumkan dengan secukupnya.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Huraikan semua Jalan Persekutuan bawah seliaan KKR di Pulau Pinang.
- (a) Huraikan status pembinaan Jambatan Nibong Tebal dan penaiktarafan FT001 dalam SPS.
- (b) Apakah tindakan untuk menangani kesesakan lalu lintas FT006 dari Masjid Sungai Batu ke SJKC Yang Cheng?
- (c) Huraikan penyelenggaraan jejantas-jejantas pejalan kaki yang merentangi Jalan-jalan Persekutuan..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

27. Senarai Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya (KKR) di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Status pembinaan Jambatan Nibong Tebal dan penaiktarafan FT001 di daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sehingga 16 Oktober 2023 adalah 44% kemajuan sebenar (fizikal) di tapak berbanding 32% kemajuan jadual. Ini adalah bersamaan dengan 31 hari awal. Kerja-kerja yang sedang dilaksanakan di tapak adalah melibatkan kerja-kerja seperti berikut:
- (i) Kerja-kerja struktur iaitu pelancaran rasuk bagi Jambatan Sungai Kerian dan persimpangan Jalan Transkrian;
- (ii) Kerja-kerja cerucuk jenis *spun* pada persimpangan Jalan Transkrian;
- (iii) Kerja-kerja pemasangan dinding parapet (*parapet wall*);
- (iv) Kerja-kerja pemasangan paip Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP);
- (v) Kerja-kerja pembinaan takungan banjir (*sump pond*);
- (vi) Kerja-kerja pemampatan jalan (*surcharge*);
- (vii) Penyediaan *jalan lencongan sementara*; dan
- (viii) Kerja-kerja perobohan tapak sementara projek.

Penutupan jalan telah selesai dilaksanakan bagi kerja-kerja pelancaran rasuk di sebahagian Jambatan Sungai Kerian dan persimpangan Jalan Transkrian serta kerja-kerja pemasangan paip PBA.

- (b) Cadangan projek menaiktaraf Jalan Persekutuan Laluan FT 006 (Teluk Kumbar-Balik Pulau) dari dua (2) lorong ke empat (4) lorong telah dihantar oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) kepada Cawangan Jalan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan seterusnya ke peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk dilaksanakan. Projek ini masih menunggu kelulusan dari pihak yang berkaitan.

- (c) JKR Malaysia mempunyai program Pemeriksaan Mandatori Tahunan Jambatan (PMTJ) yang melibatkan pemeriksaan jambatan dan jejantas di Jalan Persekutuan dan dijalankan secara berkala iaitu setahun sekali. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada struktur jejantas/jambatan, pihak JKRPP akan membuat permohonan dalam senarai program Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen bagi memastikan struktur jejantas/jambatan berkenaan berada dalam keadaan yang baik.

**JADUAL 1: SENARAI JALAN PERSEKUTUAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DI NEGERI PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>NO. LALUAN</b>	<b>KETERANGAN RINGKAS LALUAN</b>	<b>PANJANG JALAN (KM)</b>
1	FT 001	Jalan Butterworth - Ipoh	33.70
2	FT 001	Jalan Butterworth - Sungai Petani	23.08
3	FT 006	Jalan Mengelilingi Pulau Pinang	60.04
4	FT 149	Jalan Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan	2.70
5	FT 150	Jalan Pa Thau - Pa Boi, Seberang Perai Selatan	2.46
6	FT 220	Jalan Bayan Lepas - Pekan Air Hitam	16.60
7	FT 221	Persimpangan Jalan Paya Terubong - Pekan Air Hitam	3.30
8	FT 280	Jalan Masuk ke Stesen VHF Bukit Bendera, Pulau Pinang	4.45
9	FT 281	Jalan Tun Dr. Awang	5.56
10	FT 282	Jalan Transkrian - Bukit Panchor	2.45
11	FT 283	Jalan Transkrian	3.15
12	FT 284	Jalan Masuk ke Stesen Gelombang Mikro, Pulau Pinang	3.50
13	FT 3110	Jalan Telaga Air - Seberang Perai Utara	0.80
14	FT 3111	Jalan Permatang Pauh	9.60
15	FT 3112	Jalan Perusahaan Seberang Perai Tengah	3.20
16	FT 3113	Jalan Persisiran Pantai (Lebuh Raya Bayan Lepas)	12.18
17	FT 3114	Lebuh Raya Kg. Jawa	1.61
18	FT 3115	Jalan Mayang Pasir	2.21



**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. Kerajaan digital.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia untuk abad ke-21?
- (b) Bagaimanakah kerajaan dapat memanfaatkan kuasa teknologi untuk merevolusikan cara kerajaan berkhidmat kepada rakyat?
- (c) Apakah yang diperlukan oleh negeri Pulau Pinang untuk membangun dengan berjaya dan cemerlang di masa akan datang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

28. (a) Dalam meniti arus kemodenan revolusi industri 4.0, Kerajaan Negeri telah memainkan peranan secara aktif dalam membentuk masa depan yang mapan.

Dalam usaha memastikan tiada komuniti yang ketinggalan, Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan dalam pembinaan infrastruktur digital yang teguh dan inklusif. Ini termasuk meluaskan akses kepada internet jalur lebar berkelajuan tinggi ke setiap sudut negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melabur dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, membangunkan hab inovasi dan menyokong syarikat pemula (*startups*) serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Dengan menyediakan sumber dan insentif yang diperlukan, Kerajaan Negeri telah merangsang penciptaan teknologi, produk dan perkhidmatan baharu yang akan memacu pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan.

Dalam bidang pendidikan pula, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program 42 Penang, satu (1) program pendidikan percuma kepada rakyat yang ingin meneroka bidang kemahiran digital. Program ini akan menjadi penggerak dalam membangunkan kemahiran digital dan menyumbang kepada teknologi inovasi di Pulau Pinang dengan berdasarkan kepada model pembelajaran 42 yang berjaya dari Perancis.

(b) Memanfaatkan kuasa teknologi adalah penting dalam proses pendigitalan sektor awam bagi meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah mendigitalkan perkhidmatan kerajaan secara atas talian. Sehingga kini, sebanyak 113 inisiatif pintar sedang diusahakan bagi mencapai matlamat menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu negeri bertaraf antarabangsa.

Kesemua inisiatif ini telah didokumentasikan di dalam dokumen bertajuk Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang yang telah dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri pada 8 Disember 2021. Selain itu, dokumen ini turut menyediakan rangka kerja bagi pembangunan negeri pintar di Pulau Pinang dalam merealisasikan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasi Negara.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah pengenalan aplikasi Penang Smart Parking (PSP) yang dilancarkan pada 19 Ogos 2019 dengan matlamat untuk menukar kaedah pengurusan parkir kereta di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan teknologi terkini. Melalui projek ini, rakyat negeri Pulau Pinang kini boleh mendapatkan petak tempat letak kereta yang kosong dengan lebih mudah. Selain itu, kedua-dua PBT juga telah berjaya menjimatkan kos cetakan kupon parkir dan penyelenggaraan Tempat Letak Kereta (TLK).

Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Inisiatif Tanpa Tunai di Pasar Awam di seluruh Pulau Pinang pada 18 Julai 2020 dengan kerjasama 17 institusi kewangan untuk menggalakkan migrasi kesemua pengusaha pasar awam di seluruh Pulau Pinang ke arah penggunaan e-pembayaran.

Susulan daripada kejayaan pelaksanaan di pasar awam tersebut, satu dasar untuk mewajibkan penggunaan perkhidmatan e-pembayaran sebagai salah satu platform terimaan hasil bagi semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 2 September 2020. Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan Negeri dapat dipertingkatkan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membentuk Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa.

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan Kerajaan Negeri ini telah membuahkan hasil di mana Pulau Pinang telah mencatatkan penggunaan transaksi tanpa tunai kedua tertinggi di Malaysia iaitu mencecah 90% sehingga Oktober 2023 menurut Syarikat Paynet Sdn. Bhd. dalam Majlis Penyampaian Hadiah Kempen Cashless Boleh 3.0 yang telah dianjurkan pada 30 Oktober 2023.

- (c) Bagi memastikan Pulau Pinang terus membangun dengan berjaya dan cemerlang di masa akan datang, tumpuan harus diberikan kepada pendidikan dan pembangunan tenaga kerja dengan tumpuan kepada pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik). Selain itu, sokongan harus diberi kepada bidang penyelidikan dan inovasi terutamanya dalam teknologi baharu seperti kecerdasan buatan, tenaga boleh diperbaharui, dan bioteknologi.

Untuk terus menggalakkan perkembangan usahawan dan ekonomi digital di Pulau Pinang, persekitaran yang kondusif untuk syarikat pemula dan usahawan teknologi juga adalah penting.

Antara aspek lain yang diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan yang berterusan di masa akan datang adalah penyediaan infrastruktur digital dan akses jalur lebar untuk menyokong perkembangan digital negeri ini. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan melihat kepada penggalakan inisiatif perkongsian Awam-Swasta bagi memupuk kerjasama antara sektor awam dan swasta.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Muhamad bin Kasim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Faktor utama berlakunya kejadian banjir kilat yang berpanjangan di kawasan Telok Bahang adalah disebabkan ketidaksempurnaan infrastruktur dan sistem saliran yang kecil serta kerap tersumbat. Adakah pihak kerajaan mempunyai sebarang perancangan atau pelan jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

29. Pelan jangka pendek Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) untuk mengurangkan risiko dan kesan banjir kilat di kawasan Teluk Bahang adalah penyelenggaraan sungai secara berkala pada setiap tahun dan kerja-kerja pembaikan kecil melalui peruntukan mengurus negeri.

Bagi pelan jangka masa panjang pula, JPSP telah siap melaksanakan pembinaan jambatan baharu bagi menggantikan kotak pemetung (*box culvert*) di Jalan Hassan Abas, Teluk Bahang pada 25 Oktober 2023. Pembinaan jambatan baharu ini secara langsung telah mengurangkan risiko banjir di kawasan rumah pangsa (Jalan Hassan Abas).

Selain itu, projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Bahang/Sungai Pinang juga akan dilaksanakan dalam usaha mengurangkan risiko banjir di kawasan *hotspot* Teluk Bahang dan juga Sungai Pinang. Projek-projek RTB ini kini dalam fasa kajian reka bentuk.

Bagi mengurangkan risiko banjir dan mengatasi masalah sistem saliran dalam kampung dan jalan yang kecil dan tersumbat, Kerajaan Negeri akan menyelaras kerjasama secara menyeluruh melibatkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Kerja Raya Negeri

Pulau Pinang (JKRPP), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tan Hooi Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Isu *brain drain* semakin serius di negara kita, apakah strategi yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan supaya bakat kita akan bertetap di Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

30. Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal dalam penjanaaan dan seterusnya bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan Inovasi. Menuju ke arah ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka dasar dan hala tuju yang komprehensif dan holistik supaya Pulau Pinang dapat mencapai kelebihan daya saing dalam menarik dan mengekalkan bakat-bakat muda.

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang berasaskan industri elektronik dan pembuatan. Maka, Pulau Pinang memerlukan lebih ramai bakat teknikal yang terlatih untuk menyokong industri sedia ada di Pulau Pinang dan menarik pelaburan langsung asing (FDI) baharu. Selain itu, banyak syarikat multinasional (MNC) di Pulau Pinang mempunyai matlamat kepelbagaian dan inklusif dalam tenaga kerja mereka. Bagi memenuhi permintaan ini, Kerajaan Negeri melalui Pusat *Science, Technology, Engineering & Mathematics* (STEM) seperti Penang Science Cluster telah melancarkan Program *Girls in Engineering & Technology* (GET) bagi menggalakkan para pelajar perempuan sekolah menengah atas untuk menceburi pengajian dan kerjaya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan.

Selain itu, peranan Tech Dome Penang juga bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pendidikan sains yang interaktif, namun turut menganjurkan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan pemahaman masyarakat tentang sains dan teknologi. Melalui pendekatan yang praktikal dan mudah, Tech Dome Penang mendorong minat, pemikiran inovasi dan kreativiti dalam kalangan pelajar. Program-program seperti Ahli Teknologi Muda AI, Robomania, *Penang Digital Literacy Camp* dan *Innospark Penang* turut banyak membantu dalam menyemarakkan pengetahuan STEM.

Tech Dome Penang telah menjalankan sebanyak 2,050 bengkel STEM yang melibatkan lebih daripada 400,000 orang pelajar dari 200 buah sekolah di Pulau Pinang dan 200 buah sekolah dari seluruh Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2022, Tech Dome Penang telah menyelaras penyertaan peserta dari Pulau Pinang ke pertandingan Techlympics yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan kontinjen Pulau Pinang telah memenangi Anugerah Kontinjen Terbaik di Malaysia.

*Penang Skills Development Centre* (PSDC) kekal memainkan peranannya sebagai sebuah institut latihan terulung di Pulau Pinang. Tumpuan PSDC adalah untuk membolehkan industri tempatan mendapatkan tenaga kerja yang sesuai. Oleh yang demikian, PSDC menawarkan pelbagai kursus jangka masa pendek dan panjang serta seminar dalam bidang teknikal, *soft skills* dan teknologi maklumat bagi mewujudkan pasaran tenaga kerja yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Pada waktu yang sama, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Penubuhan Perpustakaan Digital dengan kemudahan jalur lebar 5G di 88 buah sekolah di Negeri Pulau Pinang. Projek ini adalah satu usaha sama pelbagai pihak terutamanya Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak industri. Objektif utama projek ini adalah untuk mewujudkan perpustakaan digital di mana akses jalur lebar tanpa wayar yang baik dibekalkan kepada sekolah terpilih berserta peranti yang berkaitan bagi mewujudkan akses kepada

sumber STEM dan lain-lain bahan yang tersedia di Perpustakaan Digital Pulau Pinang dan portal-portal pendidikan yang lain.

Program Technical Skills Learning (TSL) adalah program inovatif baru yang menekankan penguasaan kemahiran teknikal dengan implementasi STEM melalui aktiviti praktikal untuk pelajar Tingkatan 4 & 5. Matlamat TSL bertujuan untuk mendaftarkan 1,800 pelajar dalam tahun pertama.

Kesemua inisiatif ini adalah selaras dengan Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Segala momentum Negeri Pulau Pinang dalam bidang pendidikan, pembangunan modal insan, sains dan teknologi akan kekal bagi tahun-tahun yang akan datang agar Pulau Pinang menjadi aspirasi kepada seluruh Malaysia.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yee Harn) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

31. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik bakat bagi industri di negeri Pulau Pinang?
- (a) Apakah status permintaan dan bekalan bakat yang mahir pada tahun 2023?
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendidikan TVET & STEM?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

31. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pusat Career Assistance and Talent (CAT) terus berperanan untuk menambah baik urusan melibatkan pembangunan modal insan melalui kempen *My Penang, My Workplace* yang bertujuan untuk membantu golongan pencari kerja bagi mendapatkan pekerjaan dan seterusnya memperoleh sumber pendapatan yang terjamin. Antara peranan utama Pusat CAT adalah memberikan khidmat fasilitasi berkaitan hal-hal pepadanan kerja (*job matching*) antara pihak majikan dengan individu pencari kerja. Dengan adanya beberapa pelan perancangan, akses terhadap peluang pekerjaan melibatkan industri-industri di Pulau Pinang dapat ditawarkan dan dihebahkan kepada semua pencari kerja di Malaysia khususnya anak jati Pulau Pinang.

Berikut adalah antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menarik dan mengekalkan bakat di Pulau Pinang:

**1. Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya**

Kaedah mempromosikan Pulau Pinang adalah melalui '*outreach programme* bersama institusi pengajian tinggi bagi memberikan kesedaran kepada para pelajar dan juga pencari kerja di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang mengenai peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini.

**2. Pelaksanaan program subsidi latihan industri iaitu *Penang Internship Subsidy Programme (PISP)***

Pelaksanaan program ini bertujuan sebagai salah satu peluang kepada para pelajar di Malaysia bagi mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkelayakan di samping memperoleh kadar elaun bulanan yang menarik.

**3. Pelaksanaan program biasiswa *Penang Future Foundation (PFF)***

Program ini merupakan sebuah program penawaran biasiswa daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia khususnya anak jati negeri ini yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. Program PFF adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan

jantina. Setelah berjaya menamatkan pengajian yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor awam mahupun swasta.

4. **Mempromosikan program-program yang bermanfaat seperti Program *My Next, Career Comeback***

Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (*Northern Corridor Implementation Authority* – NCIA), TalentCorp Malaysia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan melaksanakan hebahan bagi program-program berkaitan pekerjaan melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang dan Pusat CAT. Kerjasama ini membolehkan Pusat CAT Pulau Pinang menyalurkan sebarang pertanyaan mahupun permohonan daripada golongan sasaran pencari kerja terus kepada pihak yang berkaitan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada.

5. ***Youth Entrepreneurship Challenge (YEC) 4.0 National Level 2023***

Kerajaan Negeri mewujudkan peluang kepada usahawan belia yang bercita-cita tinggi serta memupuk minat belia dalam bidang keusahawanan.

- (a) Menjelang tahun 2023, pasaran buruh Pulau Pinang dilihat telah kembali kepada prestasi sewaktu pra-pandemik. Kadar pengangguran telah menurun daripada suku tahun kedua 2020 sebanyak 4.3% kepada 2.1% pada suku tahun kedua 2023, sejajar dengan kadar pra-pandemik serantau 2%. Menurut penerbitan *Big Data Analytics: Job Market Insights* oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), suku tahun pertama 2023 telah mencatatkan pertumbuhan bilangan jawatan kosong dari tahun ke tahun sebanyak 18.4%.

Menurut penerbitan *Penang Talent Prospects Survey 2023: Surging Demand for Engineering and IT Talent* pada awal tahun 2023, permintaan bakat kejuruteraan dan teknologi maklumat dalam sektor pembuatan dan industri semikonduktor di Pulau Pinang dijangka meningkat pada kadar tahunan 30% dari tahun 2023 hingga 2026.

- (b) Rangkaian Penang STEM yang dianggotai oleh *Penang Skills Development Centre (PSDC)*, *Penang Science Cluster (PSC)*, *Tech Dome Penang*, *Penang Digital Library* dan *Penang Math Platform*, memainkan peranan dalam menghasilkan bakat yang dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri elektrik dan elektronik bertaraf dunia. Antara program yang telah diadakan adalah:

- (i) Acara ***Penang STEM Showcase 2023*** mempamerkan hasil inovasi pelajar, teknologi korporat dari Zon Perindustrian Bebas Pulau Pinang dan pengalaman STEM yang menyeronokkan;
- (ii) ***Pertandingan Inovasi Coolest Projects Malaysia*** melibatkan projek pelajar yang menggunakan teknologi seperti kod, robotik dan elektronik;
- (iii) ***Pusat Sains Interaktif Tech Dome Penang*** menawarkan pelbagai aktiviti dan pameran untuk menerokai dunia sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik;
- (iv) Penekanan terhadap **kursus berteknologi tinggi yang** bersesuaian dengan permintaan tenaga kerja dalam pasaran industri melalui bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui PSDC;

- (v) Penganjuran **kursus asas dalam bidang elektronik, automotif dan mekatronik** melalui PSC bagi menarik minat pelajar sekolah menengah tingkatan 4 dan tingkatan 5 terhadap STEM; dan
- (vi) Melaksanakan **program berterusan kepada guru dan pelajar** bagi mencetuskan minat pelajar terhadap STEM dan juga memupuk kemahiran berfikir aras tinggi serta kemahiran berfikir menggunakan bahasa pengaturcaraan (*computational thinking*).
- (vii) Pertandingan *National Think Mathematics* yang menyaksikan 2 buah sekolah di Penang meraih pencapaian tertinggi iaitu menjadi juara dan naib juara peringkat kebangsaan. Ini secara langsung menyemai minat dalam Matematik bagi pelajar-pelajar di sekolah kita.
- (viii) Minggu Sains Negara (Peringkat Pulau Pinang) adalah satu program yang berjaya menarik hampir 10,000 orang untuk menyertai program ini yang mempromosikan STEM di sekolah-sekolah dan membantu membina saluran bakat STEM yang kondusif.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

32. Penang Science, Technology, Engineering, Mathematics (STEM) ialah sebuah organisasi utama yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghimpunkan lima (5) organisasi pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang disokong oleh Kerajaan Negeri di bawah ekosistem sinergi yang menawarkan rangkaian penuh program dan aktiviti berkaitan STEM bagi melengkapkan sistem pendidikan formal yang bertujuan mencetuskan minat terhadap STEM. Ia juga membantu merancang segala inisiatif, program utama dan aktiviti baharu yang memerlukan penajaan. Pada masa ini, Penang STEM sedang berusaha menghasilkan bakat dalam bidang STEM/Technical & Vocational Education & Training (TVET) di Pulau Pinang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

32. Penang Science Cluster (PSC) menawarkan pendekatan Inovasi dan Makerspace untuk para pelajar sekolah menengah dalam bidang reka bentuk, teknologi dan inovasi. PSC memberikan inspirasi kepada para pelajar melalui program sains dan teknologi berasaskan inkuiri. Selain itu, PSC juga menyokong penubuhan MakerLabs di sekolah-sekolah di Pulau Pinang untuk menggalakkan pembelajaran mata pelajaran STEM dengan pendekatan yang menyeronokkan dan praktikal. Justeru, PSC mempunyai misi untuk mewujudkan satu saluran dan platform penghasilan bakat di Pulau Pinang dengan mencetuskan minat pelajar dalam sains dan teknologi termasuk mewujudkan budaya inovasi dan keusahawanan di kalangan anak muda.

Tech Dome Penang merupakan satu-satunya Pusat Sains di Pulau Pinang. Tech Dome Penang bukan sahaja mempamerkan alat pameran Sains & Teknologi, malah memiliki kepentingan yang luas dalam bidang pendidikan, pembangunan modal insan dan inovasi. Ia menyajikan pusat pendidikan sains yang interaktif kepada pengunjung tanpa mengira usia. Pusat ini mempunyai pelbagai jenis pameran dan aktiviti yang dirancang untuk meningkatkan pemahaman masyarakat tentang sains dan teknologi. Melalui pendekatan yang praktikal dan menarik, pusat ini mampu membangkitkan minat dan semangat pelajar dalam mendalami bidang sains, matematik, teknologi, dan kejuruteraan.

- (a) Pencapaian organisasi ini dapat diterjemahkan secara keseluruhan seperti berikut:

Sejak tahun 2018, Program *Coding for All* telah melatih sejumlah 180,000 orang pelajar dan lebih 2,000 orang guru. Tambahan lagi, sebanyak 123 buah sekolah di Pulau Pinang telah dilengkapi dengan MakerLabs, dengan 101 buah sekolah menerima pembiayaan negeri. Turut terlibat dalam misi menghantar pelajar terpilih ke program peringkat antarabangsa seperti *FIRST Tech Challenge* di Houston, Texas, dan *Belt and Road Teenager MakerCamp* di China. PSC juga telah menganjurkan Pameran Sains Antarabangsa Pulau Pinang setiap tahun dengan penyertaan antara 40,000 hingga 60,000 orang pengunjung. Selain itu, penganjuran pelbagai program dan acara yang bertujuan untuk memupuk bakat dan menangani ketidaksamaan dalam akses STEM seperti *TECH Start*, *FIRST Tech Challenge*, *Girls in Engineering and Tech* and *Girls in STEM* dan *InclusiveSTEM*. Secara keseluruhan, penyertaan pelajar adalah antara 60,000 hingga 130,000 orang setahun dan melibatkan usaha sama dengan lebih 30 rakan kongsi industri, 30 buah organisasi dan 10 buah pertubuhan yayasan.

Manakala sejak tahun 2016, Tech Dome Penang telah menjalankan 2,550 Bengkel STEM yang melibatkan lebih daripada 435,000 orang pelajar. Tech Dome Penang juga telah menerima lebih 1.1 juta kunjungan daripada pelajar dan orang awam. Tech Dome Penang telah berjaya membantu dan megiringi pelajar-pelajar sekolah ke pertandingan peringkat antarabangsa dan berjaya memenangi anugerah Kontinjen Terbaik di *Techlympics Malaysia 2022*. Selain itu, dua (2) pasukan yang dihantar oleh Tech Dome Penang yang mewakili Malaysia juga telah memenangi anugerah dalam *Codeavour 2022*, iaitu BEST AI (*Artificial Intelligence*) & ML (*Machine Learning*) *Project Award*. Pertandingan ini menghimpunkan sejumlah 100,000 pasukan dari 65 buah negara. Tech Dome Penang juga telah dilantik sebagai Agensi Peneraju MOSTI untuk menjalankan Minggu Sains Negara (MSN) di Pulau Pinang sejak tahun 2018 sehingga kini. MSN merupakan salah satu inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam usaha menyemarakkan aktiviti inovasi dan kreativiti negara dalam kalangan rakyat. Program ini menyokong Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 yang menggariskan pelaksanaan pelbagai inisiatif, program dan aktiviti dalam usaha memanfaatkan sains dan teknologi ke arah pertumbuhan sosioekonomi negara. Tambahan lagi, Tech Dome Penang juga telah disenaraikan di dalam *The Malaysia Book of Records* untuk Robomania pada tahun 2019 untuk "Bilangan Peserta Terbanyak Dalam Acara Pembelajaran Interaktif Robotik". Selain itu, Tech Dome Penang juga telah menubuhkan Konsortium Pendidikan AI yang pertama untuk menerajui Pendidikan AI di Wilayah Utara.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

33. Apakah usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya pintar (*smart city*)?
- (a) Nyatakan peruntukan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai '*smart city*'.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

33. Dalam mencapai hasrat untuk menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa selaras dengan Visi *Penang2030: A Family-Focused, Green & Smart State that Inspires the Nation*, Kerajaan Negeri telah melancarkan Dokumen Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang pada 8 Disember 2021 yang lalu. Penerbitan dokumen ini merupakan suatu dokumen yang amat penting bagi merekodkan perjalanan negeri Pulau Pinang ke arah menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa dan untuk dijadikan rujukan semua pihak terutamanya bagi

merealisasikan 4Ps (*Private, People, Public, Partnership*) dalam era Revolusi Industri 4.0 dapat tercapai.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menetapkan pelan implementasi hala tuju Negeri Pintar yang merupakan pelan pelaksanaan cadangan-cadangan inisiatif pintar bagi mencapai hasil yang disasarkan berdasarkan penambahbaikan dan naik taraf program, dasar, urus tadbir dan infrastruktur digital yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri bermula daripada tahun 2020 sehingga 2030 seperti berikut:

**(i) Peringkat Asas (2020-2021)**

Peringkat untuk mengenal pasti masalah perbandaran bagi membolehkan penyediaan dasar dan program dilakukan. Pada peringkat ini, warga Pulau Pinang akan didedahkan dan dilibatkan dalam pembentukan negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar.

**(ii) Peringkat Pembangunan (2022-2024)**

Peringkat untuk merangka perubahan supaya sesuatu pelan dan strategi dapat dilaksanakan secara lebih teliti dan teratur. Pada peringkat ini, setiap inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih mampan dan berkesan.

**(iii) Peringkat Penambahbaikan (2025-2027)**

Peringkat penambahbaikan beraspirasi untuk memperkukuhkan prestasi inisiatif pintar sedia ada bagi memastikan pelan jangka masa panjang dapat dilaksanakan dan dicapai dengan lebih berkesan.

**(iv) Inisiatif Keutamaan**

Inisiatif keutamaan merupakan inisiatif yang diberi penekanan untuk dilaksanakan bagi mencapai hasil yang disasar berdasarkan keadaan semasa ekonomi dan sosial negeri Pulau Pinang. Inisiatif keutamaan yang dilaksanakan ini juga bertujuan untuk mempersiap dan memudahkan rakyat negeri Pulau Pinang untuk menjalani kehidupan norma baharu menerusi penggunaan solusi pintar dan teknologi terkini.

Sehingga Oktober 2023, sebanyak 113 inisiatif pintar telah direkodkan dengan pecahan 51 inisiatif telah dilaksanakan, 37 inisiatif sedang dilaksanakan dan 25 lagi inisiatif masih dalam perancangan.

Senarai inisiatif-inisiatif pintar dan kejayaan inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletak di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi Soalan Lisan.

Sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan Revolusi Industri ke-4, perkhidmatan kepada rakyat perlu disampaikan dengan lebih cepat dan cekap dengan penggunaan teknologi yang berkonsepkan *end to end* serta berasaskan *Artificial Intelligence* (AI) dan *Internet of Things* (IoT). Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri menekankan penggunaan teknologi pintar bagi meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan jabatan dan agensi negeri terhadap kumpulan sasar masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Bandar Pintar Negara (MBPN) telah meluluskan cadangan Penarafan Bandar Pintar Malaysia sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019-2025. KPKT memaklumkan penarafan ini bertujuan mengiktiraf peranan PBT yang telah melaksanakan inisiatif Bandar Pintar berpandukan indikator dalam Malaysia Standard (MS) ISO 37 122:2019. Penarafan Bandar Pintar Malaysia terdiri daripada empat (4) tahap iaitu *Smart City Early Adopter*, *Developing Smart City*, *Leading Smart City* dan *Visionary Smart City*. Pada tahun 2023, penarafan dimulakan dengan tahap permulaan bandar pintar iaitu *Smart City Early Adopter*, *Developing Smart City*, *Leading Smart City* dan *Visionary Smart City*. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan telah memastikan agar Pulau



Pinang mencapai taraf bandar pintar apabila kedua-dua PBT di Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah berjaya mencapai taraf bandar pintar bagi Tahap 1 iaitu *Smart City Early Adopter* seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan pada 9 November 2023 yang lalu.

Kerajaan Negeri buat masa ini dalam perancangan untuk mewujudkan *Penang Urban Observatory Platform* (PUOP) yang merupakan satu sistem pemantauan perbandaran di peringkat negeri yang mengintegrasikan pelbagai *platform* data analitik agar pengurusan data negeri lebih komprehensif, inklusif dan berkesan bagi mencapai pembangunan mampan untuk kesejahteraan masyarakat. Sistem ini juga akan memantau trend perbandaran mampan di peringkat negeri terutamanya bagi aspek pengurusan sumber dan pembangunan negeri yang seimbang.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang dalam perancangan untuk menubuhkan *Penang Centre of Excellence* (Penang CoEx) yang akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam latihan, penyelidikan dan inovasi yang bertaraf dunia terutamanya dalam pembangunan bandar pintar di Pulau Pinang. Penubuhan Penang CoEx dijangka memberi tumpuan kepada perkhidmatan pengurusan dan penyelesaian bandar pintar, selain membantu membangun serta melengkapkan bakat tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam norma baharu.

- (a) Bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif pintar di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri mengutamakan konsep *Private Funding Initiative* (PFI) yang merupakan usaha bersepadu di antara Kerajaan Negeri dan sektor swasta yang bertujuan untuk membiayai projek infrastruktur sosial seperti pengangkutan, komunikasi, pendidikan, kesihatan, tenaga dan projek kemudahan awam bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kemudahan awam. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan melalui peruntukan MMK Kerajaan Tempatan bagi tahun 2023 sebanyak RM370,000.00 serta peruntukan sebanyak RM3,000,000.00 bagi pelaksanaan program *Penang2030* ke arah mencapai matlamat bagi menjadikan Pulau Pinang sebuah Bandaraya Pintar (*smart city*) selain daripada peruntukan di bawah PBT masing- masing.

**SENARAI INISIATIF-INISIATIF PINTAR YANG TELAH DILAKSANAKAN DI NEGERI  
PULAU PINANG**

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
1.	Sistem Pemantauan Pintar	Meningkatkan kualiti hidup penduduk Seberang Perai apabila aduan ditangani dengan pantas dan berkesan.
2.	<i>Real-time Telemetry System</i>	Mengurangkan risiko kepada orang awam dengan memberikan amaran awal melalui laman web INFOBANJIR.
3.	Sistem Amaran Paras Air Kawasan (SPARK)	Memberikan amaran awal kepada pegawai mengenai keadaan paras air semasa di parit monsun di lokasi <i>hotspot</i> yang tertentu.
4.	CCTV di Seberang Perai	Membantu pihak penguatkuasaan MBSP dalam melaksanakan kerja-kerja pemantauan berdasarkan kes-kes berkaitan dan penguatkuasaan dengan lebih berkesan.
5.	<i>Penang GeoHub</i>	Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan kerajaan melalui sistem perkongsian maklumat geospasial yang menyeluruh
6.	<i>Intelligent Operation Centre (IOC)</i>	Meningkatkan kualiti hidup rakyat negeri Pulau Pinang daripada aspek keselamatan awam apabila kawasan berisiko sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa
7.	<i>Fibre to the Home</i>	Penghuni dapat memilih penyedia perkhidmatan bagi sistem telefon dan internet berdasarkan bajet dan keperluan mereka sendiri.
8.	Perkhidmatan Telekomunikasi Tanpa Wayar "Terragraph"	Meningkatkan mutu dan kualiti hidup rakyat terutamanya penduduk George Town kerana dapat menikmati kemudahan internet percuma berjalur lebar tinggi.
9.	<i>Crush Aedes Totally (CAT)</i>	Membekalkan maklumat ramalan kepada Jabatan Kesihatan Negeri supaya langkah-langkah pencegahan denggi dapat dilaksanakan lebih awal.
10.	Analitis Data Raya: Pemilikan Rumah Mampu Milik	Memberi peluang kepada penduduk negeri Pulau Pinang yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri untuk didiami bersama keluarga.
11.	Sistem e-Janji Temu	Memudahkan pelanggan menempah slot janji temu mengikut urusan secara atas talian.
12.	Sistem i-Sejahtera	Membudayakan norma baharu bagi urusan permohonan melalui penggunaan teknologi digital.
13.	Sistem e-Kemusykilan	Memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendapatkan jawapan bagi kemusykilan agama dan pandangan hukum tanpa perlu hadir ke kaunter.
14.	Sistem e-Fatwa	Mendidik rakyat untuk membudayakan teknologi digital bagi membuat carian dan

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
		mendapatkan maklumat berkaitan keputusan fatwa serta nasihat hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang secara atas talian
15.	Sistem ePerolehan Pulau Pinang (SysP)	Membolehkan pembelian dokumen sebutharga atau tender secara <i>online</i> .
16.	Sistem e-INTEGRITI	Saluran aduan yang terbuka untuk menerima maklumat/aduan berkaitan isu-isu <i>integrity</i> termasuklah perlakuan jenayah rasuah.
17.	Sistem e-Rayuan	Membolehkan orang awam mengakses sistem rayuan 24 jam sehari, penyediaan sistem carian yang membolehkan carian kes-kes terkini dan kes lama dibuat dan pembayaran secara <i>online</i> .
18.	Aplikasi PDC2U	Membolehkan orang awam membuat sebarang pertanyaan atau aduan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh PDC.
19.	SMARTPLAN	Meningkatkan sistem penyampaian jabatan untuk rakyat dengan perkhidmatan Aplikasi <i>Map Services SMARTPLAN</i> .
20.	Sistem Pemantauan Rancangan Struktur / <i>Electronic Monitoring Structure Plan (eMOSPlan)</i>	Membangunkan sistem pemantauan yang boleh mengukur pencapaian pelaksanaan dasar-dasar dan langkah yang telah dinyatakan di dalam RSNPP2030.
21.	<i>Aspire</i> Seberang Perai	Membantu warga Seberang Perai memperoleh info terkini mengenai Seberang Perai, menerima pemakluman tentang bil yang perlu dibayar dan membuat bayaran menggunakan gerbang pembayaran alternatif yang lebih efisien dan mudah.
22.	Inisiatif Tanpa Tunai di Pasar Awam (POC)	Menyediakan satu <i>platform</i> pembayaran yang mudah, cepat dan selamat kepada orang awam.
23.	<i>Penang i4.0 Seed Fund</i>	Memberi peluang kepada para <i>start-up</i> teknologi tahap awal yang berpotensi tinggi untuk menceburi bidang teknologi inovatif,
24.	Jom Beli <i>Online</i> (JBO)	Membantu para peniaga kecil tempatan supaya mentransformasikan perniagaan secara dalam talian.
25.	<i>Trash2Treasure</i>	Meningkatkan kecekapan kitar semula dan proses pembelian semula bahan kitar semula.
26.	<i>Penang International Green Conference and Exhibition 2019</i>	Menyediakan <i>platform</i> perbincangan dan perkongsian idea inovatif mengenai pelaksanaan Bandar Hijau di negeri Pulau Pinang.
27.	SMARTROW	Mengurangkan penggunaan tenaga dengan teknologi baru melibatkan pemantauan dan pengurangan jejak karbon.
28.	Semburan baja dan racun menggunakan dron	Menampung kekurangan tenaga kerja manusia di samping penjimatan masa melalui penggunaan teknologi.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
29.	<i>Link Bike</i>	Menggalakkan pelancong menaiki basikal untuk mengurangkan jejak karbon terutamanya di kawasan George Town.
30.	<i>Penang Intelligent Traffic and Transport System (PiTTs)</i>	Penduduk negeri Pulau Pinang dapat merancang waktu perjalanan tanpa perlu menghabiskan waktu menunggu di perhentian bas.
31.	<i>Smart Bus Stop (POC)</i>	Menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang serta menambah baik ciri-ciri perhentian sedia ada dengan teknologi baharu yang baik untuk warga Pulau Pinang.
32.	Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL)	Melahirkan generasi dalam kalangan rakyat Pulau Pinang yang celik IT dan peka terhadap perkembangan teknologi semasa.
33.	<i>Penang Free WiFi</i>	Menyediakan akses jalur lebar yang mudah untuk penduduk Pulau Pinang serta para pelawat di kawasan khas internet tanpa wayar yang terdapat di bahagian Pulau dan Seberang Perai.
34.	Perpustakaan Digital Batu Maung	Melahirkan generasi dalam kalangan rakyat Pulau Pinang yang celik IT dan peka terhadap perkembangan teknologi semasa.
35.	<i>Smart Pole</i> di PDL	Menjimatkan penggunaan kos tenaga elektrik dan mampu mewujudkan persekitaran yang mesra alam.
36.	Perpustakaan Digital Butterworth	Meningkatkan pengalaman pendidikan yang setanding dengan perkembangan teknologi hari ini dan melalui penggunaan E-Book.
37.	<i>Hackfest MPSP 2018</i>	Membolehkan orang awam memberi pandangan atau idea yang kreatif yang dapat membantu MBSP dalam memperbaiki mutu penyampaian perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai.
38.	24 Jam Hackathon Data Terbuka Pulau Pinang 2018	Menggalakkan penglibatan komuniti dalam membangunkan produk inovasi yang menggunakan data terbuka Malaysia dan Pulau Pinang.
39.	<i>Young Innovators Makerthon 2019</i>	Menyediakan <i>platform</i> untuk memupuk minat pelajar untuk mempelajari mengenai teknologi terkini dan melengkapkan pelajar dengan kemahiran hidup.
40.	<i>De Tech Conference 2019</i>	Melahirkan komuniti yang berbakat dan berinovasi serta dapat menyesuaikan diri dalam penggunaan sistem <i>Artificial Intelligence (AI)</i> , <i>Cyber Security</i> , <i>Big Data</i> , <i>Smart City</i> , <i>Smart Retail</i> dan <i>Augmented Reality (AR)</i> .
41.	<i>Makerspace @ Balik Pulau</i>	Pelajar dapat menerokai dan mempelajari mengenai alat berteknologi tinggi seterusnya memupuk minat terhadap bidang sains dan teknologi.
42.	<i>Penang School Maker Fair 2019</i>	Menyediakan <b>platform</b> bagi pelajar untuk mengetengahkan idea kreatif dan luar biasa dalam bidang STEAM

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
43.	<i>SteamX</i>	Membolehkan para pelajar Malaysia memahami pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian, dan Matematik (STEAM) dan merasai teknologi dalam persekitaran global.
44.	<i>Penang International Science Fair</i>	Menyediakan <i>platform</i> untuk memupuk minat dalam pendidikan STEM dan mewujudkan pemikiran yang inovatif di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah melalui aktiviti <i>hands-on</i> yang unik.
45.	<i>Maker Lab for Schools</i>	Menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek STEM menggunakan teknologi terkini
46.	<i>Coding for All</i>	Mempersiapkan pelajar sebelum menghadapi alam pekerjaan dan memupuk minat pelajar untuk menceburi bidang teknologi.
47.	Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)	Melahirkan pekerja industri yang berkemahiran dan berbakat dalam bidang seperti reka bentuk, pembangunan dan pembuatan.
48.	<i>PGCare</i>	Memudahkan cara pematuhan prosedur operasi standard (SOP) oleh premis perniagaan.
49.	Penang Saring COVID19 (PSC19)	Mengenal pasti dan mengasingkan individu yang dijangkiti virus COVID19 dan mengawal perebakan virus.
50.	<i>MBSP Free Wifi</i> (POC)	Memudahkan pembayaran tanpa tunai di pasar awam dan kompleks makanan milik MBSP.
51.	Aplikasi MyKampung Pulau Pinang	Membangunkan dan mengemas kini maklumat kampung mengikut kategori serta mencerap data asas bagi setiap kampung.

**SENARAI INISIATIF-INISIATIF PINTAR YANG SEDANG DILAKSANAKAN DI NEGERI  
PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>OBJEKTIF / KEJAYAAN</b>
1.	<i>Smart City of Penang (SCoPe)</i>	Membantu dan memudahkan kerja harian MBSP dalam menangani masalah penjaja haram, kebersihan, lalu lintas, anjing liar dan keselamatan selain untuk menambahkan bilangan CCTV sedia ada.
2.	<i>Smart Pole (POC)</i>	Mengoptimalkan penggunaan tenaga dengan kecekapan yang tinggi melalui pencahayaan pintar.
3.	<i>Integrated Local Council Solution (ILCS)</i>	Mengurus dan memantau perkembangan permohonan pelan bagi memastikan proses yang sistematik dan automatik
4.	<i>Gigabit City: Clip-on Solution</i>	Meningkatkan kualiti dan ketersediaan infrastruktur internet jalur lebar tetap dalam jangka masa yang singkat
5.	Projek Fiberisasi Kwarters dan Kediaman Rasmi Pegawai Kanan dan Kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Membekalkan kemudahan internet jalur lebar tetap dengan berkelajuan tinggi di 25 buah unit banglo yang menempatkan pegawai-pegawai atasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Jalan Masjid Negeri
6.	<i>Smart Bus Stop (RFP)</i>	Menggalakkan rakyat negeri Pulau Pinang menggunakan perkhidmatan bas kerana segala kemudahan telah disediakan.
7.	Projek Infrastruktur Telekomunikasi Integrasi Berkonsepan <i>Street Furniture</i>	Menyeragamkan penggunaan <i>street furniture</i> sebagai pemancar telekomunikasi.
8.	<i>Smart Street Pole</i>	Mengoptimalkan penggunaan tenaga dengan kecekapan yang tinggi melalui pencahayaan pintar.
9.	<i>Penang Island Map (Pimap)</i>	Menyediakan platform untuk jabatan mengoptimalkan data GIS supaya data-data ini dapat dikongsi kepada orang awam
10.	<i>Cyber Counter MBSP</i>	Memudahkan urusan dilaksanakan tanpa perlu hadir sendiri ke kaunter berpusat MBSP.
11.	<i>MyMBSP App</i>	Membolehkan orang awam membuat aduan dan memantau aduan mereka melalui aplikasi MyMBSP.
12.	<i>MBSP QR Bill</i>	Menjimatkan masa dan memudahkan urusan orang awam untuk membuat pembayaran secara lebih cepat dan efisien.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
13.	<i>MBSP Cyber Bill</i>	Memudahkan pembayar cukai melakukan transaksi dan bayaran cukai secara atas talian
14.	<i>MBSP Call Centre</i>	Meningkatkan kecekapan pengurusan aduan MBSP selari dengan visi dan misi MBSP ke arah Bandar pintar
15.	<i>Smart Monitoring System</i>	Meningkatkan perkhidmatan MBSP kepada penduduk Seberang Perai untuk menyalurkan maklumat atau aduan hanya di hujung jari.
16.	Inisiatif Tanpa Tunai di Jabatan/Agensi Kerajaan	Menyediakan satu <i>platform</i> pembayaran yang mudah, cepat dan selamat kepada orang awam.
17.	Inisiatif Tanpa Tunai di seluruh Pasar Awam	Memberi kemudahan kepada orang awam dalam melakukan transaksi pembelian.
18.	Grab Pasar di Pasar Awam	Memberi perkhidmatan kepada orang awam dengan pelbagai makanan tempatan yang lebih berpatutan.
19.	Pembayaran melalui <i>eWallet Boost</i>	Menggalakkan pengguna membuat bayaran secara atas talian.
20.	<i>MBSPPay</i>	Menggalakkan pengguna membuat bayaran secara atas talian.
21.	Sistem Perakaunan dan Kewangan Bersepadu	Membentuk satu sistem bagi menjana laporan perakaunan yang lebih sistematik dan efisien.
22.	<i>Smart MBPP</i>	Menggalakkan pengguna membuat bayaran secara atas talian.
23.	<i>Mesh Network with 6lowpan via Street Light</i>	Menyediakan pencahayaan pintar dengan lebih cekap menggunakan teknologi <i>Internet of Things (IoT)</i> melalui interaksi sistem telekomunikasi.
24.	<i>Waste Management</i>	Menyediakan <i>platform</i> kepada pihak MBSP bagi membuat analisa dan pemantauan terhadap penggunaan kenderaan sampah bagi mengoptimumkan sumber sedia ada.
25.	Aplikasi Mudah Alih LPNPP	Menyediakan kemudahan permohonan rumah sewa Kerajaan Negeri, Projek Perumahan Rakyat dan Rumah Mampu Milik melalui penggunaan teknologi digital yang lebih efisien.

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
26.	<i>Smart Traffic Analytics and Recognition System (STARS)</i>	Mengesan kerosakan lampu isyarat dengan cepat dan penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan pantas.
27.	Tempat Letak Kereta Pintar Pulau Pinang (PSP)	Memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan aplikasi pintar bagi pembayaran tempat letak kereta.
28.	Analitis Data Raya: Pengurusan Bencana Banjir	Menyalurkan maklumat banjir kepada anggota jabatan/agensi terlibat.
29.	Bukit Mertajam Digital	Memantau masalah-masalah yang dihadapi di Bandar Bukit Mertajam secara lebih efisien.
30.	Digital@Seberang Perai	Memberi pendedahan kepada komuniti berkenaan perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan secara dalam talian yang disediakan oleh MBSP dan agensi kerajaan.
31.	MBSP <i>Helpdesk &amp; livechat</i>	Sistem bantuan pelanggan secara interaktif bagi menyelesaikan isu berkaitan perkhidmatan MBSP
32.	Sistem <i>I-Collect</i>	Sistem pembayaran dan pengutipan sisa buangan secara dalam talian dengan penggunaan QRCode.
33.	<i>Robust and Green Data Center</i>	Mengurangkan penggunaan tenaga, penjimatan kos jangka panjang dan mendapatkan fasiliti ICT tanpa gangguan.
34.	<i>Pearl - One Touch Penang</i>	Gerbang tunggal pembayaran perkhidmatan-perkhidmatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang melalui kolaborasi <i>platform e-Wallet</i> .
35.	<i>Smart Island Digital Twin</i>	Portal GIS PiMAP2.0 dinaik taraf bagi mendapatkan <i>3D Modelling</i> yang memaparkan " <i>Mapping &amp; Visualization, Data Management, Mobility Workforce, Monitoring &amp; Assessment, Data Analytic, Decision Support and Sharing &amp; Collaboration</i> " ke arah objektif mewujudkan <i>Big Data</i> MBPP.
36.	Seberang Perai Geoportal (SPGIS)	Sistem web Geografi yang membekalkan maklumat GIS berkomputer yang akan memaparkan maklumat berpeta dimana setiap lapisan data ruang dapat dipaparkan dan pengguna boleh mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan cepat.
37.	Aplikasi Digital MYKADUN	MyKADUN yang berkonsepkan " <i>Digital Integrated Service Centre</i> " dan " <i>No Wrong</i>



BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
		<i>Door Policy</i> " membolehkan aplikasi ini berfungsi sebagai perantara kepada saluran aduan Pihak Berkuasa Tempatan (e-aduan) yang membolehkan rakyat mendaftarkan sebarang aduan dan membuat semakan status aduan tersebut.

### SENARAI INISIATIF-INISIATIF PINTAR YANG AKAN DILAKSANAKAN DI NEGERI PULAU PINANG

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
1.	Analitis Data Raya: Meningkatkan Kemudahan Infrastruktur Perniagaan Asas Desa	Meningkatkan tahap kemudahan infrastruktur perniagaan desa.
2.	Analitis Data Raya: Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Pulau Pinang Berpendapatan Rendah	Meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah dan menurunkan kadar kemiskinan.
3.	<i>Smart Building (POC)</i>	Menjadikan bangunan kerajaan sebagai sebuah bangunan pintar yang dilengkapi dengan ciri-ciri berteknologi tinggi.
4.	<i>Smart Solution for Disaster Management</i>	Menghubungkan dan menaik taraf semua sistem-sistem pengurusan bencana sedia ada di negeri Pulau Pinang.
5.	<i>Fibre Forward Penang</i>	Menambah baik jaringan fiber optik di negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan mutu perkhidmatan internet.
6.	INFLOS	Memantau paras air dan rumah pam di bawah pengendalian MBSP.
7.	<i>Remote Working Application (New Normal)</i>	Memudahkan pekerja di MBSP melakukan tugas di rumah tanpa perlu hadir ke pejabat.
8.	Pemantauan CCTV melalui sistem Video Analitik	Melaksanakan kerja-kerja pemantauan berdasarkan kes berkaitan dan penguatkuasaan dengan lebih berkesan.
9.	<i>Activity Monitoring and Tracking System</i>	Memaksimumkan kecekapan operasi dan pemantauan aktiviti, kenderaan dan pergerakan sumber manusia.
10.	<i>Penang Urban Observatory Platform (PUOP)</i>	Penyediaan portal khusus bagi pengurusan dan pembangunan inisiatif Pintar Pulau Pinang.

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>OBJEKTIF / KEJAYAAN</b>
11.	<i>Living Lab</i>	Membantu membangun serta melengkapkan bakat tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya di masa hadapan.
12.	<i>Centre of Excellence (CoEX)</i>	Membantu membangun serta melengkapkan bakat tempatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam norma baharu.
13.	<i>u-License</i>	Membolehkan orang awam memohon lesen dan membuat semakan perniagaan secara atas talian.
14.	Sistem eVETPg	Sistem ini boleh dimanfaatkan oleh orang awam dan khususnya kepada penternak dan pengusaha dengan mengadaptasi proses digitalisasi dalam perkhidmatan kepada rakyat.
15.	<i>Smart Meter</i>	Memantau tahap penggunaan tenaga elektrik secara harian.
16.	SPEEDBiz	Memudahkan orang awam untuk menguruskan lesen perniagaan secara atas talian.
17.	<i>Smart Solar System</i>	Menjana sumber tenaga yang bersih dan boleh diperbaharui.
18.	<i>Smart Traffic Light</i>	Mengesan kerosakan lampu isyarat dengan cepat dan penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan pantas.
19.	<i>Smart Home</i>	Mengetengahkan Konsep Perumahan <i>Smart Home</i> dan pelaksanaan secara mekanisme teknologi bagi menyokong pembangunan Negeri Pintar.
20.	Makmal Inovasi	Menyediakan makmal yang akan menjadi tempat ujian dan kolaborasi untuk syarikat permulaan (startup), komuniti pemaju dan penyedia untuk penyelesaian menggunakan <i>Internet of Things (IoT)</i> .
21.	Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang	Meningkatkan pengalaman pendidikan yang setanding dengan teknologi hari ini dan menggalakkan penggunaan <i>E-Book</i> .
22.	<i>Augmented Reality (AR) dan Virtual Reality (VR)</i>	Memberi pendedahan kepada golongan pelajar mengenai penggunaan teknologi.
23.	<i>MBSP Makerspace</i>	Mengembangkan dan mengasah bakat para pelajar sekolah dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

BIL.	NAMA PROJEK	OBJEKTIF / KEJAYAAN
24.	<i>Face Recognition System di Pejabat SUK</i>	Sistem <i>punch-card</i> digantikan dengan sistem <i>face recognition</i> bagi tujuan keselamatan dan rekod yang lebih tepat.
25.	Program GeoMaya yang melibatkan Projek Pembangunan Aplikasi <i>Geospatial Augmented Reality</i> (GeoAR) dan Pembangunan data 3D asas negeri Pulau Pinang (Geo3D) – BTMKN tahun 2023	Memberikan kemudahan visualisasi data geospatial yang realistik secara <i>augmented reality</i> dan 3 dimensi (3D) kepada pengguna jabatan dan agensi.

**Ali Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

34. Pemulihan ekonomi Pulau Pinang selepas 'post-pandemic'.
- (a) Industri apakah yang menjadi penyumbang besar terhadap KDNK negeri Pulau Pinang?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan teruskan usaha atau pakej rangsangan ekonomi yang diwujudkan sebelum ini? Jika ya, perincikan..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

34. (a) Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, ekonomi Pulau Pinang bertumbuh sebanyak 13.1% pada tahun 2022 berbanding 6.9% pada tahun sebelumnya dengan nilai KDNK RM112.1 bilion (tahun 2021: RM99.0 bilion). Pertumbuhan ini adalah melebihi pertumbuhan nasional iaitu 8.7%. Berikut adalah industri yang menjadi penyumbang besar kepada KDNK Pulau Pinang:
- (i) Sektor Pembuatan merupakan penyumbang terbesar terhadap KDNK Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 dengan 48.3% daripada jumlah keseluruhan, mengekalkan pertumbuhan dua (2) angka iaitu 15.9%. Pada tahun 2021, Sektor Pembuatan telah menyumbang sebanyak 47.3% dengan pertumbuhan sebanyak 12.4%. Ini disokong oleh pembuatan produk elektrik, elektronik dan optikal;
  - (ii) Sektor Perkhidmatan pula menyumbang sebanyak 46.7% pada tahun 2022 berbanding 47.5% pada tahun sebelumnya. Sektor ini juga mencatatkan pertumbuhan dua (2) angka (11.3%) berbanding 2.1% pada tahun 2021. Ini disokong dengan lonjakan dalam subsektor **perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman, penginapan serta utiliti, pengangkutan, maklumat dan komunikasi**;
  - (iii) Sektor Pembinaan, penyumbang ketiga tertinggi kepada ekonomi negeri ini terus kekal positif dengan pertumbuhan sebanyak 7.9%;
  - (iv) Sektor Pertanian turut berkembang bagi tahun 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 3.4% berbanding menguncup pada tahun sebelumnya (2021: -2.3%); dan
  - (v) Sektor Perlombongan dan Pengkuarian memulih kepada 7.9% berbanding penyusutan 6.6% pada tahun 2021.
- Secara keseluruhannya, ekonomi Pulau Pinang menyumbang sebanyak 7.4% kepada ekonomi Malaysia. Sumbangan ini meningkat 0.3% berbanding tahun sebelumnya iaitu 7.1% dan ia kekal di kedudukan kelima kepada ekonomi negara.
- (b) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk melaksanakan pemulihan ekonomi selepas pandemik dengan memberi penekanan kepada inisiatif-inisiatif yang selaras dengan Visi *Penang2030* iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah:
- (i) **Program Peningkatan Ekonomi Golongan Miskin/Pembangunan Industri Desa - Bantuan Peralatan, dengan pemberian sebanyak RM50,000.00 bagi setiap daerah.** Bantuan ini diberikan kepada peniaga kecil berkelayakan untuk mengembangkan pendapatan dan seterusnya meningkatkan sara hidup;
  - (ii) **Program Pembangunan Modal Insan Kepada Golongan Miskin, dengan pemberian sebanyak RM40,000.00 bagi setiap daerah.** Program ini menawarkan kursus kepada golongan miskin untuk mempelajari kemahiran yang mana dapat membantu menjana pendapatan.

(iii) Bantuan Benih Kerang;

Sektor Pertanian di Pulau Pinang mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM2.1 bilion pada tahun 2022 berbanding RM2.0 bilion pada tahun sebelumnya. Sejumlah RM6.3 juta telah diperuntukkan pada tahun 2022 yang bertujuan membangunkan serta menaik taraf teknologi pertanian di Pulau Pinang melibatkan pelbagai projek. Misalnya, Pakej Insentif Amalan Teknologi di bawah Program *Farmer to Farmer* dan Model Pembenihan Aruhan Kerang.

Manakala bagi tahun 2023, sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan melalui bajet Kerajaan Negeri untuk Bantuan Benih Kerang Fasa 2;

(iv) Program *Farmer to Farmer*

Penyaluran peruntukan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sebanyak RM500,000.00 bagi pelaksanaan program ini.

Berdasarkan peruntukan tersebut, sebanyak RM250,000.00 telah diperuntukkan bagi *Farmer to Farmer* - Industri Asas Tani. Peruntukan ini melibatkan penerima bantuan sebanyak 36 buah projek yang dilaksanakan secara berkumpulan membabitkan sebanyak 11 buah kumpulan dan seramai 34 orang individu.

Bagi Program *Farmer to Farmer* Industri - Tanaman pula, sebanyak RM250,000.00 telah diperuntukkan dengan penglibatan seramai 53 orang peserta penerima bantuan melalui lapan (8) buah projek yang dilaksanakan secara berkumpulan dan individu.

(v) Pembangunan Modal Insan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang berasaskan industri elektronik dan pembuatan. Maka, Pulau Pinang memerlukan lebih ramai bakat teknikal yang terlatih untuk menyokong industri sedia ada dan menarik pelaburan langsung asing (FDI) baharu. Selain itu, banyak syarikat multinasional (MNC) di Pulau Pinang mempunyai matlamat kepelbagaian dan inklusi (DEI) dalam tenaga kerja mereka. Bagi memenuhi permintaan ini, Kerajaan Negeri melalui Pusat STEM seperti *Penang Science Cluster* telah melancarkan Program *Girls in Engineering & Technology* (GET) untuk menggalakkan pelajar perempuan sekolah menengah atas untuk menceburi pengajian dan kerjaya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan. Setiap tahun, seramai 150 hingga 200 orang pelajar perempuan dari Pulau Pinang mengambil bahagian dalam program selama sembilan (9) bulan yang disokong oleh 15 buah syarikat yang menaja program dan menyediakan profesional wanita sebagai mentor. Program GET ini akan diperluas ke seluruh negara. Program-program pra-GET telah dilancarkan untuk menyokong GET, misalnya seperti *Girls in STEM* untuk pelajar sekolah menengah rendah dan *Girls in STEM Jr.* untuk pelajar sekolah rendah. Seramai 500 orang pelajar sekolah menengah rendah dan 500 orang pelajar sekolah rendah mengambil bahagian dalam program-program ini setiap tahun di Pulau Pinang.

Selain itu, peranan Tech Dome Penang yang telah melaksanakan program-program seperti Ahli Teknologi Muda AI, Robomania, *Penang Digital Literacy Camp*, *Innospark Penang*, *Women in Science* membantu menyemarakkan pengetahuan STEM. Sejak penubuhan Tech Dome Penang pada tahun 2016, Tech Dome Penang telah menjalankan sebanyak 2,050 buah bengkel STEM yang melibatkan lebih daripada 400,000 orang pelajar dari 200 buah sekolah di Pulau Pinang dan 200 buah sekolah dari seluruh Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 2022, Tech Dome Penang telah menyelaras penyertaan peserta dari Pulau Pinang ke pertandingan Techlympics yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kontinjen Pulau Pinang telah memenangi Anugerah Kontinjen Terbaik di Malaysia. Selain itu, dua (2) pasukan yang bertanding dalam Pertandingan *Codeavour 2022*, masing-masing telah berjaya memenangi anugerah iaitu *Best AI (Artificial Intelligence) & ML (Machine Learning) Project Award* dan hadiah saguhati. Sebanyak 100,000 buah pasukan dari 65 negara telah menyertai pertandingan berprestij ini.

*Penang Skills Development Centre (PSDC)* juga telah menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan panjang serta seminar dalam bidang teknikal, *soft skills* dan teknologi maklumat (IT) bagi mewujudkan pasaran tenaga kerja yang berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Pada waktu yang sama, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Penubuhan Perpustakaan Digital dengan kemudahan jalur lebar 5G di 88 buah sekolah di Negeri Pulau Pinang. Projek ini adalah satu usahasama pelbagai pihak terutamanya Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak industri. Objektif utama projek ini adalah untuk mewujudkan Perpustakaan Digital Sekolah di mana akses jalur lebar tanpa wayar yang baik dibekalkan kepada sekolah berserta peranti yang berkaitan bagi mewujudkan akses kepada sumber STEM dan bahan-bahan lain yang tersedia di Perpustakaan Digital Pulau Pinang dan portal-portal pendidikan yang lain.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Azmi bin Alang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

35. Perjanjian Kerajaan Negeri dengan pemaju Rayston Consortium Sdn. Bhd. bagi pelaksanaan projek di pesisir pantai Bagan Ajam.
- (a) Apakah status terkini berhubung perjanjian tersebut?
  - (b) Apakah manfaat yang diterima oleh Kerajaan Negeri dan penduduk setempat terutama para nelayan yang berisiko terjejas pendapatan mereka?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- (a) Perjanjian Tambahan (Perjanjian Ketiga) antara Kerajaan Negeri dan Rayston Consortium Sdn. Bhd. (RCSB) telah ditandatangani pada 25 Mei 2022 di mana perjanjian ini menggariskan keluasan kawasan baharu untuk pembangunan RCSB dan tebus guna kawasan pelabuhan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Perjanjian tambahan kali ini juga menggariskan jangka masa penyediaan pindaan Pelan Induk berserta kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dalam masa 18 bulan dari tarikh perjanjian iaitu berkuat kuasa pada 1 Jun 2022. Ia merupakan susulan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 10/2022 yang bersidang pada 30 Mac 2022 dan disahkan pada 6 April 2022 yang telah meluluskan kawasan konsesi RCSB seperti **Jadual 1** berikut:

**JADUAL 1**

BIL.	PERKARA	KELUASAN (HEKTAR)
1.	Gantian tanah Kerajaan Negeri	10
2.	Serahan <i>Public Facility</i>	272

3.	Serahan tanah kepada Kerajaan Negeri	90
4.	Tanah untuk pembangunan RCSB	210
<b>JUMLAH</b>		<b>582</b>

Selain itu, RCSB juga tidak lagi diberi tanggungjawab sebagai pemegang konsesi bagi tebus guna kawasan untuk pelabuhan dan aktiviti pelabuhan yang berjumlah 243 hektar (26 hektar yang telah ditebus guna kini adalah North Butterworth Container Terminal, NBCT). Kawasan seluas 243 hektar bagi konsesi projek tambak laut yang dikhaskan untuk pelabuhan dan aktiviti berkaitan pelabuhan telah diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri sedang menjalankan perbincangan lanjut dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) bagi pelaksanaan perancangan tebus guna di kawasan tersebut. Lanjutan itu, pihak RCSB perlu menyiapkan projek tebus guna tanah ini dalam tempoh enam (6) tahun selepas mendapat kelulusan-kelulusan tersebut dan Kerajaan Negeri akan memperoleh pulangan tanah seluas 90 hektar.

Sehingga kini, sebarang pelan pembangunan sama ada pindaan Pelan Induk atau Pelan Kebenaran Merancang untuk tebus guna tanah bagi keluasan baharu untuk projek tambak laut di Bagan Ajam masih belum dikemukakan ke PLANMalaysia@Pulau Pinang. Pelan induk baharu yang berdasarkan konsep pulau sedang diperkemas kini dan kajian-kajian yang diperlukan kini adalah seperti *Social Impact Assessment* (SIA) dan *Environmental Impact Assessment* (EIA) yang sedang dijalankan semula bagi mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC). Penyediaan SIA dan EIA yang baharu oleh RCSB ini juga perlu mengenal pasti tindakan mitigasi dan langkah-langkah dalam menangani isu sosial sama ada di peringkat perancangan, pembinaan dan operasi bagi projek tersebut.

- (b) Sebarang Pelan Pembangunan sama ada Pindaan Pelan Induk atau Pelan Kebenaran Merancang untuk pembangunan tanah ini akan dinilai secara menyeluruh berdasarkan kepada dasar dan peraturan yang berkuat kuasa melibatkan semua pihak berkepentingan dan agensi/ jabatan teknikal yang berkaitan. Ini adalah bagi memastikan sebarang cadangan pemajuan tidak menyebabkan berlakunya masalah persekitaran yang tidak diingini termasuk kesan sosial dan ekonomi serta mematuhi piawai dan garis panduan perancangan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

36. Apakah dasar-dasar dan langkah yang akan dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi membantu warga emas dan golongan miskin menghadapi cabaran e-kerajaan dan e-ekonomi? Contohnya penggunaan telefon pintar untuk membuat bayaran, jika orang tua yang tidak tahu guna alatan elektronik seperti ini dan tidak berkemampuan, pasti akan ketinggalan..

**Y.A.B. Ketua Metneri:**

36. Kerajaan Negeri maklum akan kekangan yang dihadapi oleh sebahagian golongan terutamanya warga emas dan golongan miskin dalam era digital ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi mengatasi cabaran ini adalah pelancaran program DahDigital oleh Digital Penang yang bertujuan meningkatkan literasi digital dan penggunaan teknologi asas dalam kalangan masyarakat khususnya warga emas dan golongan miskin.

Antara fokus utama program DahDigital adalah untuk menggalakkan penggunaan e-dompet dan memperkenalkan aplikasi kerajaan seperti *Penang Smart Parking* (PSP), *Pulse*, *Aspire*,

MySejahtera, iSejahtera, eRumah dan lain-lain. Kelas-kelas pendedahan yang dijalankan melalui program Klinik Digital di bawah program DahDigital ini menawarkan modul pembelajaran yang mudah difahami dan interaktif. Sehingga kini, sebanyak 385 kelas telah dijalankan yang disertai oleh seramai 7,537 orang peserta, memberikan peluang pembelajaran digital yang meluas.

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga telah melaksanakan program-program untuk membantu orang awam termasuk golongan orang kurang upaya (OKU) dan warga emas yang tidak mempunyai kemahiran digital untuk menggunakan aplikasi PSP. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Menyediakan tiket letak kereta secara e-kupon sebagai inisiatif pembayaran yang boleh dibeli daripada ejen-ejen yang dilantik untuk memudahkan pengguna yang tidak mempunyai telefon pintar. Setakat ini, sebanyak 480 orang ejen e-kupon telah dilantik di seluruh Pulau Pinang melibatkan seramai 271 orang ejen di kawasan Pulau dan 209 ejen di kawasan Seberang Perai;
- (b) Mendekati warga emas dengan menjalankan program dan aktiviti sosial di tempat yang kerap dikunjungi golongan ini seperti pasar awam, pasar malam, pusat membeli belah dan program anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan;
- (c) Menyediakan kaunter pertanyaan berkenaan PSP pada setiap hari Khamis di kedua-dua PBT bagi membantu warga emas dan pengguna lain yang mempunyai masalah dalam penggunaan PSP;
- (d) Menganjurkan *Penang Smart Parking Senior Citizen Outreach Programme* di mana taklimat dan latihan cara penggunaan aplikasi PSP telah diberikan kepada golongan ini; dan
- (e) Melaksanakan kaji selidik bagi mengetahui permasalahan dan kekangan yang dihadapi oleh golongan ini dalam penggunaan PSP dan menamba hbaik fungsi PSP dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan dan memberikan kemudahan kepada semua pihak.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

37. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat Pulau Pinang dapat memiliki kediaman sendiri?
  - (a) Nyatakan statistik senarai menunggu permohonan RMM mengikut kategori..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

37. Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap isu pemilikan rumah untuk rakyat Pulau Pinang terutamanya golongan berpendapatan rendah, iaitu golongan B40 dan M40. Langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat Pulau Pinang memiliki kediaman sendiri adalah seperti berikut:-
  - (i) Masih mengekalkan harga maksima rumah kos rendah (RMM A) pada harga RM42,000.00, rumah kos sederhana rendah (RMM B) pada harga RM72,500.00 dan rumah kos sederhana (RMM C) dengan harga maksima RM300,000.00 di kawasan Pulau dan RM250,000.00 di kawasan Seberang Perai;
  - (ii) Kerajaan Negeri juga menetapkan sasaran penyediaan 220,000 unit rumah mampu milik (RMM) menjelang 2030 di bawah Visi Penang2030 yang akan menjamin setiap rakyat berpeluang memiliki kediaman mampu milik mereka sendiri;
  - (iii) Sasaran penyediaan sebanyak 10 peratus bersamaan 22,000 unit RMM untuk ditawarkan secara sewa beli (*rent to own* - RTO) menjelaskan penekanan Kerajaan



Negeri membantu rakyat yang sukar mendapatkan pembiayaan memiliki rumah. RTO merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang tidak memerlukan bantuan pembiayaan kewangan daripada bank. Pemohon yang layak hanya perlu membayar satu (1) bulan bayaran semasa termasuk satu (1) bulan bayaran penyelenggaraan, dua (2) bulan deposit sewa serta cagaran utiliti sebanyak RM880.00 bagi RMM A dan RM1,440.00 bagi RMM B. Pemohon yang berjaya ditawarkan skim RTO hanya perlu membayar secara bulanan di antara RM140.00 hingga RM360.00 untuk tempoh 15 tahun hingga 20 tahun. Sehingga tarikh berakhir 23 Oktober 2023, sebanyak 4,191 unit skim RTO telah dikenalpasti di skim perumahan RMM A, B dan C. Kerajaan Negeri melalui LPNPP akan mengenalpasti lebih banyak skim perumahan yang boleh dijadikan skim RTO agar Sasaran A1T2: Pembekalan 22,000 unit Sewa Beli di bawah Penang2030 dapat dicapai; dan

- (iv) Kerajaan Negeri juga secara berterusan mengenalpasti tanah milik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di seluruh Pulau Pinang bagi tujuan pelaksanaan pembangunan RMM untuk dibangunkan dengan komponen RMM A, B dan C.
- (v) Berdasarkan rekod pada pangkalan data di dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP), jumlah keseluruhan senarai menunggu permohonan RMM adalah **43,154** permohonan yang merangkumi 12,040 permohonan untuk RMM A, 15,084 permohonan untuk RMM B dan 16,030 permohonan untuk RMM C. Perincian statistik tersebut adalah seperti di bawah:

Daerah	RMM A	RMM B	RMM C
Seberang Perai Utara	2,643	1,206	2,169
Seberang Perai Tengah	2,409	909	1,067
Seberang Perai Selatan	1,154	1,192	830
Timur Laut	2,449	10,100	9,321
Daerah	RMM A	RMM B	RMM C
Barat Daya	3,385	1,677	2,643
<b>Jumlah</b>	<b>12,040</b>	<b>15,084</b>	<b>16,030</b>
		<b>43,154</b>	

**Jadual 1: Statistik Senarai Menunggu Mengikut Daerah mulai Januari 2008 hingga Oktober 2023**

Daripada jumlah 43,154 permohonan senarai menunggu tersebut, hanya 7,811 pemohon yang telah mengambil tindakan mengemaskini permohonan dan bertaraf aktif (pengemaskinian kurang daripada 3 tahun), manakala pemohon yang tidak mengemaskini maklumat dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) bagi tiga (3) tahun terakhir, nama pemohon kekal *dormant* dan bertaraf tidak aktif.

Bagi memastikan maklumat permohonan RMM kekal aktif, LPNPP telah melaksanakan kempen pengemaskinian pendaftaran RMM telah dibuat melalui hebahan radio dan media sosial mulai 1 Ogos 2022 hingga 31 Disember 2022.

**Ahli Pawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md. Hashim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 38. Adakah laluan keluar masuk kondominium Green View Seberang Jaya ke Taman Wakaf Setee Aishah telah digazetkan?
  - (a) Apakah laluan keluar masuk ini telah mendapat persetujuan penduduk?
  - (b) Adakah Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah membenarkan tanah wakaf dijadikan laluan keluar masuk untuk projek tersebut?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

38. Berdasarkan rekod Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), laluan keluar masuk kondominium Green View Seberang Jaya ke Taman Wakaf Seetee Aisah adalah tanah wakaf dan tidak digazetkan atau diserahkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2013 yang tidak meluluskan cadangan penyerahan kawasan awam kepada mana-mana pihak kerana tanah wakaf tidak boleh dipindah milik.
- (a) Pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengambil maklum bahawa terdapat beberapa bantahan daripada penduduk Taman Wakaf Seetee Aisah berkaitan cadangan laluan keluar masuk oleh pemaju iaitu pada tarikh 26 September 2013 dan 21 November 2014. Oleh itu, pihak MAINPP telah beberapa kali mengeluarkan bantahan kepada pemaju dengan menyatakan bahawa pihak MAINPP tidak membenarkan pemaju menggunakan jalan Taman Wakaf Seetee Aisah sebagai laluan keluar masuk ke projek pemaju *Green View*. Pada waktu yang sama, pihak MAINPP pada 20 Januari 2014 telah mengeluarkan surat kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai persetujuan keizinan jalan tersebut digunakan oleh orang awam bagi tujuan pendaftaran jalan tersebut dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS) bagi mendapatkan peruntukan penyelenggaraan tahunan dari Kerajaan Persekutuan kepada pihak JKR. Di samping itu, skim perumahan Taman Wakaf Seetee Aisah juga merupakan skim perumahan kediaman tidak bersrata dan bukanlah skim perumahan strata dan *gated community*.
- (b) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) tidak pernah mengeluarkan apa-apa ulasan yang membenarkan jalan Taman Wakaf Seetee Aisah digunakan sebagai laluan keluar masuk untuk projek pemaju *Green View*. Sebaliknya, pihak MAINPP hanya memberi kebenaran kepada pemaju untuk menggunakan Lot 200 milik MAINPP sebagai laluan sementara sahaja ke projek pemaju.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

39. Nyatakan senarai tanah-tanah 'Penang Development Corporation' (PDC) yang diberikan kepada pihak swasta untuk dibangunkan semula sebagai tanah perindustrian untuk menarik pelaburan.
- (a) Adakah PDC tetap akan memainkan peranan utamanya membuka dan membangunkan tanah perindustrian sama ada dengan sendirinya atau secara usaha sama (*joint venture*)?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

39. Sehingga kini, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tidak pernah memberikan tanah kepada pihak swasta untuk dibangunkan sebagai taman perindustrian. Perkara ini berlaku disebabkan oleh bank tanah perindustrian PDC terletak di lokasi yang strategik dan dapat dipasarkan kepada pelabur-pelabur kategori *promoted industries*. Namun begitu, PDC kini menghadapi kekangan untuk membangunkan kawasan perindustrian baharu yang dikenali sebagai *Batu Kawan Industrial Park 2* (BKIP2) kerana faktor lokasi dan persekitaran yang tidak konduksif. Oleh itu, PDC berhasrat untuk berkolaborasi dengan syarikat swasta untuk membangunkan sebahagian daripada daripada BKIP2 supaya mengurangkan risiko dan kos di pihak PDC.

PDC telah berjaya membangunkan sembilan (9) taman perindustrian di Pulau Pinang bagi memastikan ekosistem sektor perindustrian yang mampan mampu dicapai. Bagi merealisasikan matlamat ini, PDC akan terus memainkan peranannya sebagai peneraju pembangunan utama kawasan perindustrian di Pulau Pinang walaupun kini terdapat beberapa pemaju swasta yang turut terlibat dalam bidang ini. Berbekalkan pengalaman dan

kemahiran selama lebih 50 tahun, PDC yakin bahawa kawasan perindustrian yang dibangunkan akan terus menjadi tumpuan pelabur asing dan tempatan.

- (a) PDC akan membangunkan sendiri tanpa penglibatan pihak swasta bagi kawasan-kawasan yang strategik. Cadangan kolaborasi dengan pihak swasta hanya bagi kawasan yang kurang strategik, berisiko tinggi dan kos yang tidak kompetitif.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng SoonSiang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 40. Menjelang tahun 2040, Pulau Pinang akan mempunyai kadar warga emas terbesar di Malaysia di mana sekitar 26.2 peratus daripada penduduk akan berusia 60 tahun atau lebih. Berikan maklumat tentang persediaan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan senaraikan dasar-dasar serta rancangan yang berkaitan secara terperinci..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 40. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang berusaha dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Usia yang terangkum dari segi perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

MBPP telah diterima menjadi ahli *Global Network of Age-Friendly Cities and Communities* oleh *World Health Organisation (WHO)* pada 28 Julai 2023. Inisiatif ini adalah kerjasama di antara MBPP, Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Antara usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mewujudkan bandar mesra warga emas adalah seperti berikut:

- (a) Dua (2) sesi libat urus yang melibatkan 70 orang pegawai kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) telah diadakan pada bulan Januari 2023 untuk mengenal pasti pencapaian Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Usia;
- (b) Satu kaji selidik melibatkan 1,501 orang responden di Daerah Barat Daya dan Timur Laut telah dilaksanakan dari bulan Februari hingga Jun 2023;
- (c) Pelaksana inisiatif Bandar Mesra Usia *Penang Island* telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dalam *Program Age-friendly Environments ECHO yang merupakan satu program mentor-mentee* oleh WHO dan *International Federation on Ageing (IFA)* pada bulan November 2023; dan
- (d) Mesyuarat Libat Urus Pelan Tindakan Strategik akan diadakan pada Disember 2023 untuk membincangkan dan mendraf pelan tindakan untuk Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia: *Penang Island*.

Pada tahun 2024, Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia: *Penang Island* akan dimuktamadkan. Pelan ini berteraskan lapan (8) domain yang telah ditetapkan oleh WHO dalam merangka program-program yang melibatkan *Age Friendly City* demi mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penuaan aktif dan sihat. Pelaksanaan pelan tindakan ini adalah bersama pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Tempoh pelan tindakan ini adalah sepanjang tahun 2024 hingga 2025 yang memberi fokus kepada 4 domain seperti berikut:

- (a) Memberi pelbagai pilihan perumahan bersesuaian untuk warga emas (Sistem Perumahan);
- (b) Menjadikan warga emas sebagai golongan penting dan bernilai kepada komuniti (Saling Menghormati dan Keterangkuman Sosial);
- (c) Menyediakan akses dan perkhidmatan yang pelbagai kepada golongan warga emas (Berkomunikasi dan Informasi); dan
- (d) Memudahkan akses kesihatan dan sokongan kepada warga emas (Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan).

Selain ini, satu pelan hala tuju penuaan aktif telah diwujudkan untuk menyediakan akses dan peluang kepada setiap golongan terutamanya warga emas untuk terus menjalani kehidupan yang aktif sepanjang proses penuaan. Pelan hala tuju ini terbahagi kepada tiga(3) fasa iaitu:

- (a) Fasa Kesedaran;
- (b) Fasa Integrasi; dan
- (c) Fasa Kemampanan.

Dalam menjayakan pelan hala tuju ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama PWDC, Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan badan bukan kerajaan (NGO) menjalankan program-program advokasi dan aktiviti dalam meningkatkan penglibatan warga emas dalam gaya hidup seharian.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut memainkan peranan penting dalam menjaga kesejahteraan warga emas. JKM melalui perkhidmatan di Bahagian Warga Emas membantu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam mewujudkan pusat aktiviti yang boleh menghimpunkan warga emas bersama dengan golongan yang lebih muda dari pelbagai bangsa dan latar belakang serta menjalankan aktiviti yang bersesuaian di situ.

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (*reaching out*) dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Selain ini, di peringkat Persekutuan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara diwujudkan sebagai suatu mekanisme pelaksanaan dasar berkaitan warga emas dan penuaan penduduk. Bahagian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan sekretariat kepada majlis ini yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Peranan majlis ini adalah seperti berikut:

- (a) Menyelia pelaksanaan dasar dan pelan tindakan warga emas negara;
- (b) Membangunkan program dan strategi untuk mendidik masyarakat bagi meningkatkan kesedaran berhubung dengan warga emas;
- (c) Membuat syor kepada kerajaan mengenai penjagaan, perlindungan, pembangunan dan kesejahteraan warga emas;
- (d) Mengesyorkan kepada kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin kesejahteraan warga emas; dan
- (e) Menasihati kerajaan mengenai isu-isu warga emas termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa, mengumpul data dan maklumat serta menggalakkan penyelidikan berkaitan warga emas.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Mohamad Shukor bin Zakariah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 41. Apakah status pembinaan asrama warga asing di Teluk Kumbar?
  - (a) Berapakah jumlah pekerja warga asing yang akan ditempatkan di situ?
  - (b) Adakah kerajaan bercadang untuk mengubah lokasi pembinaan ke tempat lain?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 41. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang telah meluluskan dua (2) permohonan bagi pembinaan asrama pekerja di kawasan Teluk Kumbar seperti berikut:

- (i) Permohonan mendirikan 1 blok bangunan asrama pekerja 27 tingkat yang terdiri daripada ruang kedai enam (6) unit) di aras 1, kemudahan rekreasi di aras satu (1) & dua (2) dan 26 tingkat asrama pekerja melibatkan 512 unit di atas lot 1859,1860 & 1865, Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Teluk Kumbar oleh Tetuan Chong Company Sdn. Bhd.; dan
- (ii) Pemohon Perlingkungan Semula Dari Zon 'Perumahan Am', Zon 'Rezab Pantai' dan Zon 'Jalan Sedia Ada' kepada Zon 'Perniagaan Am' & Penambahan Ketinggian Bangunan Daripada Maksima 5 Tingkat Kepada 30 Tingkat Untuk Pembangunan Di Atas Lot 1435 & 1437, Mukim 9, Teluk Kumbar oleh Tetuan Zantalite Enterprise (M) Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, sehingga kini Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) hanya menerima Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) daripada Tetuan Chong Company Sdn. Bhd. sahaja pada 27 Jun 2023 dan permohonan tersebut masih dalam proses pertimbangan.

- (a) Berdasarkan kelulusan yang telah diperakukan di Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang, anggaran sebanyak 32,680 orang pekerja warga asing akan ditempatkan di kawasan Teluk Kumbar.
- (b) Sehingga kini, lokasi lot 1859,1860 & 1865, Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Teluk Kumbar yang dikemukakan oleh Tetuan Chong Company Sdn. Bhd. bagi projek bangunan asrama pekerja adalah masih sama selaras dengan keputusan perakuan Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang pada 25 Jun 2022. Sebarang cadangan pemindahan lokasi perlu dirujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan semula.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkefli bin Bakar) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 42. Apakah asas dan garis panduan mengenai larangan mengajar/ berdakwah di atas 16 pendakwah di Pulau Pinang termasuk Ustaz Kazim Elias berikutan arahan daripada pihak berkenaan serta mengambil keputusan bagi tidak lagi mengajar di Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 42. Asas larangan mengajar/berdakwah ke atas 16 pendakwah di Pulau Pinang pada tahun 2022 adalah kerana tidak mempunyai tauliah mengajar Negeri Pulau Pinang. Ini berdasarkan surat yang telah dikeluarkan oleh MAINPP, nombor rujukan MAINPP/PSU/(S)/100-6/4/5 Jld.9 (80) bertarikh 4 November 2022 bersamaan 9 Rabiul Akhir 1444H berkaitan Pekeliling Jemputan Ceramah/Seminar/Syarahan/Khutbah dan Penganjuran Program Masjid/Surau/Institut Seluruh Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, setelah memperolehi tauliah atau bagi mereka yang telah sedia memegang tauliah juga masih perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Kaedah 13-Kaedah-kaedah Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama (Negeri Pulau Pinang) 1998 seperti berikut:

- (i) Tidak menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah;
- (ii) Tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubung dengan kebesaran, kemuliaan, kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja sebagai ketua agama negeri;
- (iii) Tidak menyinggung perasaan mana-mana kaum agama, adat resam dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa ketegangan kaum dan agama;
- (iv) Tidak menghina perkara-perkara khilafiah yang terdapat dalam empat (4) mazhab;

- (v) Tidak menyentuh isu-isu politik kepartian;
- (vi) Tidak menyentuh peribadi orang perseorangan; dan
- (vii) Hendaklah mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk keselamatan dalam negeri.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

43. Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil langkah untuk mengkaji semula semua sistem perparitan misalnya yang melebihi 30 tahun supaya boleh dinaik taraf untuk menampung kapasiti hujan masa kini?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

43. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya memberi perhatian kepada sistem perparitan terutamanya yang melebihi 30 tahun supaya boleh dinaik taraf untuk menampung kapasiti hujan masa kini. Antara langkah awal yang telah diambil adalah seperti penyediaan senarai kawasan keutamaan *hotspot* banjir.

Seterusnya, juruukur bertauliah akan dilantik bagi menjalankan kerja-kerja pengukuran aras serta penyediaan pelan utiliti berdasarkan keutamaan kawasan *hotspot* banjir. Pelan reka bentuk terperinci kemudiannya akan disediakan sama ada secara dalaman di PBT bagi kajian berskala kecil atau lantikan perunding bagi kajian berskala besar untuk menaik taraf sistem perparitan yang berkenaan.

Peruntukan bagi pelaksanaan hasil kajian akan dimohon melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Tebatan Banjir dan juga kepada Kerajaan Persekutuan mengikut keutamaan kawasan *hotspot* banjir tersebut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang diperolehi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

44. Bagi membuktikan keterbukaan pentadbiran Kerajaan Negeri menerusi Majlis-majlis Bandaraya dalam negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai, adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk memberikan kuota pelantikan Ahli Majlis kepada Wakil / Parti Pembangkang untuk menduduki jawatan tersebut dalam MBSP / MBPP?.

**Y.A.A.B. Ketua Menteri:**

39. Pelantikan Anggota Majlis adalah merupakan kuasa prerogatif Pihak Berkuasa Negeri (PBN) seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 10(1) Akta Kerajaan Tempatan [Akta 171];

Ahli Majlis yang berkhidmat dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berperanan dalam membentuk dasar dan perundangan PBT sebagai Penggubal Dasar Majlis, Pendokong Dasar Majlis dan Penyemak Pelaksanaan Dasar mengikut profession dan kepakaran masing-masing.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberikan kuota pelantikan Ahli Majlis kepada wakil/parti pembangkang dan memutuskan supaya kuota Ahli Majlis hanya diberikan kepada komponen Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional yang membentuk kerajaan di Negeri Pulau Pinang selepas Pilihan Raya Negeri ke-15.

Kuota Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang tahun 2023/2024 mengikut parti komponen adalah *Democratic Action Party* (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Amanah Negara (Amanah). Kuota Ahli Majlis untuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) juga diberikan kepada

kedua-dua PBT yang memainkan peranan penting sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap urusan di PBT sama ada di peringkat pengurusan, perancangan dan pelaksanaan.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

45. Nyatakan status pelaksanaan projek pelebaran jalan raya dari Auto-City sehingga persimpangan lampu isyarat kawasan perindustrian ringan Juru yang menerima banyak aduan awam kelambatan projek tersebut.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

45. Kelewatan kerja projek pelebaran Jalan Perusahaan dari Autocity sehingga persimpangan lampu isyarat Taman Perindustrian Ringan Juru adalah disebabkan oleh kerja-kerja pengalihan utiliti sedia ada Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang masih dalam peringkat pelaksanaan di tapak dan belum siap sepenuhnya.

Projek di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai agensi pelaksana ialah di Fasa 2 iaitu dari Autocity sehingga ke persimpangan Taman Seri Delima. Manakala, untuk Fasa 3 iaitu dari persimpangan Taman Seri Delima sehingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Juru akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) kelak.

Status terkini untuk Fasa 2 ialah kerja-kerja pengalihan utiliti TNB, kerja-kerja penanaman paip penyalur (*ducting pipe*) dan kerja-kerja pengorekan tanah telah disiapkan. Kontraktor utama kini dalam proses membekalkan kabel untuk pelaksanaan baki kerja-kerja pengalihan tersebut yang akan dilaksanakan oleh Sub-Kontraktor Dinamakan (NSC). Jangkaan keseluruhan kerja-kerja pengalihan utiliti TNB disiapkan di tapak adalah pada Februari 2024.

Kerja-kerja pembinaan pelebaran jambatan kecil bersebelahan premis Isuzu (Automotive Corporation Malaysia) Auto City hanya dapat dijalankan selepas kerja-kerja pengalihan utiliti TNB selesai dijalankan. Keseluruhan kerja-kerja pembinaan ini dijangka siap pada Februari 2025.

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Nor Zamri bin Latiff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

46. Apakah kriteria pemberian tauliah sementara kepada penceramah jemputan di masjid-masjid atau surau-sarau di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan nama penceramah kontroversi yang dihalang untuk menyampaikan kuliah di masjid-masjid seluruh Pulau Pinang.
  - (b) Senaraikan penceramah yang memohon tauliah sejak tahun 2018 hingga 2022 tetapi belum diluluskan sehingga sekarang.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

46. Sebagai makluman kepada Yang Berhormat, tiada tauliah sementara dikeluarkan kepada penceramah jemputan, kecuali kebenaran terhad untuk penganjur ceramah/kuliah di masjid-masjid atau surau-sarau di Pulau Pinang berdasarkan Kaedah 21 - Kaedah-Kaedah Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama (Negeri Pulau Pinang) 1998 yang menyatakan bahawa kebenaran untuk menganjur di bawah kaedah-kaedah ini boleh diberi dalam bentuk berikut:

Kebeneran terhad iaitu kebenaran diberi untuk Orang Yang Mengajar mengajar untuk tarikh, masa dan tempat sebagaimana yang tersebut dalam permohonan sahaja.

- (a) Secara dasarnya mana-mana orang yang hendak menganjurkan ceramah/kuliah di masjid/sarau atau mana-mana tempat di Pulau Pinang hendaklah memenuhi kriteria atau syarat-syarat mengajar di bawah Kaedah 13 dalam Kaedah-Kaedah Pentadbiran

Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 1998 iaitu:

- (i) Tidak menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan pegangan ahli sunnah wal jamaah;
- (ii) Tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubung dengan kebesaran, kemuliaan, kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja sebagai ketua agama negeri;
- (iii) Tidak menyinggung perasaan mana-mana kaum agama, adat resam dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa ketegangan kaum dan agama;
- (iv) Tidak menghina perkara-perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab;
- (v) Tidak menyentuh isu-isu politik kepartian;
- (vi) Tidak menyentuh peribadi orang perseorangan; dan
- (vii) Hendaklah mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk keselamatan dalam negeri.

Sehubungan itu, bahan atau isi kandungan yang disampaikan semasa ceramah sepatutnya tidak melanggar mana-mana syarat yang dinyatakan dalam perkara (i) hingga (vii) untuk mengelak timbulnya kontroversi atau menjadi isu dalam masyarakat.

- (b) Senarai jumlah penceramah yang berjaya mendapatkan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Pulau Pinang mulai tahun 2018 sehingga 2022 adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	Tahun				
		2018	2019	2020	2021	2022
1	Mengajar Agama dan Ceramah Umum	7	17	1	1	2
2	Mengajar Fardu Ain	5	9	6	29	28
3	Mengajar Al-Quran dan Tajwid	47	85	29	19	18
4	Semua Kategori	12	57	5	34	15
Jumlah		71	168	41	83	63
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>426 orang</b>				

Jumlah permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Pulau Pinang mulai tahun 2018 hingga 2022 adalah seramai 753 orang. Perincian status permohonan tauliah adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 2018, seramai 67 orang lulus temuduga, 42 orang tidak lulus temuduga dan 59 orang tidak hadir temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2018 adalah seramai 168 orang;
- (ii) Tahun 2019, seramai 132 orang lulus temuduga, 70 orang tidak lulus dalam temuduga dan 143 orang tidak menghadiri temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2019 adalah seramai 345 orang;
- (iii) Tahun 2020, seramai 41 orang lulus temuduga, 38 orang tidak lulus dalam temuduga dan 36 orang tidak menghadiri temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2020 adalah seramai 115 orang;



- (iv) Tahun 2021, seramai 22 orang lulus temuduga, 18 orang tidak lulus dalam temuduga dan 38 orang tidak menghadiri temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2021 adalah seramai 78 orang; dan
- (v) Tahun 2022, kehadiran calon adalah penuh. Seramai 22 orang lulus temuduga dan 25 orang tidak lulus dalam temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2022 adalah seramai 47 orang.

Semua permohonan tauliah dari tahun 2018 sehingga 2022 telah diproses dan telah dimaklumkan kepada pemohon. Sebagai makluman tambahan kepada Yang Berhormat, permohonan yang diterima mulai Januari hingga Mac 2023, sebanyak 82 permohonan telah diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Pengawasan dan Pengajaran Agama Islam pada 2 Februari 2023 dan 10 April 2023. Keputusan berkenaan seterusnya diangkat ke Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 23 Februari 2023 dan 25 Mei 2023 sebelum dimaklumkan kepada pemohon.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB.Muhammad Fauzi bin Yusoff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 47. Sejauh manakah pembuangan sisa loji rawatan air (LRA) Bukit Toh Alang di Sungai Kulim memberi kesan terhadap air yang dipam di Rumah Pam Mak Sulong untuk simpanan air mentah di Empangan Mengkuang?
  - (a) Apakah persediaan Kerajaan Negeri menghadapi fenomena 'El Nino' yang menjejaskan bekalan air untuk penduduk Pulau Pinang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 47. Empangan Mengkuang diguna pakai oleh Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua pada musim kemarau atau semasa berlaku kekeruhan yang tinggi di Sungai Muda. Air mentah dari Empangan Mengkuang dapat dirawat di LRA Sungai Dua tanpa masalah dan mematuhi piawaian kualiti air yang diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan.
  - (a) *El Nino* yang menyebabkan cuaca panas dan kering merupakan cabaran kepada seluruh dunia untuk membekal air bersih. Projek pembesaran Empangan Mengkuang telah dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti dari 20,000 juta liter air ke 86,400 juta liter air. Projek ini telah disiapkan pada tahun 2017. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga dalam proses untuk memastikan Kerajaan Persekutuan terus melaksanakan Fasa 2C yang membolehkan penyaluran air mentah sebanyak 1000 juta liter ke LRA Sungai Dua. Dengan adanya penyaluran 1000 juta liter air dari Empangan Mengkuang, LRA Sungai Dua dapat membekalkan air bersih seperti biasa sekiranya berlaku krisis pada musim kemarau. Selain itu, Kerajaan Negeri akan terus mengadakan rundingan bersama dengan Kerajaan Negeri Perak untuk memastikan Projek Air Perak-Pulau Pinang dapat dilaksanakan dengan segera sebagai penyelesaian jangka masa panjang untuk memenuhi permintaan air yang tinggi sehingga tahun 2050 bagi negeri Pulau Pinang dan Utara Perak.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 48. Berapakah peruntukan setahun Kerajaan Negeri kepada ADUN-ADUN Kerajaan Negeri bagi setiap DUN?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

- 48. Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada ADUN-ADUN Kerajaan adalah seperti di bawah:

BIL	PERKARA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	Akaun Khas KADUN	200,000.00
2	Projek Pembangunan Masyarakat P16 (02)	120,000.00
3	Program Khas & Latihan P16(03)	180,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>500,000.00</b>

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Mohd Sobri bin Saleh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

49. Nyatakan usaha dan pelan tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan keterjaminan makanan untuk rakyat Pulau Pinang terutama dalam memperkasakan sektor tanaman padi, sayur-sayuran, penternakan dan nelayan..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

49. Pada tahun 2023, Jabatan Pertanian Negeri telah menerima peruntukan pembangunan negeri sebanyak RM 5.72 juta bagi 14 projek / program pembangunan yang memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasar iaitu petani, usahawan Industri Asas Tani (IAT) dan belia tani. Insentif yang disalurkan melalui program dan projek pembangunan ini dapat membantu para petani, usahawan IAT dan para belia tani dalam meningkatkan produktiviti hasil pertanian dan sosio-ekonomi masing-masing, dan seterusnya mengukuhkan lagi rangkaian bekalan makanan agar lebih berdaya tahan dan mampan dalam menghadapi pelbagai situasi luar jangka.

Jabatan Pertanian juga berusaha memastikan tiga (3) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) iaitu TKPM Ara Kuda, TKPM Mayfield, TKPM Juru dan Taman AgroPertanian DOA-PERDA Ara Kuda terus beroperasi bagi memastikan pengeluaran sayuran dapat memenuhi keperluan penduduk negeri Pulau Pinang.

Negeri Pulau Pinang sememangnya dikenali sebagai negeri maju terutamanya dari segi pembangunan serta perindustrian. Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan keperluan makanan untuk rakyat terjamin. Ini berkaitan dengan keperluan tanah serta peruntukan yang akan memastikan projek pengeluaran makanan negeri terjamin.

Untuk sektor tanaman Padi, pengeluaran hasil Musim Utama 2022/2023 secara pukal bagi Negeri Pulau Pinang mencatatkan hasil tertinggi di Malaysia dengan pengeluaran hasil 5.224 mtan/ha, dengan keluasan bertanam 12,105 ha pada tahun 2023. Walaupun kawasan bertanam sepanjang tahun semakin mengecil, Pulau Pinang masih mengekalkan tempat pertama dari segi pengeluaran hasil tahunan secara pukal. Pada tahun 2022 dengan inisiatif kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM500/ pesawah bagi membantu meringankan beban kos dan sara hidup petani dengan jumlah keseluruhan RM 2.631 Juta ringgit dengan jumlah pesawah 5,262 orang yang telah berdaftar.

Untuk makluman, kerja-kerja tambun tanah bagi petak sawah telah lama berlaku dan pihak Jabatan tiada punca kuasa untuk mengenakan tindakan atau mengambil tindakan undang-undang kepada pengusaha atau orang awam yang melakukan kerja tambun tanah pertanian untuk mendirikan rumah, kilang dan sebagainya. Pengekalan tanah sawah amat perlu bagi memastikan keselamatan makanan terutamanya padi dapat diteruskan pada masa akan datang serta menjamin kecukupan makanan bagi rakyat Pulau Pinang khususnya.

Bagi tanaman buah-buahan, tidak asing lagi bagi hasil tanaman durian yang menjadi daya tarikan kepada pelancong luar untuk hadir ke Negeri Pulau Pinang demi menikmati pelbagai klon durian yang terkenal di Negeri Pulau Pinang seperti Udang Merah (D175), Labu (D163), Duri Hitam (D200) dan pelbagai lagi klon yang telah didaftarkan di Negeri Pulau Pinang. Ini termasuklah klon terbaru yang telah didaftarkan iaitu klon Tupai King atau Tupai 226 (D214) dan klon Mata Merah (D219) yang menjadi tarikan pengunjung untuk merasai Klon Durian Premium bagi Negeri Pulau Pinang. Majlis Perbandaran Pulau Pinang di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerbitkan Buku Panduan Tanaman Durian bagi Kawasan Bercerun. Ini bagi memantapkan lagi penanaman durian bagi kawasan bercerun dan dapat menambah keluasan kawasan penanaman durian di Negeri Pulau Pinang.

Selain dari itu, Jabatan Pertanian juga mewujudkan Pembangunan Pertanian Komuniti atau turut dikenali sebagai program pertanian bandar dan *Farmer To Farmer* yang merupakan program untuk membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan di bawah bimbingan Jabatan Pertanian. Program ini melibatkan penduduk, sekolah, institusi dan usahawan pertanian bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai Jabatan dan Agensi yang berkaitan di peringkat Negeri dan Persekutuan.

Program Pembangunan Pertanian Komuniti berperanan sebagai salah satu strategi untuk menggalakkan interaksi sosial antara penduduk tempatan. Selain itu, pertanian komuniti membantu meningkatkan motivasi diri para peserta program dengan kemampuan untuk membentuk komuniti sendiri dan bekerja secara berpasukan bagi menghasilkan produk makanan sama ada untuk kegunaan sendiri atau dijual.

Kerajaan Negeri turut menggalakkan pembukaan kawasan projek-projek baru dan kawasan tanah terbiar milikan persendirian atau negeri dibangunkan oleh usahawan tani di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga menggalakkan projek-projek yang menggunakan teknologi *Internet Of Things* (IOT) serta projek di dalam struktur bagi menambah produktiviti hasil tanaman.

Tiga gerak kerja berskala besar akan digerakkan secara bersepadu mulai tahun 2024:

- (a) "Pelan Tindakan Agromakanan Pulau Pinang". Pelan ini akan dimulakan dengan "Projek Digilisasasi Agromakanan Pulau Pinang" yang akan merangkumi semua sektor berkaitan agro. Melalui projek digitalisasi ini kita dapat mengumpul kesemua data petani, penternak dan nelayan serta mengenalpasti kumpulan sasaran dengan lebih tepat, menjangkakan keluaran ataupun hasil pada masa yang akan datang secara tepat, memantau hasil bekalan makanan secara langsung. Selain itu, melalui Projek Digitalisasi ini juga kita bakal mencipta pasaran terbuka kepada semua pemain industri serta mengurangkan kebergantungan orang tengah. Pelan ini membantu Kerajaan Negeri untuk menjangkakan ketidakcukupan bekalan makanan yang mungkin berlaku dan mampu menyusun atur langkah awal bagi mengatasi masalah ketidakcukupan makanan ini. Malah pelan ini membantu para pengusaha untuk menyusun lebih teratur berkenaan perancangan mereka untuk beberapa bulan yang akan datang.
- (b) Kerajaan Negeri menggalakkan projek-projek yang menggunakan teknologi IOT serta projek di dalam struktur bagi menambahkan produktiviti padi. Kerajaan Negeri melalui MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan akan melaksanakan projek *Restructuring and Digitalizing Paddy Farming* bagi menghasilkan pengeluaran padi optimum melalui teknologi data pemetaan di setiap sawah seluruh negeri Pulau Pinang secara berperingkat bermula pada tahun 2024.
- (c) Projek Pusat Ternakan Ruminan Bersepadu Pulau Pinang serta Pusat Pengeluaran Makanan Ruminan Pulau Pinang (PRUF) akan dijalankan secara serentak bagi meningkatkan produktiviti daging tempatan. Kerajaan Negeri sedang bekerja secara rapat bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjayakan dua projek berskala besar ini. Projek ini dijangka akan memberi impak dan manfaat yang besar kepada lebih 200

penternak lembu dan kambing dari seluruh Pulau Pinang. Hal ini secara tidak langsung membantu mencukupkan bekalan makanan bagi rakyat Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Bukhori bin Ghazali) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

50. Bilangan penduduk di DUN Pinang Tunggal meningkat secara drastik, apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membina klinik kesihatan di DUN ini?
- (a) Berapakah nisbah seorang doktor berbanding penduduk di Pulau Pinang dan di DUN Pinang Tunggal sekarang?
  - (b) Apakah usaha akan dilakukan jika nisbah tersebut tidak tercapai?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

50. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang masih di dalam perancangan untuk pembinaan sebuah klinik kesihatan di kawasan Pinang Tunggal. Perancangan ini memerlukan kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Kementerian Kewangan namun demikian, Skim Perubatan Madani yang telah diperkenalkan di semua daerah di Negeri Pulau Pinang di mana semua penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dari golongan B40 adalah layak mendapatkan rawatan di klinik perubatan swasta (GP) yang berdaftar.

Untuk Daerah Seberang Perai Utara, sebanyak sembilan belas (19) klinik perubatan swasta kini menawarkan Skim Perubatan Madani dan angka ini dijangka meningkat dengan penglibatan lebih banyak klinik perubatan swasta setempat yang akan memanfaatkan penduduk di kawasan Pinang Tunggal.

- (a) Jumlah nisbah doktor berbanding penduduk di Pulau Pinang adalah sebanyak 1:405 .
- (b) Syor Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) bagi kadar nisbah doktor berbanding penduduk adalah pada kadar 1:500. Namun demikian perancangan bagi penambahan perkhidmatan kesihatan termasuk dari segi penambahan anggota kesihatan sentiasa dilakukan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

51. Nyatakan status dan pelan infrastruktur stesen pengecasan kenderaan elektrik dalam negeri.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

51. EVCB ataupun petak pengecasan kenderaan elektrik adalah sesuatu yang diberi penekanan dalam KPI Penang2030 iaitu untuk mencapai 500 EVCB sebelum tahun 2030.

Di peringkat Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Garis Panduan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) dan Prosedur Permohonan Pemajuan telah dibentangkan ke Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ke-42 Bilangan 2 Tahun 2023 pada 18 September 2023. Ia dipersetujui untuk pemakaian dan pelaksanaan di semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis panduan ini akan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri bagi kelulusan pemakaian di kedua-dua PBT.

- (a) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan dan juga pemain industri dalam usaha menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik di Pulau Pinang. Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik adalah:-

- (i) Memasang tempat pengecasan motosikal elektrik percuma di kawasan-kawasan milik PBT sekitar Bahagian Pulau dan Seberang Perai;
- (ii) Mengadakan sesi libat urus bersama pihak industri dengan mengadakan sesi-sesi perbincangan dan pembentangan berkaitan kenderaan elektrik;
- (iii) MBPP telah membuat panggilan *RFP* fasa 1 bagi pemasangan stesen pengecas *EV* di 26 lokasi bagi seluruh kawasan pentadbiran MBPP di mana *RFP* ini masih dalam peringkat penilaian. Pemasangan ini akan melibatkan tempat letak kenderaan MBPP *on street parking* dan tempat letak kenderaan premis MBPP yang akan merangkumi *DC & AC charging station*. Kerja-kerja pemasangan stesen pengecas *EV* dijangka akan dimulakan pada suku pertama tahun 2024;
- (iv) MBSP telah menyediakan tapak mengecas kereta elektrik di Tapak Letak Kereta Kakitangan di Menara Bandaraya, Bandar Perda, Bukit Mertajam.
- (v) Menggalakkan pemaju bagi penyediaan stesen caj kenderaan elektrtik (*EV*) di beberapa kawasan kemudahan awam di Seberang Perai; dan
- (vi) Memudahcara urusan kelulusan pelan di peringkat Permohonan Kebenaran Merancang.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Kumaran a/l Krishnan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

52. Apakah usaha jangka masa pendek yang akan diambil untuk mengatasi isu kesesakan jalan raya yang teruk di seluruh negeri Pulau Pinang khususnya dari Butterworth dan Seberang Jaya menghala ke seberang Pulau seperti Bayan Lepas dan George Town?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

52. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya yang teruk di seluruh negeri Pulau Pinang khususnya dari Butterworth dan Seberang Jaya menghala ke Pulau seperti Bayan Lepas dan George Town. Langkah-langkah dan usaha jangka masa pendek yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
- (a) Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Pada masa sekarang, Rapid Penang mempunyai 237 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang. Bilangan bas akan ditambah secara berperingkat mengikut keperluan bagi penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti serta merangkumi laluan-laluan sosial. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah membiayai sepenuhnya Pas Mutiara My50 bagi penggunaan perjalanan tanpa secara percuma bagi semua pengguna harian;
  - (b) Menyediakan perkhidmatan bas percuma *Central Area Transit* (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang efisien dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam secara berterusan;
  - (c) Menyediakan perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport* (CAT) *Bridge* di laluan seperti berikut:
    - (i) Bayan Baru ke Seberang Jaya; dan
    - (ii) Bukit Mertajam – KOMTAR.
  - (d) Penyediaan perkhidmatan bas *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) KOMTAR bagi kakitangan yang bekerja di KOMTAR yang sangat membantu dalam menyelesaikan masalah kesesakan dari Butterworth dan Seberang Jaya menghala ke Pulau di laluan seperti berikut:
    - (i) Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya – KOMTAR

- (ii) Kiosk Bertam, Kepala Batas – KOMTAR
- (iii) Jawi – KOMTAR;
- (e) Melaksanakan beberapa tindakan untuk mengurangkan kesesakan yang dihadapi oleh pengguna khususnya antara laluan lebuhraya Juru – Sungai Dua dengan perkara seperti berikut:
  - (i) Mengkonfigurasi semula garisan jalan di lokasi tertentu di antara Juru – Sungai Dua untuk menambah jumlah lorong daripada tiga (3) lorong kepada empat (4) lorong sehala bagi menambah kapasiti lebuhraya;
  - (ii) Mengurangkan konflik atau masalah *weaving* pergerakan kenderaan daripada jalan susur memasuki ke laluan utama seperti memasang *New Jersey Barrier* (NJB) supaya pergerakan kenderaan lebih lancar;
  - (iii) Pengguna lebuhraya yang menuju ke Perai / Butterworth mempunyai pilihan untuk menggunakan Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (LLB) bagi mengelakkan kesesakan di jajaran lebuhraya antara Sungai Dua ke Perai;
  - (iv) Membuat hebahan maklumat kepada pengguna lebuhraya menerusi media sosial / elektronik / *Variable Message Signboard* (VMS) mengenai situasi semasa keadaan trafik supaya pengguna dapat merancang perjalanan;
  - (v) Pelaksanaan sistem *Radio Frequency Identification* (RFID) di plaza tol; dan
  - (vi) Penjajaran semula garisan jalan di kawasan seperti berikut:
    - (1) Persimpangan masuk ke Jambatan Pulau Pinang (JPP) arah selatan (KM 138.7 SB) bagi penjajaran semula garisan jalan untuk laluan lima (5) lorong;
    - (2) Persimpangan JPP arah selatan (KM 139.5 SB hingga KM 140.2 SB) bagi penjajaran semula garisan jalan untuk dijadikan tiga (3) Lorong;
    - (3) Kawasan sebelum keluar tol Juru arah utara dengan membuat pelebaran laluan sebagai *storage lane*;
    - (4) Kawasan hentian sebelah Juru arah utara ke susur keluar JPP dengan penjajaran semula garisan jalan untuk menjadikan empat (4) Lorong; dan
    - (5) Susur keluar dari Jambatan Pulau Pinang ke susur keluar Masjid Seberang Jaya sebelah utara dengan pelebaran susur dan penjajaran semula garisan jalan.
- (f) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang dan persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan terutamanya pada waktu puncak; dan
- (g) Menyediakan perkhidmatan feri bot laju untuk penumpang dan penunggang motosikal dari George Town ke *Penang Sentral*.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

53. Huraikan kapasiti harian pengeluaran air terawat di Loji Sungai Dua.
- (a) Huraikan kapasiti efektif air bulanan di Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam.
  - (b) Apakah status loji rawatan air di Empangan Mengkuang dan laluan air ke Loji Sungai Dua?
  - (c) Perincikan status projek tangani bekalan air di SPS..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

53. (a) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) selaku operator loji rawatan air telah merekodkan bahawa kapasiti harian pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua adalah di dalam purata 983.4 Juta Liter Sehari (JLH) (2022). Berikut adalah rekod kapasiti efektif air bulanan di Empangan Air Itam dan Teluk Bahang berdasarkan rekod bacaan pada setiap hujung bulan :

Tahun 2023	KAPASITI EFEKTIF EMPANGAN (%)	
	Air Itam	Teluk Bahang
Januari	78.3	61.8
Februari	75.2	59.0
Mac	59.9	53.00
April	43.2	48.9
Mei	46.5	46.4
Jun	56.7	45.0
Julai	78.9	58.4
Ogos	75.2	67.0
September	76.2	78.2
Oktober	81.5	94.4

- (b) Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah melaporkan bahawa Loji Rawatan Air (LRA) di Empangan Mengkuang adalah dalam fasa rekabentuk akhir (*final design review*) oleh perunding yang dilantik PBAPP. Perubahan kepada rekabentuk asal dilakukan agar loji rawatan air baru di Mengkuang berkonsepkan taman (*Mengkuang Park*), mempunyai nilai estetik dan mesra alam. Perubahan rekabentuk ini dilakukan tanpa mengabaikan objektif sebenar Loji Rawatan Air Mengkuang iaitu menghasilkan 114MLD air terawat. Manakala projek pembinaan Kerja – kerja Penyaluran Air Mentah Dari Stesen Pam Mak Sulong ke Terusan Sg Dua (Fasa 2B) sedang dalam fasa pembinaan dengan peratusan kemajuan projek sebanyak 99.90% dan dijangka siap pada akhir tahun 2023. Penyiapan projek Fasa 2B ini akan meningkatkan kapasiti pelepasan air dari empangan mengkuang dari 300JLH kepada 600JLH. Walau bagaimanapun, LRA Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,100JLH air mentah setiap hari untuk menghasilkan 1,000JLH air terawat. Oleh yang demikian, Empangan Mengkuang masih memerlukan 400JLH lagi untuk melepaskan air secara maksimum sebanyak 1000JLH supaya LRA Sungai Dua dapat beroperasi secara optimum. Bagi membolehkan pelepasan air dilaksanakan secara maksimum sebanyak 1000JLH menerusi Empangan Mengkuang, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pelaksanaan projek fasa 2C bagi melengkapkan pakej pembesaran empangan mengkuang supaya bekalan air di Negeri Pulau Pinang akan terjamin.
- (c) Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah merangka beberapa projek infrastruktur pembekalan air untuk mengatasi bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS) melalui pelaksanaan "**SPS 2023 Response Plan**" seperti berikut:

Bil	Projek	Status
1	Loji Rawatan Air Mudahalih, Taman Sg Duri Indah, SPS	Dalam fasa pengujian dan pentauliahan ( <i>testing &amp; commissioning</i> ).
2	Loji Rawatan Air Kompak, Sg Kerian, SPS	Dalam proses penilaian untuk menawarkan kontrak. Dijangka siap pada bulan Mei 2024.
3	Tangki Sedutan di Stesen Pam Taman Widuri	PBAPP telah mengemukakan permohonan syarat untuk mendapatkan kebenaran merancang dan permit untuk pengorekan jalan bagi memulakan kerja-kerja di tapak.
4	Tangki Sedutan di Taman Wellesley	PBAPP telah menerima kelulusan bersyarat daripada pihak TNB pada 25 Oktober 2023 dan di dalam
		proses untuk mematuhi syarat –syarat tersebut bagi mendapatkan kelulusan Permit to Work (PTW) TNB.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga melalui PBAPP juga dalam perancangan untuk membina Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Kerian Fasa 1 di Seberang Perai Selatan (SPS) dengan kapasiti rawatan air sebanyak 114JLH untuk menangani permintaan air yang tinggi secara khusus di SPS sehingga Tahun 2030. Sekiranya projek ini disiapkan, ianya akan memberi manfaat kepada 55,000 pengguna di SPS

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

54. Had tempoh Ketua Menteri dua (2) penggal.
- Terangkan kewajaran dan kepentingan untuk menggubal Enakmen Bekas Ketua Menteri bagi memastikan 'Code of Conducts' bagi seseorang Bekas Ketua Menteri selaras dengan Perlembagaan Negeri.
  - Nyatakan peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh Bekas Ketua Menteri demi kepentingan negeri dan rakyat Pulau Pinang. .

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

54. (a) Setakat ini, masih belum terdapat cadangan penggubalan Enakmen Bekas Ketua Menteri bagi memastikan *Code of Conduct* seseorang bekas Ketua Menteri sebagaimana dinyatakan.
- (b) Sebagai seseorang bekas Ketua Menteri, tanggungjawab yang perlu dimainkan adalah memberi sokongan penuh kepada pucuk pemerintahan semasa yang dipilih oleh rakyat melalui sistem demokrasi. Ini termasuk menghormati segala keputusan, hala tuju dan juga corak pucuk kepimpinan serta barisan kepimpinan semasa demi kepentingan rakyat serta kedaulatan negeri Pulau Pinang secara keseluruhan. Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan sikap terbuka dalam menerima teguran dan kritikan dari mana-mana pihak yang disalurkan melalui saluran yang betul dan rasmi. Ianya dianggap sebagai 'semak dan imbang' yang boleh memberi manfaat penambahbaikan ke atas penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, sebarang usaha untuk campur tangan dan mempengaruhi keputusan-keputusan Kerajaan haruslah dielakkan kerana ianya akan merencatkan segala usaha dan perancangan kerajaan demi kebaikan rakyat di negeri Pulau Pinang.



**Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Muhamad bin Kasim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

55. Bolehkah perkhidmatan bas Rapid Penang dari Balik Pulau ke Telok Bahang diaktifkan semula? Ini disebabkan perhubungan aktiviti seharian boleh berjalan seperti biasa, merangkumi aspek perkhidmatan kesihatan dan para pelajar sekolah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

55. Perkhidmatan bas Rapid Penang dari Balik Pulau ke Teluk Bahang adalah laluan 501 melalui Jalan Teluk Bahang dengan jarak perjalanan 21.7km sehala. Berdasarkan data jumlah penumpang yang direkodkan, laluan ini mencatatkan rekod yang rendah dengan purata jumlah penumpang harian bagi tahun 2019 sebanyak 63 orang dan semakin menurun pada tahun 2020 iaitu sebanyak 28 orang sahaja.

Pada masa kini, pihak Rapid Penang sebagai operator perkhidmatan bas di Pulau Pinang tiada perancangan untuk mengaktifkan semula laluan Balik Pulau ke Teluk Bahang. Namun kajian semula bagi rangkaian laluan iaitu perancangan rangkaian berasaskan permintaan atau *demand-based network planning* dijangka akan dilaksanakan pada suku kedua tahun 2024 untuk meningkatkan mobiliti di kawasan yg dikenalpasti termasuk aspek perkhidmatan kesihatan serta mobiliti pelajar ke sekolah.

Selain daripada itu, satu inisiatif telah dilaksanakan di kawasan Lembah Klang yang bertujuan untuk meningkatkan daya maju and memperluas liputan rangkaian iaitu *Demand Responsive Transport* (DRT). DRT berfungsi sebagai pelengkap kepada perkhidmatan pengangkutan awam dan bertujuan untuk meningkatkan mobiliti di kawasan yang telah dikenalpasti. Kajian bagi kelestarian perkhidmatan DRT di Pulau Pinang akan dilaksanakan pada suku pertama tahun 2024.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tan Hool Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

56. Kesan perubahan iklim semakin ketara dirasai dengan cuaca tidak menentu akhir-akhir ini. Apakah strategi pembendungan perubahan iklim Kerajaan Negeri?
- (a) Kesan perubahan iklim juga menimbulkan isu banjir setiap kali hujan, adakah terdapat penyelesaian yang lebih baik? Contohnya, menangani secara menyeluruh isu sistem perparitan Pulau Pinang / isu pembangunan tanah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

56. Antara strategi pembendungan perubahan iklim yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui agensi kerajaan adalah melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan semua aktiviti yang dijalankan di kawasan berbukit/bercerun secara berkala dari semasa ke semasa untuk memastikan tiada kacauganggu kepada orang awam, harta awam dan persekitaran. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga mengadakan perjumpaan dan taklimat berkaitan keselamatan aktiviti di kawasan berbukit/bercerun kepada pengusaha tani/pekebun yang aktif menjalankan aktiviti pertanian tersebut.

Kerajaan Negeri juga melaksanakan kawalan kebenaran merancang dengan mengenakan syarat kepada pemaju supaya pemotongan dan penstabilan cerun paling minimum dilakukan untuk memastikan permukaan topografi dan pokok-pokok serta aliran air semula jadi di kawasan berbukit/bercerun dikekalkan dengan sebaiknya. Projek yang dilaksanakan juga dikehendaki untuk mematuhi Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) dan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA) serta mendapat kelulusan Pelan Permohonan Kerja Tanah/Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodakan (ESCP). Pemaju juga diminta untuk mengemukakan laporan geoteknikal, mendapatkan kelulusan dari Jawatankuasa Pembangunan Tanah Berisiko Negeri Pulau Pinang dan mengemukakan laporan hidraulik bagi cadangan pembangunan di cerun Kelas 2.

Bagi memastikan pihak pemaju patuh terhadap semua syarat dan kehendak pelaksanaan projek pembangunan, Kerajaan Negeri melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu melibatkan agensi-agensi seperti Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP), Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang.

- (a) Bagi memastikan kejadian banjir dapat dielakkan, Kerajaan Negeri melalui PBT melaksanakan kawalan kebenaran merancang dengan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan berdasarkan kepada Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island* yang telah digariskan oleh *Japan International Corporation Agency (JICA)*.

Bagi kawasan di luar Bandaraya George Town pula, pemaju-pemaju akan dikenakan syarat untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat mengikut Panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA), Pelan Induk Sistem Saliran Mesra Alam Daerah Timur Laut dan Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Ribut Daerah Barat Daya atau kajian-kajian tebatan banjir yang telah dijalankan untuk sesuatu kawasan tersebut oleh JPSPP.

PBT juga akan memastikan setiap pembangunan baharu mempunyai kolam takungan. Ini adalah supaya air larian hujan di permukaan dapat dialirkan terus ke parit utama/sungai. Reka bentuk setiap pembangunan baharu juga dipastikan untuk mengambil kira paras selamat banjir terutamanya kawasan-kawasan berhampiran sungai-sungai atau laut untuk mengurangkan risiko berlakunya banjir di sesuatu kawasan itu.

Kerajaan Negeri melalui JPSPP dan PBT sentiasa memantau sistem perparitan di seluruh Pulau Pinang secara berterusan dengan kajian-kajian yang dilaksanakan untuk memastikan ia berfungsi dengan optimum. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui JPSPP, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Think City juga kini telah memulakan inisiatif kerjasama dengan UN-Habitat untuk melaksanakan program Penang Nature-Based Climate Adaption Programme (PNBCAP). Program ini mengambil pendekatan yang komprehensif dan kolaboratif, menggabungkan pelbagai komponen yang menangani kedua-dua dimensi alam sekitar dan sosial perubahan iklim dalam fabrik bandar Pulau Pinang. Program ini merupakan inisiatif perintis yang akan berfungsi sebagai rangka kerja penyesuaian iklim dengan potensi untuk diperluas dan disesuaikan di bandar-bandar lain di Malaysia dan tempat lain di rantau ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Wong Yuee Harn) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

57. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap RMM B yang disewa kepada warga asing bagi projek baru kurang daripada 10 tahun?
- (a) Huraikan data RMM B yang disewa kepada warga asing sejak tahun 2018.
- (b) Adakah pemilik RMM B memiliki rumah lain selain daripada unit disewa kepada warga asing?
- (c) Apakah langkah untuk mengelakkan isu berulang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

57. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan syarat permohonan perumahan mampu milik (RMM) Kerajaan Negeri termasuk unit Rumah Kos Rendah (RMM A) dan Rumah Kos Sederhana Rendah (RMM B) ini hendaklah dihuni oleh pemilik tersebut (*owner occupied*)

selaras dengan keperluan perumahan golongan B40. Perkara ini juga telah diambil maklum dan diakui oleh pembeli semasa permohonan RMM serta di peringkat jual beli melalui Akuan Berkanun. Larangan penyewaan ini terpakai kepada pihak ketiga termasuklah kepada rakyat tempatan. Lebih mengkusarkan lagi apabila unit tersebut dijadikan penempatan pekerja asing.

Sehubungan itu, bagi mengatasi isu tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.4/2022 telah meluluskan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Di Negeri Pulau Pinang 2022 yang berkuatkuasa pada 28 April 2022. Garis panduan tersebut telah dijadikan sebagai panduan syarat teknikal kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memastikan pihak pemaju mematuhi undang-undang PBT serta tertakluk di bawah Seksyen 24H Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].

- (a) Landskap industri Pulau Pinang yang bergantung kepada pekerja asing khususnya dalam sektor pembuatan dan pembinaan sememangnya menjadi pasaran untuk unit RMM A dan B ini disewakan sehingga Penempatan Pekerja Berpusat (*Centralised Labour Quarters – CLQ*) dapat dibina dan mampu menempatkan mereka. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) adalah sebagai agensi yang mengesahkan unit tersebut adalah RMM A, RMM B atau RMM C sebelum permohon untuk dijadikan asrama pekerja melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). LPNPP juga tidak mempunyai data terperinci bagi unit-unit RMM B yang disewakan kepada warga asing.
- (b) Antara syarat kelayakan utama seunit Rumah Mampu Milik A dan B selain had pendapatan adalah pemohon tidak pernah memiliki hartanah. Walau bagaimanapun, mereka tidak disekat untuk memperolehi hartanah termasuk kediaman kategori bukan mampu milik selepas memiliki RMM A dan B. Data berkaitan pemilikan rumah lain selain unit RMM B ini boleh disemak secara manual bersama maklumat PBT dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) berdasarkan semakan cukai petak, cukai taksiran dan rekod hakmilik strata/individu.
- (c) Sebagai langkah untuk memastikan unit RMM A atau RMM B tidak disewakan kepada warga asing, penguatkuasaan Garis Panduan sedia ada yang berkaitan perlu dilaksanakan. Selain itu, Bahagian Kerajaan Tempatan akan menyelaras ketetapan di peringkat PBT sebagai inisiatif untuk memperincikan kawasan perumahan atau bangunan kediaman yang boleh dijadikan penginapan pekerja bagi tempoh sementara di kawasan pentadbiran PBT masing-masing.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

58. Apakah status terkini mengenai sumber air daripada negeri Perak?
  - (a) Adakah satu analisis kos dan kajian telah dibuat mengenai pengambilan sumber air selain daripada negeri Perak?
  - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan sumber air sentiasa mencukupi dengan mengambil kira pertambahan penduduk dan juga Pulau yang baru?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

58. Kerajaan Negeri akan meneruskan rundingan bersama dengan Kerajaan Negeri Perak bagi memastikan Projek Air Perak-Pulau Pinang dapat dilaksanakan dengan segera untuk menampung kapasiti keperluan air menjelang Tahun 2050 bagi negeri Pulau Pinang dan Utara Perak. Terkini, YAB Menteri Besar Perak semasa mesyuarat Majlis Air Negara Ke-5

telah mengesahkan bahawa Kerajaan Negeri Perak bersedia untuk berunding dengan Pulau Pinang berlandaskan air terawat. Mesyuarat pertama antara Setiausaha Kerajaan kedua-dua negeri telah diadakan pada 9 November.

- (a) Kerajaan Negeri melalui inisiatif PBAPP telah merangka beberapa projek infrastruktur bekalan air melalui Pelan Kotigensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) demi memastikan keselamatan bekalan air untuk Pulau Pinang. RWCP 2030 adalah sebahagian daripada Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI 2050) dan projek-projek utama kejuruteraan bekalan air RWCP 2030 akan dimulakan dari tahun 2022 hingga 2028 adalah seperti berikut:
- (i) Fasa 2 naik taraf Tangki Pemendapan Loji Rawatan Air (91 JLH)
  - (ii) Pakej 12A, LRA Sungai Dua : Tambahan modul rawatan air baharu (114 JLH)
  - (iii) Fasa 1 LRA Empangan Mengkuang (114 JLH)
  - (iv) Fasa 1 LRA Sungai Muda (114 JLH)
  - (v) Skim Bekalan Air Sungai Perai (136 JLH)
  - (vi) Skim Bekalan Air Sungai Kerian (114 JLH)

Selain itu, Kerajaan Negeri dan PBAPP telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama dengan pakar-pakar dari industri air dan para akademik dalam meneroka sumber air baru selain Sungai Perak dan pelaksanaan ini memerlukan kajian lebih lanjut dalam menganalisa kos bagi pelaksanaan sumber air baru. Antara perancangan lain untuk meningkatkan kapasiti sumber air adalah melalui *water reclamation, groundwater, coastal reservoir, Off river Storage (ORS)* dan *rainwater harvesting*.

- (b) Selain itu, Kerajaan Negeri bersama PBAPP dalam perancangan meneroka sumber air baru menerusi Skim Bekalan Air Sungai Perai, Skim Bekalan Air Sungai Kerian dan menggesa Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pelaksanaan projek fasa 2C bagi melengkapkan pakej pembesaran empangan mengkuang supaya bekalan air di Negeri Pulau Pinang akan terjamin. Dengan adanya inisiatif ini akan membantu Pulau Pinang meminimumkan krisis bekalan air dan seterusnya memastikan sumber air sentiasa mencukupi dengan mengambil kira pertambahan penduduk dan juga pulau yang baru.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

59. Sebagai hab teknologi dan industri, nyatakan pelaburan sektor pengeluaran dan pewujudan peluang pekerjaan yang dianggarkan dari tahun 2011 hingga 2022.
- (a) Apakah sektor penyumbang utama kepada sektor pembuatan?
  - (b) Siapa pihak pelabur baru sejak tahun 2019 dan dalam bidang apa?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

59. Senarai pelaburan sektor pengeluaran dan anggaran pewujudan peluang pekerjaan dari tahun 2011 sehingga 2022 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Sektor-sektor penyumbang utama dalam sektor pembuatan adalah seperti berikut:-
    - (i) Elektrik dan Elektronik;
    - (ii) Mesin dan Logam;
    - (iii) Peralatan Saintifik dan Peranti Perubatan;

- (iv) Produk Mineral Bukan Logam; dan
  - (v) Produk Logam Asas.
- (b) Senarai pihak pelabur baharu sejak tahun 2019 berserta bidang berkaitan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**REKOD PELABURAN DAN ANGGARAN PELUANG PEKERJAAN YANG DIANGGARKAN  
DARI TAHUN 2011 SEHINGGA 2022 DALAM SEKTOR PENGELUARAN**

<b>TAHUN</b>	<b>PELABURAN DALAM NEGERI (RM BILION)</b>	<b>PELABURAN ASING (RM BILION)</b>	<b>JUMLAH PELABURAN MODAL (RM BILION)</b>	<b>ANGGARAN PENCIPTAAN PEKERJAAN</b>
2011	1.96	7.15	9.11	14,293
2012	1.34	1.13	2.47	10,359
2013	2.12	1.79	3.91	14,515
2014	3.05	5.11	8.16	17,896
2015	2.23	4.50	6.72	18,725
2016	1.24	3.06	4.29	10,816
2017	5.64	22.79	28.43	32,827
2018	5.46	7.15	12.61	21,274
2019	3.99	44.18	48.18	55,456
2020	6.36	34.57	40.93	33,411
2021	4.28	77.18	81.47	23,718
2022	3.95	9.76	13.71	15,752

## SENARAI PIHAK PELABUR BAHARU SEJAK TAHUN 2019 BESERTA BIDANG

Tahun	Syarikat Pelaburan Baharu	Sektor	Negara	
2019	Micron	Elektrik & Elektronik	Singapura	
	Smith & Nephew	Peralatan Sainifik & Peranti Perubatan	United Kingdom	
2019	Visco Technology	Peralatan Sainifik & Peranti Perubatan	Taiwan	
	Lam Research	Mesin & Logam	Amerika Syarikat	
2020	IMA Automotive Malaysia	Mesin & Logam	Itali	
	Bruker	Mesin & Logam	Switzerland	
	Comet	Mesin & Logam	Switzerland	
2020	Ultra Clean Asia Pacific Pte Ltd	Mesin & Logam	Singapura	
	Dexcom	Peralatan Sainifik & Peranti Perubatan	Amerika Syarikat	
	LEM Malaysia	Elektrik & Elektronik	Switzerland	
	2021	Computime	Elektrik & Elektronik	Hong Kong
		Sustio	Elektrik & Elektronik	Singapura
		Inventec	Elektrik & Elektronik	China
		In-Tech Electronics	Elektrik & Elektronik	Hong Kong
2021	Ascentec Engineering	Produk Logam Fabrikasi	Amerika Syarikat	
	Mass Precision	Mesin & Logam	Amerika Syarikat	
2022	Dolphin Manufacturing Solutions	Kelengkapan Pengangkutan	Singapura	
	TTM Technologies	Elektrik & Elektronik	Amerika Syarikat	
	Micro View Link	Elektrik & Elektronik	Singapura	

**Sumber:** Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Lee Boon Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

60. Keganasan rumah tangga.

- (a) Apakah statistik kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang yang melibatkan perempuan dan lelaki?
- (b) Apakah rancangan pihak berkuasa dalam menangani isu ini?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

60. (a) Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 450 kes keganasan rumah tangga telah direkodkan di Pulau Pinang bagi tahun 2022. Bagi tahun 2023 (sehingga September 2023), sebanyak 288 kes telah direkodkan. Perincian kes mengikut jantina adalah seperti berikut:

JANTINA	TAHUN 2022	TAHUN 2023
LELAKI	105	64
PEREMPUAN	345	224
JUMLAH	450	288

(b) Keganasan rumah tangga adalah antara isu sosial yang sering berlaku sehingga menjadi norma dalam kalangan masyarakat dan dianggap sebagai suatu pergolakan sesebuah keluarga yang wajar diselesaikan tanpa campur tangan pihak lain. Namun begitu, isu ini ditafsirkan sebagai kesalahan jenayah yang boleh ditangkap, *seizable offence (dengan izin)* di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994 [Akta 521] yang dibaca bersama peruntukan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] serta undang-undang bertulis yang lain.

Akta 521 telah mula dikuatkuasa pada 1 Jun 1996 yang terpakai kepada semua orang dalam Malaysia tanpa mengira jantina, bangsa, agama, warganegara bagi membendung isu keganasan rumah tangga. Mengambil kira keperluan dan kehendak semasa berikutan peningkatan kes keganasan rumah tangga dalam kalangan masyarakat, Akta 521 telah dipinda pada tahun 2012 dan 2017. Pindaan tersebut melibatkan perluasan takrifan keganasan rumah tangga termasuklah kecederaan psikologi dan emosi selain fizikal.

Dalam mempelbagaikan khidmat sokongan yang diberikan kepada mangsa keganasan rumah tangga, Dasar Keluarga Selamat Negeri Pulau Pinang telah digubal dan dilaksanakan sejak tahun 2020. Sebanyak 345 First Support Points dilatih untuk memberi sokongan awal kepada mangsa keganasan rumah tangga sehingga ke hari ini oleh Penang Women's Development Corporation (PWDC) dan Women's Centre for Change (WCC). First Support Point ini terdiri daripada jabatan/agensi kerajaan, Pusat Khidmat ADUN, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pertubuhan agama. Selain itu, pelbagai program kesedaran juga dijalankan kepada lebih dari 1,600 orang dalam meningkatkan kesedaran rakyat negeri ini tentang gejala keganasan rumah tangga dan cara mendapat bantuan.

Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, kerjasama agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga adalah penting untuk menangani isu ini. Pelaksanaan program pendidikan, latihan kekeluargaan dan khidmat kaunseling secara sistematik dengan kerjasama semua pihak terlibat adalah penting demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan sosial negara.



**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

61. Apakah status terkini Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) bagi projek terowong dasar laut yang dirancang bermula dari Bagan Ajam sehingga ke Persiaran Gurney?
- (a) Nyatakan secara terperinci kesan sosial kepada penduduk setempat.
  - (b) Apakah langkah-langkah mitigasi yang akan dilaksanakan sepanjang kerja-kerja pembinaan dilaksanakan berdekatan kawasan perumahan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

61. Penyediaan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar atau *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA) bagi projek Pakej 4 - Terowong Dasar Laut yang menghubungkan Bagan Ajam ke Persiaran Gurney masih belum dilaksanakan oleh kerana Kerajaan Negeri kini masih meneliti dan mempertimbangkan hala tuju pelaksanaan projek ini sehingga Pelan Induk Pembesaran *North Butterworth Container Terminal* (NBCT) oleh pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dimuktamadkan pada Disember 2023.
- (a) Kesan sosial kepada penduduk setempat akan dikenalpasti dan dikaji secara terperinci semasa penyediaan Laporan DEIA iaitu di bawah Laporan Penilaian Impak Sosial atau *Social Impact Assessment* (SIA). Walau bagaimanapun, kajian awal kesan sosial terhadap penduduk telah dijalankan semasa peringkat Kajian Kebolehlaksanaan atau *Feasibility Study* (FS) di mana hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan penduduk bersetuju dengan cadangan projek ini. Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 31 Mac 2023 juga telah meluluskan cadangan pemuktamadan Laporan FS bagi pelaksanaan projek ini.
  - (b) Perancangan berhubung kaedah kawalan dan langkah-langkah mitigasi semasa pelaksanaan projek hanya dapat ditentukan setelah reka bentuk terperinci awalan (*preliminary detail design*) disiapkan. Reka bentuk terperinci ini akan dikemukakan di dalam Laporan DEIA dan semua langkah-langkah kawalan akan ditetapkan di dalam kelulusan Laporan DEIA tersebut. Langkah-langkah kawalan ini tidak dihadkan kepada kawasan perumahan sahaja namun di sepanjang jajaran projek termasuk kesan kepada ekosistem, sosial dan trafik.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

62. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengalakkan lebih banyak penerbangan terus ke Pulau Pinang bagi meningkatkan sektor pelancongan di negeri ini?

**y.a.b. Ketua Menteri:**

62. Rancangan Kerajaan Negeri untuk mengalakkan lebih banyak penerbangan terus ke Pulau Pinang bagi meningkatkan sektor pelancongan adalah melalui inisiatif berikut:
- (a) Projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah penting untuk mendapatkan lebih banyak penerbangan terus ke Pulau Pinang. Ini kerana, ketersediaan slot merupakan salah satu faktor utama untuk mendapatkan penerbangan terus yang baharu. Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus bekerjasama rapat dengan Malaysia Airport Berhad, syarikat penerbangan dan pejabat kedutaan untuk menerokai lebih banyak laluan dan syarikat penerbangan baharu ke Pulau Pinang;
  - (b) Meningkatkan pemasaran dan promosi untuk mewujudkan lebih banyak kesedaran dan permintaan destinasi yang memberi keyakinan kepada syarikat penerbangan tentang kemampuan laluan; dan

- (c) Menyediakan sokongan pemasaran kepada syarikat penerbangan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md. Hashim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

63. Apakah status rumah Pangsa Pasir Indah di DUN Permatang Pasir telah mendapat kebenaran menduduki?
- (a) Adakah projek PPRT atau asrama warga asing?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

63. Kebenaran Merancang yang diberikan bagi pemajuan mana-mana rumah kos rendah (RMM A) dan rumah kos sederhana rendah (RMM B) jelas menyatakan bahawa kawalan penjualan unit perlu melalui Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga telah menetapkan syarat permohonan unit RMM A dan RMM B hendaklah dihuni oleh pemilik (*owner occupied*) selaras dengan keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah terutamanya B40.

Mengikut rekod, Rumah Pangsa Pasir Indah tersebut telah memperolehi Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 30 Mac 2017. Keseluruhan skim meliputi 124 unit RMM A berkenaan telah dijadikan asrama pekerja asing dan bertentangan dengan syarat Kebenaran Merancang. Pemaju didapati gagal mendapatkan senarai nama pembeli daripada Kerajaan Negeri untuk tawaran unit RMM A tersebut. Pemaju juga didapati telah menandatangani satu perjanjian dengan agen untuk dijadikan asrama pekerja.

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil tindakan mahkamah terhadap pemaju yang menjalankan aktiviti asrama pekerja di bangunan RMM A Taman Pasir Indah. Di bawah Seksyen 28(2), Akta Perancangan Bandar 1976 (Akta 172), Mahkamah Seksyen Jenayah (2) Butterworth pada 6 Januari 2023 telah mengenakan denda sebanyak RM20,000.00 kepada pemaju Jana Utama Sdn. Bhd. Di bawah Seksyen 20, (Akta Perancangan Bandar 1976, (Akta 172) pula, Mahkamah Sesyen Jenayah (2) Butterworth pada 6 Januari 2023 telah mengenakan denda sebanyak RM55,000.00 kepada pemaju yang sama.

- (a) Taman Pasir Indah merupakan unit RMM A dan telah dijadikan asrama pekerja asing. Merujuk kepada dasar Kerajaan Negeri, RMM A yang dibina oleh pemaju swasta tidak dibenarkan untuk ditukar menjadi asrama pekerja asing. Kerajaan Negeri telah menggesa agar aspek perundangan diteliti, dipinda atau diwujudkan bagi menangani masalah penyewaan unit kediaman RMM A dan RMM B kepada pihak ketiga terutamanya kepada warga asing. Pada masa ini, tiada sebarang klausa di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) [Akta 118] atau mana-mana peruntukan undang-undang yang mensyaratkan unit kediaman termasuk RMM A dan RMM B perlu dihuni oleh pemilik itu sendiri. Melalui Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 23 Mac 2021, unit RMM dan PPR tidak boleh dijadikan sebagai asrama pekerja. Namun, hala tuju berhubung perkara ini adalah menjurus kepada sekatan kepentingan dalam syarat nyata dan pindaan kepada akta sedia ada untuk memastikan semua perkara mengikut landasan undang-undang yang diperuntukan berbanding pekeliling yang dikeluarkan.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

64. Nyatakan sama ada Kerajaan Negeri akan menerima dan memberikan layanan kepada surat-surat rasmi dalam Bahasa Inggeris.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

64. Sehingga ke hari ini, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang arahan secara bertulis daripada pihak Persekutuan berkenaan hal ini. Sehubungan itu, sebarang urusan rasmi dalam Bahasa Inggeris akan diterima.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng SoonSiang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

65. Berapakah unit peranti defibrilator luaran automatik (AED) yang telah dipasang sehingga kini di seluruh negeri Pulau Pinang? Nyatakan secara terperinci jumlah unit yang dipasang oleh Kerajaan Negeri dan pihak NGO masing-masing.
- (a) Apakah sasaran pemasangan AED yang akan disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh lima (5) tahun yang akan datang?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

65. Sehingga kini terdapat 168 AED telah dipasang di Pulau Pinang oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebanyak 21 AED iaitu (3 AED dipasang oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan 18 AED oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Bagi pemasangan oleh NGO setakat ini adalah sebanyak 200 AED bermula daripada tahun 2016 sehingga kini seperti di bawah kelolaan pihak NGO Penang Heart Safe Society.

- (a) Terdapat 45 Unit AED akan dipasang pada masa akan datang iaitu di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Pemasangan dan penempatan Mesin AED adalah mengikut keutamaan dan panduan dari segi tindakbalas, kadar insiden, aktiviti berisiko tinggi dan lokasi kepadatan penduduk yang tinggi.

Manakala terdapat 48 AED yang sedang dipasang oleh pihak Pihak Bekuasa Tempatan (PBT), iaitu MBPP seperti di **LAMPIRAN A**.

Satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa CPR-AED Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 14 November 2023 di bawah Jawatankuasa MMK Kesihatan untuk meneliti serta merangka dasar yang berkait rapat dengan isu keberkesanan pemasangan AED di Negeri Pulau Pinang.

Antara aspek yang akan dipantau melalui Jawatankuasa tersebut adalah:-

- (i) Mengkaji semula lokaliti pemasangan AED agar liputan alat AED dapat disebarkan secara berkesan;
- (ii) Memastikan latihan penggunaan AED dan CPR diselaraskan mengikut piawaian bagi semua program latihan yang akan dilaksanakan kepada orang awam; dan
- (iii) Memberi pengiktirafan kepada pembekal alat AED yang bertauliah serta memastikan latihan selepas jualan *after sales training* dan perkhidmatan selepas jualan *after sales service* bagi setiap alat AED yang dipasang.

## Senarai Premis Bagi Pemasangan Alat Defibrilator Luaran Automatik (AED)

<b>BIL</b>	<b>TAHUN 2021</b>
1.	Taman Jajar
2.	Pusat Belia Lebuh Aceh
3.	Balai Rakyat Taman Sri Pinang
4.	Balai Rakyat Jalan Patani
5.	Balai Rakyat Tanjung Bungah
6.	Balai Rakyat Taman Tun Sardon
7.	Balai Rakyat Bayan Baru
8.	Balai Rakyat Teluk Bahang
9.	Balai Rakyat Batu Lanchang
10.	Balai Rakyat Kompleks Pasar Awam Balik Pulau

<b>BIL</b>	<b>TAHUN 2022</b>
1.	Balai Rakyat Jalan Cantonment
2.	Dewan Lintang Minden
3.	Dewan Prestige
4.	Dewan Lebuhraya Halia
5.	Dewan Bukit Belah
6.	Rumah Kelab MBPP
7.	Padang Polo
8.	Pejabat Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti

<b>BIL</b>	<b>TAHUN 2023 (DALAM PROSES PEMASANGAN JENIS ZOLL AED 3)</b>
1.	Marker Space, Balik Pulau
2.	Tingkat atas Jabatan Warisan
3.	Pasar Taman Terubong Jaya
4.	Pasar Pulau Tikus
5.	Pasar Farlim
6.	Pasar Padang Tembak
7.	Pasar Kampong Baru
8.	Pasar Lebuh Cecil (Borong)
9.	Pasar Lintang Maccallum Dua
10.	Pasar Jalan Patani
11.	Pasar Jalan Tengku
12.	Pasar Rajawali

<b>BIL</b>	<b>TAHUN 2023 (DALAM PROSES PEMASANGAN JENIS ZOLL AED 3 PLUS)</b>
1.	Bangunan City Hall, Padang Kota
2.	Tingkat 17, Komtar
3.	Kenderaan Bahagian Trafik mudah alih (PPM 579 - HILUX)
4.	Kenderaan Bahagian Trafik mudah alih (PPM 603 - HILUX)
5.	Kenderaan Bahagian Trafik mudah alih (PLH 4803 - NAVARA)
6.	Kenderaan Bahagian Trafik mudah alih (PLH 4833 - NAVARA)
7.	Kenderaan Bahagian Trafik mudah alih (PLH 4839 - NAVARA)
8.	Jabatan Perbendaharaan, Paras 15, KOMTAR
9.	Tapak Pelupusan Sampah Jelutong
10.	Pejabat Bahagian Mekanikal & Elektrik
11.	Pejabat Bahagian Geoteknikal No. 23 Jalan Timah Bangunan IOC (Tingkat 4)
12.	Jabatan Kejuruteraan, Tingkat 13, KOMTAR
13.	Pejabat Veterinar
14.	Bekas Klinik Jalan Pasar Pulau Tikus
15.	Bekas Klinik Kampong Baru
16.	Bekas Klinik Lebuhr Pressgrave
17.	Bekas Klinik Pesara Claimant
18.	Pusat Panggilan Nama Kompleks Makanan Persiaran Bayan Indah, Queensbay
19.	Pusat Panggilan Nama Kompleks Pulau Asmara
20.	Pusat Panggilan Nama Kontena Jalan Bunga Raya
21.	Pusat Panggilan Nama Kontena Jalan Kolam Ikan
22.	Pusat Panggilan Nama Kontena Jalan Mas
23.	Pusat Panggilan Nama Kontena Jalan Padang Victoria
24.	Pusat Panggilan Nama Kontena Jalan Permai
25.	Pusat Panggilan Nama Kontena Jalan Sungai Batu
26.	Stor Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
27.	Pusat Panggilan Nama Pasar & Kompleks Makanan Balik Pulau
28.	Pusat Panggilan Nama Pasar & Kompleks Bayan Baru
29.	Pusat Panggilan Nama Pasar & Kompleks Makanan Tanjung Bungah
30.	Pusat Panggilan Nama Pasar Batu Lanchang
31.	Pusat Panggilan Nama Pasar Jalan Dato' Keramat
32.	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Paras 12, Komtar
33.	Tingkat 4, Perhubungan Awam
34.	Paras 16, Jabatan Undang-Undang
35.	Jabatan Pelesenan
36.	Tingkat 14, Komtar

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Mohamad Shukor bin Zakariah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

66. Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah laluan tertutup akibat timbunan tanah selut di semua kuala dalam DUN Pulau Betong?
- (a) Adakah kerajaan memberikan peruntukan tambahan atau peruntukan khas bagi mengatasi masalah ini memandangkan kejadian ini berulang setiap tahun?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

66. Untuk mengatasi masalah laluan tertutup akibat timbunan tanah selut di kuala dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Betong, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan dan pembuangan selut/tambor/beting pasir yang telah siap dilaksanakan pada 1 November 2023 seperti berikut:
- (i) Kerja-kerja mendalam dan membaiki sungai di Pantai Acheh, Sungai Pinang serta lain-lain kerja berkaitan, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang; dan
- (ii) Kerja-kerja mengorek dan membuang selut/beting pasir di muara Kuala Jalan Baru, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

Walaupun bagaimanapun, kawasan berkenaan terlibat dengan air pasang surut yang menyebabkan selut/tambor/beting pasir akan sentiasa berlaku. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan perkara ini dan akan melakukan kerja-kerja pengorekan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan.

- (a) Kerajaan Negeri melalui JPSPP sentiasa memantau keadaan sungai dan kuala di seluruh Pulau Pinang untuk memastikan kejadian-kejadian seperti ini dapat dielakkan. Peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengorekan adalah berdasarkan kepada perancangan tahunan JPSPP. Pemberian peruntukan tambahan atau peruntukan khas adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Negeri.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkefli bin Bakar) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

67. Apakah perincian mengenai rancangan pembangunan LRT Pulau Pinang ke Seberang Perai berjumlah RM10 Bilion serta kaedah pelaksanaannya?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

67. Pada masa ini, pelaksanaan projek LRT sedang menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesen LRT.

Justeru, perincian tentang kos dan kaedah pelaksanaan serta tarikh permulaan projek bergantung kepada keputusan pihak Kementerian Pengangkutan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Chee Yeeh Keen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

68. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kerja pembinaan kontraktor terutamanya melibatkan skim perumahan kos rendah, os sederhana dan mampu milik dilaksanakan mengikut skop dan berkualiti?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

68. Kerajaan Negeri sangat mengambil serius berkaitan dengan kualiti yang melibatkan pembangunan perumahan terutamanya Rumah Mampu Milik (RMM). Setelah Pelan Kebenaran Merancang bagi suatu projek perumahan mendapat kelulusan, Pelan Bangunan

dan semua pelan-pelan teknikal adalah di bawah tanggungjawab dan seliaan individu professional yang mengemukakan pelan tersebut. Semua kerja-kerja di tapak perlu diperakui mengikut skop dan kualiti yang telah ditetapkan sebelum perakuan penyiapan kerja dan pematuhan dikeluarkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Semua perakuan tersebut yang melibatkan 21 perakuan (melalui Borang G1 hingga G21) akan dikumpulkan sebelum Sijil Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance - CCC*) dikeluarkan oleh pihak Perunding Arkitek selaku '*Lead Consultant*'. Pihak kontraktor juga perlu memastikan semua kerosakan (*defects*) diperbaiki semasa dalam tempoh tanggung kecacatan (*Defects Liability Period - DLP*).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa menggalakan pemaju-pemaju swasta untuk mendapatkan pengiktirafan kualiti dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui kaedah Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (QLASSIC). Pihak CIDB menggunakan kaedah skor QLASSIC ini bagi tujuan mengukur dan menilai kualiti hasil kerja pembinaan bangunan yang berasaskan kepada Standard Industri Pembinaan menerusi elemen standard yang ditetapkan. Penilaian tersebut akan dilaksanakan oleh individu yang diberikan tauliah oleh CIDB. Kerajaan Negeri juga telah meletakkan syarat minimum skor QLASSIC iaitu 70% yang perlu diperolehi bagi semua projek-projek RMM di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP Tahun 2021 hingga 2025 yang dilaksanakan di bawah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

Selain itu juga, antara langkah di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan kerja-kerja pembinaan terutamanya melibatkan pembangunan skim RMM dilaksanakan mengikut skop dan berkualiti adalah seperti berikut:-

- (a) Mengeluarkan Notis/Kompaun serta tindakan mahkamah di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 bagi binaan yang dibina melencong daripada kelulusan pelan atau berlakunya sebarang kemungkiran terhadap binaan;
- (b) Mengeluarkan arahan bertulis kepada Perunding untuk menahan pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) untuk Perunding membetulkan sebarang kemungkiran atau ketidakpatuhan yang berlaku; dan
- (c) Melaporkan ketidakakuran Perunding [Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP)] kepada Lembaga Arkitek Malaysia atau Lembaga Jurutera Malaysia.

Pihak pembeli juga boleh merujuk sebarang isu berkaitan pembinaan ini ke Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Izhar Shah bin Datuk Arif Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

69.. Adakah Kerajaan Negeri masih mengamalkan prinsip '*Competency, Accountability & Transparency*' (*C.A.T.*) dalam pentadbiran Kerajaan Negeri?

- (a) Jika ya, adakah Kerajaan Negeri akan melaporkan dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri semua keputusan mesyuarat EXCO dan agensi-agensi Kerajaan Negeri termasuk minit keputusan mesyuarat Majlis-majlis Kerajaan Tempatan?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

69. Keputusan mesyuarat Exco dan agensi-agensi Kerajaan Negeri termasuk minit keputusan mesyuarat Majlis-majlis Kerajaan Tempatan adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] memberikan definisi perkataan "rahsia rasmi" sebagai "apa-apa surat yang dinyatakan di dalam Jadual dan apa-apa maklumat atau bahan yang berhubung dengannya dan termasuklah apa-apa surat rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad", mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B".

Seksyen 2B Akta 88 memperuntukkan kuasa kepada Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri untuk melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya untuk mengkelaskan (*classify*) apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit”, “Terhad”, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Manakala seksyen 2C Akta 88 pula memperuntukkan kuasa kepada Menteri atau pegawai awam yang dipertanggungjawabkan dengan apa-apa tanggungjawab tentang mana-mana Kementerian, Jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau ketua pentadbiran yang menjaga hal ehwal pentadbiran sesuatu Negeri untuk, pada bila-bila masa, mengkelaskan semula (*declassify*) apa-apa surat yang dinyatakan di dalam Jadual atau apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan. Selepas pengkelasan semula itu, surat, maklumat dan bahan tersebut adalah terhenti menjadi rahsia rasmi.

Justeru, sebarang salah laku dengan melanggar perkara berkaitan akan disiasat mengikut Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972.

Oleh yang demikian, minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) tidak boleh dimuat naik ke dalam portal rasmi Kerajaan Negeri kerana bertaraf ‘Rahsia’.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

70. Nyatakan pencapaian dan rancangan masa depan kerajaan untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai negeri yang paling hijau seperti dalam sektor awam, perumahan, sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE) dan kenderaan elektrik (EV).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

70. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat komited untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah negeri hijau menjelang tahun 2030. Kemasukan pelabur-pelabur besar ke Malaysia seperti syarikat teknologi dan kenderaan elektrik (EV) memerlukan tenaga kemahiran tempatan yang ramai. Industri ini perlu digerakkan oleh tenaga berkemahiran tinggi terutamanya dalam membangunkan sistem, aplikasi dan perkhidmatan seperti kecerdasan buatan (AI). Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberikan tumpuan dalam meneroka bidang baharu khususnya penekanan dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi serta kejuruteraan AI yang boleh dimanfaatkan masyarakat dan industri.

Antara langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memenuhi keperluan industri untuk tenaga kerja mahir dalam bidang EV dan AI termasuklah perancangan untuk mengenal pasti ekosistem kenderaan elektrik serta keperluan kemahiran untuk setiap peringkat ekosistem bagi kedua-dua bidang tersebut. Selain itu, Negeri Pulau Pinang mempunyai kepakaran bagi teknologi bateri EV di samping turut mempunyai institusi pengajaran kemahiran mekanik. Tambahan lagi, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional *Technical and Vocational Education and Training* – TVET boleh direka dan diketengahkan bagi keperluan kemahiran EV dan AI dengan mengambil kira kekuatan sedia ada Negeri Pulau Pinang dalam bidang ini.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan beberapa inisiatif untuk mendepani cabaran modal insan termasuk keperluan industri bagi tenaga kerja mahir dalam bidang AI dan EV. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memulakan perolehan kenderaan dan motosikal elektrik semenjak tahun 2015 bagi kegunaan



penguatkuasaan di sekitar Pulau Pinang. Selain itu, kedua-dua PBT juga dalam perancangan untuk membeli kenderaan elektrik sebagai kenderaan kegunaan jabatan mulai tahun 2024 tertakluk kepada prestasi kewangan dan keperluan semasa.

Di peringkat PBT pula, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah membuat panggilan *Request For Proposal* (RFP) Fasa 1 bagi pemasangan stesen pengecas EV di 26 buah lokasi bagi seluruh kawasan pentadbiran MBPP di mana RFP ini masih dalam peringkat penilaian. Pemasangan ini akan melibatkan tempat letak kenderaan MBPP (on street parking) dan tempat letak kenderaan premis MBPP yang akan merangkumi DC & AC charging station. Kerja-kerja pemasangan stesen pengecas EV dijangka akan dimulakan pada suku pertama tahun 2024.

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB) pula telah menyediakan tapak mengecas kereta elektrik di Tapak Letak Kereta Kakitangan di Menara Bandaraya, Bandar Perda, Bukit Mertajam selain menggalakkan pemaju bagi penyediaan stesen caj kenderaan elektrik (EV) di beberapa kawasan kemudahan awam di Seberang Perai serta memudah cara urusan kelulusan pelan di peringkat Permohonan Kebenaran Merancang.

Selain itu, di peringkat Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Garis Panduan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) dan Prosedur Permohonan Pemajuan telah dibentangkan ke Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-42 Bilangan 2 Tahun 2023 pada 18 September 2023. Ia dipersetujui untuk pemakaian dan pelaksanaan di semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis panduan ini akan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri bagi kelulusan pemakaian di kedua-dua PBT.

Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai negeri yang paling hijau seperti dalam sektor awam, perumahan, sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE). Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah melalui pemasangan panel solar di bangunan kerajaan seperti di empat (4) bangunan milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan empat (4) bangunan milik Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Inisiatif ini merupakan cara terbaik untuk mengurangkan jejak karbon dan pencemaran alam sekitar tanpa melibatkan sebarang pelepasan gas rumah hijau kerana pemasangan panel solar ini dapat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 1,558 tan setahun. Terbaharu, Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan pemasangan panel solar di empat (4) Pejabat Daerah dan Tanah seperti berikut:

- (a) Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya;
- (b) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara;
- (c) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah; dan
- (d) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mendepani cabaran modal insan.

---

**1. Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya**

Kaedah mempromosikan Pulau Pinang adalah melalui '*outreach programme*' bersama Institusi Pengajian Tinggi bagi memberikan kesedaran kepada para pelajar dan juga pencari kerja di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini.

**2. Pelaksanaan program subsidi latihan industri iaitu '*Penang Internship Subsidy Program*' (PISP)**

Pelaksanaan program ini bertujuan sebagai salah satu peluang bagi para pelajar di Malaysia mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkeelayakan dengan memperolehi kadar elaun bulanan yang menarik.

**3. Pelaksanaan program biasiswa '*Penang Future Foundation*' (PFF)**

Program ini merupakan sebuah program yang menawarkan biasiswa daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang majoritinya adalah anak jati negeri yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian mereka di Institusi Pengajian Tinggi tempatan. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. Program PFF terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina. Setelah berjaya menamatkan pengajian yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor awam mahupun swasta.

**4. Mempromosikan program-program yang bermanfaat seperti Program '*My Next, Career Comeback*'**

Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (*Northern Corridor Implementation Authority* – NCIA), TalentCorp Malaysia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan melaksanakan hebahan bagi program-program berkaitan pekerjaan melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang dan Pusat CAT. Kerjasama ini membolehkan Pusat CAT Pulau Pinang menyalurkan sebarang pertanyaan mahupun permohonan daripada golongan sasaran pencari kerja terus kepada pihak yang berkaitan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada.

**5. Youth Entrepreneurship Challenge (YEC) 4.0 National Level 2023**

Kerajaan Negeri mewujudkan peluang kepada usahawan belia yang bercita-cita tinggi serta memupuk minat belia dalam bidang keusahawanan.

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Nor Zamri bin Latiff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

71. Senaraikan bilangan pemohon kewarganegaraan dan bilangan pemohon yang telah diluluskan berdasarkan asal negara pemohon dari tahun 2021 hingga kini.
  - (a) Senaraikan syarat-syarat yang melayakkan mereka memohon warganegara Malaysia.
  - (b) Senaraikan pihak dan agensi yang terlibat dalam meluluskan kewarganegaraan ini di Pulau Pinang..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

71. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sebanyak 17,113 permohonan kewarganegaraan daripada pelbagai perkara telah diterima bagi tempoh Januari 2021 sehingga Oktober 2023. Daripada jumlah tersebut, 188 permohonan telah diluluskan, 864 permohonan telah ditolak dan 16,061 permohonan sedang diproses.

Daripada 188 permohonan yang diluluskan, 40 permohonan dari negara asal Indonesia, 16 permohonan dari negara asal India, 5 permohonan dari negara asal Filipina dan 127 permohonan dari negara-negara lain.

Ingin dijelaskan bahawa jumlah kelulusan yang dinyatakan adalah daripada permohonan yang diterima bagi tempoh tersebut sahaja dan jumlah itu tidak termasuk permohonan yang diterima, diproses dan diluluskan pada tahun sebelumnya. Sehingga Oktober 2023, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah berjaya mengeluarkan sebanyak 10,381 keputusan permohonan kewarganegaraan atau 103.8% melebihi sasaran Key Performance Indicator (KPI) 10,000 permohonan yang ditetapkan. Proses pertimbangan permohonan akan diteruskan sehingga semua permohonan dapat diberi keputusan.

(a) Penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

Syarat-syarat wajib kelayakan untuk warga asing memohon kewarganegaraan seperti berikut:-

**KEWARGANEGARAAN MELALUI PENDAFTARAN**

- (1) Di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan bagi isteri kepada warganegara Malaysia dengan syarat-syarat berikut:-
  - (a) Suami kepada wanita warga asing berkenaan bertaraf warganegara Malaysia;
  - (b) Perkahwinan masih wujud dan berterusan;
  - (c) Perkahwinan yang didaftarkan mengikut perundangan bertulis di Malaysia;
  - (d) Pemohon telah memenuhi tempoh kemastautinan melebihi dua (2) tahun sebelum tarikh permohonan;
  - (e) Berniat untuk bermastautin secara tetap; dan
  - (f) Berkelakuan baik.
- (2) Di bawah Perkara 15(2), permohonan boleh dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu atau bapa atau penjaga mana-mana orang yang di bawah umur 21 tahun, maka Kerajaan boleh menyebabkan orang itu didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya sekarang (atau pada masa kematiannya) seorang warganegara.
- (3) Di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, bagi individu berumur bawah 21 tahun dalam keadaan khas adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- (4) Di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur 18 tahun dan ke atas yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka dengan syarat-syarat berikut:-
  - (a) Pemohon telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh tidak kurang daripada 5 tahun dalam masa 7 tahun sebelum tarikh permohonan;
  - (b) Berniat untuk bermastautin secara tetap;

- (c) Berkelakuan baik; dan
- (d) Mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Melayu.

**KEWARGANEGARAAN MELALUI PENATURALISASIAN**

- (2) Kewarganegaraan melalui penaturalisasian di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan dengan syarat-syarat berikut:-
- (a) Berumur 21 tahun atau lebih;
  - (b) Pemohon telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dalam masa 12 tahun sebelum tarikh permohonan;
  - (c) Berniat untuk bermastautin secara tetap;
  - (d) Berkelakuan baik; dan
  - (e) Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang mencukupi.

- (b) Permohonan kewarganegaraan dikemukakan secara berasingan dengan kandungan maklumat dan dokumen sokongan yang berbeza-beza, maka hasil penilaian dan pertimbangan juga adalah berbeza mengikut keperluan, bukti dan fakta kes berdasarkan maklumat yang diberikan. Fakta dan dokumen bukti yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Pertimbangan yang teliti perlu dilaksanakan bagi memastikan taraf kewarganegaraan Malaysia diberikan kepada individu yang benar-benar layak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan berkaitan tanpa menjejaskan aspek keselamatan, kepentingan negara dan warganegara sedia ada. Justeru, penglibatan, kerjasama dan komitmen pelbagai agensi seperti PDRM, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Konsulat Negara Asing dan agensi-agensi lain yang berkaitan diperlukan dalam proses permohonan kewarganegaraan.

Sejak 2013, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Program Kewarganegaraan Kerajaan Negeri sebagai satu usaha bagi membantu menyelaraskan isu kewarganegaraan yang dihadapi oleh penduduk Pulau Pinang yang tidak mempunyai taraf kerakyatan Malaysia.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Fauzi bin Yusoff) bertanya kepada YA.B. Ketua Menteri:**

72. Apakah perkembangan terkini projek LRT di Pulau Pinang?
- (a) Syarikat manakah yang akan terlibat dan berapa lamakah projek ini akan mengambil masa untuk disiapkan?
  - (b) Terangkan bagaimana projek ini akan dibuat bawah tanah dan di dasar laut..

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

72. Pada masa ini, pelaksanaan projek LRT sedang menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal, iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesen LRT.
- (a) Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan telah memutuskan MRT Corporation Sdn. Bhd yang merupakan anak syarikat kerajaan milik Kementerian Kewangan akan berperanan sebagai agensi pelaksana, pemilik aset serta operator yang akan melaksanakan projek LRT Pulau Pinang tersebut. Walau bagaimanapun, tempoh pelaksanaan bagi projek ini bergantung kepada keputusan pihak Kementerian Pengangkutan.
  - (b) Kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal, iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesen bergantung kepada keputusan Kementerian Pengangkutan jua.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

73. Apakah perkembangan terkini projek hospital patuh syariah di Bayan Baru?
- (a) Apakah pelan Kerajaan Negeri dalam memastikan projek ini dapat disiapkan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

73. Penubuhan Pembinaan Hospital Islam Pulau Pinang dianggarkan bernilai RM300 juta tertanggung selepas kontraktor yang dilantik sejak 2018 gagal menyiapkan projek berikutan isu dana dan ketiadaan pelabur untuk membiayai projek berkenaan.

- (a) Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) melalui Kerajaan Negeri sedang mendapatkan rakan strategik sama ada dari dalam atau luar negara.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah dilantik sebagai Project Management Office (PMC) bagi melaksanakan kajian dan kaedah pelaksanaan terbaik bagi membolehkan projek ini diteruskan.

Ahli Lembaga Pengarah YIPP sedang distruktur semula yang dianggotai oleh para professional dalam bidang berkaitan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Mohd Sobri bin Saleh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

74. Senaraikan bilangan kelulusan lesen penjaja di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2023 mengikut bangsa dan DUN.

- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu memudahkan urusan mendapatkan lesen tersebut?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

74. Perincian bilangan kelulusan lesen penjaja di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga tahun 2023 mengikut bangsa dan DUN adalah seperti di **Lampiran**.

- (a) Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) komited dalam membantu memudahkan penjaja mendapatkan lesen melalui inisiatif seperti berikut:

- (i) Memudahkan proses pengeluaran lesen / permit kepada penjaja / peniaga kecil;
- (ii) Mewujudkan Garis Panduan yang boleh diakses melalui laman web PBT bagi dijadikan panduan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan;
- (iii) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik PBT melalui sesi temuduga ruang niaga yang diadakan setiap bulan;
- (iv) Memberi taklimat dan sesi konsultasi kepada penjaja-penjaja ditapak;
- (v) Mengadakan Program Mesra Pelanggan yang dikenali "Santai Peniaga" bagi membantu peniaga-peniaga untuk menukarkan konsep / bentuk perniagaan kepada trak makanan dengan menyelaraskan perjumpaan peniaga-peniaga bersama agensi kewangan berkaitan dan penyedia trak makanan;
- (vi) Mensyaratkan kepada mana-mana pemajuan baharu di Pulau Pinang berkenaan keperluan menyediakan ruang niaga di lokasi yang strategik berdasarkan keperluan di sesuatu lokaliti;

- (vii) Mewujudkan lokasi penempatan semula penjaja tepi jalan bagi lokasi-lokasi yang bersesuaian dan tidak menimbulkan halangan dan kacau ganggu kepada orang awam; dan
- (viii) Memberi khidmat nasihat semasa penyerahan notis terhadap penjaja tanpa lesen.

## SENARAI KELULUSAN LESEN PENAJA DI PULAU PINANG SEJAK TAHUN 2018 SEHINGGA TAHUN 2023 MENGIKUT BANGSA DAN DUN

BIL	KADUN	2018				2019				2020				2021				2022				2023			
		BANGSA				BANGSA				BANGSA				BANGSA				BANGSA				BANGSA			
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
<b>DAERAH SEBERANG PERAI UTARA</b>																									
1	PENAGA	92	76	34	0	95	8	0	0	167	3	0	0	45	0	0	0	70	5	0	0	34	0	10	0
2	BERTAM	102	76	25	0	36	3	0	0	33	2	2	0	62	1	0	0	82	25	3	0	32	2	0	0
3	PINANG TUNGGAL	0	0	0	0	33	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	101	23	4	0	1	0	0	0
4	PINANG TUNGGAL	0	1	1	0	44	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	36	9	2	0	0	1	1	0
5	SUNGAI DUA	52	15	5	0	10	2	2	0	30	4	0	0	31	1	0	0	57	2	1	0	10	0	0	0
6	SUNGAI PUYU	20	24	18	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	238	89	19	0	4	14	1	0
7	TELUK AIR TAWAR	2	1	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	27	4	2	0	7	0	0	0
8	BAGAN DALAM	32	90	20	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	110	163	52	0	1	2	0	0
9	BAGAN JERMAL	74	30	36	0	22	40	6	0	35	64	7	0	30	79	6	0	150	159	19	0	16	3	0	0
<b>DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH</b>																									
1	SEBERANG JAYA	47	46	43	0	52	2	3	0	25	0	0	0	68	6	3	0	158	93	6	0	20	0	1	0
2	PERMATANG PASIR	60	49	18	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	43	33	0	0	16	1	0	0
3	PENANTI	38	6	2	0	8	2	0	0	0	0	0	0	28	1	0	0	28	18	0	0	5	0	0	0
4	BERAPI	11	39	3	0	8	31	3	0	0	6	0	0	6	47	4	0	22	194	15	0	2	24	1	0
5	MACHANG BURUK	128	134	52	0	5	11	0	0	0	1	1	0	63	52	4	0	61	170	5	0	14	11	0	0
6	PERAI	1	32	11	0	15	14	4	0	48	47	8	0	20	12	3	0	91	161	33	0	20	54	2	0
7	BUKIT TENGAH	17	6	2	0	16	41	3	0	65	144	7	0	12	7	2	0	62	70	27	0	2	9	7	0
8	PADANG LALANG	120	192	8	0	2	16	1	0	1	0	0	0	5	71	6	0	27	246	11	0	6	14	2	0
<b>DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN</b>																									
1	BUKIT TAMBUN	49	42	10	0	15	5	1	0	13	24	3	0	8	32	2	0	18	29	6	0	21	12	1	0
2	JAWI	7	17	2	0	38	19	5	0	37	31	3	0	28	21	4	0	34	156	14	0	19	8	1	0
3	SUNGAI BAKAP	4	17	3	0	17	14	4	0	33	18	4	0	19	15	5	0	43	82	13	0	23	3	0	0
4	SUNGAI ACHEH	22	27	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0	14	2	0	0	9	10	2	0	2	1	0	0
<b>DAERAH TIMUR LAUT</b>																									
1	AIR PUTIH	0	4	0	0	3	0	2	0	4	4	2	0	6	2	2	0	0	3	0	0	4	3	1	0
2	TANJONG BUNGA	5	11	2	0	8	14	3	0	9	3	3	0	7	6	0	0	1	0	1	0	5	4	4	0
3	KEBUN BUNGA	1	5	0	0	31	12	2	0	21	11	4	0	10	12	4	0	9	2	2	0	3	6	0	0
4	PULAU TIKUS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	4	0	0	0	3	6	0	0
5	PADANG KOTA	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1	1	0	4	5	1	0	3	1	0	0	0	1	0	0
6	PENKALAN KOTA	3	11	3	0	10	8	4	0	8	1	1	0	14	10	1	0	5	1	0	0	6	0	0	0
7	KOMTAR	2	4	0	0	4	2	2	0	11	6	1	0	10	12	0	0	1	7	0	0	12	11	3	0
8	DATUK KERAMAT	9	4	3	0	35	42	0	0	14	5	2	0	7	12	0	0	20	14	4	0	11	7	1	0
9	SUNGAI PINANG	10	0	1	0	35	1	5	0	7	1	2	0	14	0	4	0	21	12	1	0	13	0	1	0
10	BATU LANCHANG	0	1	0	0	3	3	0	0	0	2	0	0	1	5	4	0	6	6	4	0	2	3	0	0
11	SERI DELIMA	5	1	4	0	26	3	5	0	17	5	4	0	7	2	0	0	7	0	0	0	2	0	0	0
12	PAYA TERUBONG	1	1	3	0	9	20	5	0	20	13	5	0	0	2	2	0	12	5	2	0	4	19	5	0
13	AIR ITAM	4	17	5	1	17	16	5	0	4	15	4	0	6	5	1	0	6	12	2	0	5	4	1	0
<b>DAERAH BARAT DAYA</b>																									
1	BATU UBAN	4	1	0	0	11	1	0	0	6	1	0	0	0	0	0	0	3	0	0	0	3	0	0	0
2	PANTAI JEREJAK	4	3	0	0	15	2	0	0	13	9	3	0	3	3	0	0	43	7	2	0	20	14	2	0
3	BATU MAUNG	1	0	0	0	16	1	1	0	8	0	0	0	8	1	0	0	6	0	0	0	6	2	0	0
4	PULAU BETONG	15	9	3	0	16	11	1	0	13	12	3	0	13	4	2	0	8	2	0	0	3	2	1	0
5	BAYAN LEPAS	26	26	4	0	33	11	4	0	16	11	3	0	11	1	0	0	45	22	0	0	26	2	1	0
6	TELUK BAHANG	10	2	1	0	8	5	0	0	3	4	2	0	7	7	5	0	5	1	3	0	1	0	0	0

ID795/3

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Bukhori bin Ghazali) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

75. Nyatakan SOP permohonan untuk mendapatkan tauliah menyampaikan kuliah di masjid dan surau di negeri Pulau Pinang.
- Senaraikan jumlah yang berjaya mendapatkan tauliah dan jumlah yang memohon dari tahun dari 2018 hingga 2022 mengikut setiap daerah.
  - Senaraikan nama panel penemuduga tauliah setiap daerah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

75. Sebagai makluman kepada Yang Berhormat, *Standard Operating Procedure* (SOP) permohonan untuk mendapatkan tauliah menyampaikan kuliah di masjid dan surau di negeri Pulau Pinang adalah tertakluk di bawah Kaedah-kaedah Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama (Negeri Pulau Pinang) 1998, Bahagian III Orang Yang Mengajar seperti berikut:-

**(1) Kaedah 9** iaitu:

- Seseorang yang berhasrat untuk diberi tauliah untuk mengajar hendaklah membuat permohonan kepada Jawatankuasa dengan menggunakan Borang 1 dalam Jadual (iaitu Borang Permohonan Untuk Mendapatkan Tauliah Mengajar);
- Setiap permohonan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen yang perlu; dan
- Setiap permohonan hendaklah disokong oleh dua orang penyokong.

**(2) Kaedah 10** iaitu:

- Selepas sahaja menerima permohonan di bawah Kaedah 9, Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat untuk membincang dan membuat perakuan di atas permohonan itu; dan
- Jawatankuasa hendaklah mengemukakan perakuannya kepada MAINPP dalam masa empat belas 14 hari dari tarikh perakuan itu dibuat.

**(3) Kaedah 11** iaitu:

MAINPP hendaklah memaklumkan keputusannya kepada pemohon dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh keputusan itu dibuat.

- Senarai jumlah pemohon yang berjaya mendapatkan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Pulau Pinang mulai tahun 2018 sehingga 2022 adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	Tahun				
		2018	2019	2020	2021	2022
1	Mengajar Agama dan Ceramah Umum	7	17	1	1	2
2	Mengajar Fardu Ain	5	9	6	29	28
3	Mengajar Al-Quran dan Tajwid	47	85	29	19	18
4	Semua Kategori	12	57	5	34	15
Jumlah		71	168	41	83	63
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>426 orang</b>				

Jumlah permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Pulau Pinang mulai tahun 2018 hingga 2022 adalah sebanyak 753 orang. Perincian status permohonan tauliah adalah seperti berikut:



- (i) Tahun 2018, seramai 67 orang lulus temuduga, 42 orang tidak lulus temuduga dan 59 orang tidak hadir temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2018 adalah seramai 168 orang;
- (ii) Tahun 2019, seramai 132 orang lulus temuduga, 70 orang tidak lulus dalam temuduga dan 143 orang tidak menghadiri temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2019 adalah seramai 345 orang;
- (iii) Tahun 2020, seramai 41 orang lulus temuduga, 38 orang tidak lulus dalam temuduga dan 36 orang tidak menghadiri temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2020 adalah seramai 115 orang;
- (iv) Tahun 2021, seramai 22 orang lulus temuduga, 18 orang tidak lulus dalam temuduga dan 38 orang tidak menghadiri temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2021 adalah seramai 78 orang; dan
- (v) Tahun 2022, kehadiran calon adalah penuh. Seramai 22 orang lulus temuduga dan 25 orang tidak lulus dalam temuduga. Menjadikan jumlah keseluruhan permohonan tauliah bagi tahun 2022 adalah seramai 47 orang.

Semua permohonan tauliah dari tahun 2018 hingga 2022 telah diproses dan telah dimaklumkan kepada pemohon. Sebagai makluman tambahan kepada Yang Berhormat, permohonan yang diterima mulai Januari hingga Mac 2023, sebanyak 82 permohonan telah diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Pengawasan dan Pengajaran Agama Islam pada 2 Februari 2023 dan 10 April 2023. Keputusan berkenaan seterusnya diangkat ke Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 23 Februari 2023 dan 25 Mei 2023 sebelum dimaklumkan kepada pemohon.

- (b) Panel Penemuduga Tauliah tidak dilantik di setiap daerah. Sebaliknya, Penemuduga Tauliah adalah dilantik berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 118 (1) Majlis hendaklah melantik suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam, yang hendaklah terdiri daripada:
  - (i) Mufti, sebagai Pengerusi; dan
  - (ii) Tidak kurang daripada tiga (3) orang dan tidak lebih daripada tujuh (7) orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai.

Senarai jawatankuasa berkenaan adalah seperti berikut:

Bil	Nama	Jawatankuasa
1.	Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Pengerusi
2.	YBhg. Dato' Rosli bin Othman Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang	Ahli
3.	Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM	Ahli
4.	Ustaz Ahmad bin Hashim Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran, KITAB	Ahli
5.	Ustazah Rohayati binti Daud	Ahli

	Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling, USM	
6.	Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang	Ahli
7.	Ustaz Subki bin Mohamed Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun	Ahli
8.	Mohd Hanif bin Omar @ Wahab Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah, JHEAIPP	Setiausaha

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

76. Nyatakan bilangan dan jenis GLC di bawah Kerajaan Negeri.
- (a) GLC di Pulau Pinang telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan projek dijalankan. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan, meningkatkan 'job security' dan memastikan bakat GLC dapat kekal berkhidmat di agensi masing-masing dan terus menyumbang kepada pembangunan negeri?.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

76. Pada masa kini, terdapat 15 *Government-Linked Company* (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) GLC di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI). Senarai kesemua 16 GLC tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Bagi memastikan kebajikan, jaminan pekerjaan dan bakat GLC dapat kekal berkhidmat di agensi masing-masing dan terus menyumbang kepada pembangunan negeri, Kerajaan Negeri telah membuka ruang dan peluang kepada setiap GLC untuk melantik pegawai-pegawai yang berkhidmat selama dua (2) tahun dan ke atas, yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan memberangsangkan serta mencapai petunjuk prestasi utama yang ditetapkan untuk diberi pertimbangan bagi meneruskan kontrak untuk sesuatu tempoh yang lebih panjang atau boleh terus diserap untuk berkhidmat secara tetap di GLC yang berkaitan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan platform bagi menghantar pekerja-pekerja yang berpotensi tinggi untuk menghadiri atau menjalani latihan yang berkaitan dengan fungsi dan tugas masing-masing di dalam organisasi. Kerajaan Negeri juga turut menyediakan geran tahunan bagi setiap GLC yang merangkumi perbelanjaan bagi pembayaran gaji dan emolumen serta manfaat bagi setiap kakitangan di GLC. Gaji yang ditawarkan adalah setaraf dengan sektor swasta iaitu lebih kompetitif berbanding dengan gaji mengikut skim pencen. Ini adalah untuk memastikan setiap GLC dapat menyelaraskan agenda dan fokus kepada penyampaian perkhidmatan dengan lebih baik. Langkah-langkah ini, bukan sahaja untuk meningkatkan jaminan kerja dalam kalangan pekerja GLC tetapi juga bagi mengekalkan bakat dan mempertahankan pekerja yang berkemahiran tinggi untuk terus berkhidmat dan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih baik dan cemerlang.

**SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI DI BAWAH  
PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG (CMI)**

<b>BIL</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>
1.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.
2.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)
3.	PWDC Sdn. Bhd. (Penang Women's Development Corporation)
4.	PYDC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Youth Development Cooperation)
5.	Digital Penang Sdn. Bhd.
6.	Penang Stem Sdn. Bhd.
7.	Penang Science Cluster
8.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCDC)
9.	George Town World Heritage Incorporated
10.	Penang Tech Centre
11.	PICEB Sdn. Bhd. (Penang Convention & Exhibition Bureau)
12.	Penang Halal International Sdn. Bhd.
13.	Penang FC Sdn. Bhd.
14.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.
15.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)

**SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI DI BAWAH  
PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN PULAU PINANG (SSI)**

<b>BIL</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>
1.	Invest-In-Penang Berhad

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Kumaran a/l Krishnan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

77. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan industri pelancongan di DUN Bagan Dalam?
- (a) Bandar Butterworth merupakan antara bandar lama di negeri Pulau Pinang yang kaya dengan bangunan warisan serta masjid dan rumah ibadat bukan Islam (RIBI) yang bersejarah. Adakah Kerajaan Negeri akan mempromosi bangunan tersebut sebagai tarikan pelancongan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

77. Untuk promosi pelancongan, *Penang Global Tourism* (PGT) mempromosikan tarikan di DUN Bagan Dalam dan Seberang Perai melalui pelbagai aktiviti pemasaran dan promosi. Aktiviti promosi adalah penting untuk mengukuhkan promosi pelancongan Pulau Pinang di pasaran antarabangsa dan domestik serta sebagai platform untuk pemain industri tempatan berhubung ke pasaran antarabangsa untuk menawarkan pakej pelancongan serta meningkatkan ketibaan pelancong ke Pulau Pinang.

Selain itu, PGT juga menggalakkan dan mencadangkan syarikat-syarikat acara untuk menganjurkan lebih banyak acara di Butterworth. Sebagai contoh, *Penang International Food Festival* telah dianjurkan di kawasan Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi.

- (a) Untuk promosi pelancongan, PGT telah mempromosikan bangunan-bangunan warisan di Butterworth termasuk masjid dan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) melalui media sosial, risalah, video dan pameran pelancongan.

Selain itu, PGT juga turut mengadakan *FAM Trip (familiarization trip)* kepada wakil media dan ejen pelancongan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada para pemain industri pelancongan mengenai Butterworth. Pendedahan ini juga membolehkan mereka memperoleh pengetahuan yang lebih mendalam untuk berkongsi dengan pelanggan dan pembaca mereka serta meningkatkan promosi terhadap kawasan tersebut.

PGT juga mempromosikan lokasi fotografi pra-perkahwinan di *Minor Basilica of St. Anne*, Bukit Mertajam dan tempat-tempat pelancongan lain melalui persatuan-persatuan perancang majlis perkahwinan tempatan.